

Jilid I
Bil. 48

Hari Rabu
21hb Mac, 1979



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL PERTAMA
First Session

KANDUNGANNYA

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 4825]

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT [Ruangan 4883]

USUL:

Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga [Ruangan 4883]

UCAPAN PENANGGUHAN:

Kematian Loh Kim di Hospital Besar Ipoh [Ruangan 4944]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG PERTAMA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, **TAN SRI DATO' (DR) SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.P., P.I.S., B.S.I.**
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, **DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).**
- .. Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, **DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).**
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).**
- .. Menteri Pengangkutan, **TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).**
- .. Menteri Undang-undang, **DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).**
- .. Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).**
- .. Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, **TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).**
- .. Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, **TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).**
- .. Menteri Kebajikan Am, **DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).**
- .. Menteri Pertahanan, **DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).**
- .. Menteri Luar Negeri, **Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).**
- .. Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, **DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).**
- .. Menteri Pelajaran, **DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).**
- .. Menteri Kewangan, **Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).**
- .. Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, **DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).**
- .. Menteri Kesihatan, **TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).**
- .. Menteri Pertanian, **DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).**
- .. Menteri Penerangan, **DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).**

- Yang Berhormat Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).**
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- „ Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- „ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- „ Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- „ Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- „ Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO S. SAMY VELLU, D.P.M.S., A.M.N. (Sungei Siput).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam.**
DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- .. Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, **TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, **TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, **TUAN LUHAT WAN (Baram).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, **TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, **DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Batu Pahat).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, **DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).**
- .. Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, **TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, **TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, **TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, **TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, **TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, **TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).**
- .. Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, **TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).**
- .. **TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).**
- .. **TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).**
- .. **TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).**
- .. **TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).**
- .. **TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).**
- .. **DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).**
- .. **TUAN ABDUL SHUKUR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).**
- .. **DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).**
- .. **TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).**
- .. **TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).**
- .. **TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).**
- .. **DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).**
- .. **TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).**
- .. **TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).**
- .. **TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).**
- .. **TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).**
- .. **TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).**

Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
,, DR CHEN MAN HIN (Seremban).
,, TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
,, TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
,, TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
,, PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
,, TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
,, TUAN V. DAVID (Damansara).
,, TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
,, TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
,, DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
,, TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
,, DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
,, TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
,, TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
,, TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
,, DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
,, TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
,, TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
,, TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
,, TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
,, TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
,, TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
,, TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
,, TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
,, TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
,, TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
,, TUAN MARK KODING (Kinabalu).
,, TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
,, TUAN LEE KAW (Kluang).
,, TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
,, TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
,, TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
,, TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
,, TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
,, TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
,, TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
,, TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
,, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
,, TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,
P.P.M. (Hilir Padas).
- .. TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL RAIS, A.M.P. (Parit).
- .. TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- .. TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- .. TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- .. TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- .. TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- .. TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- .. DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.
(Kuala Nerus).
- .. DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- .. TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- .. TUAN P. PATTO (Menglembu).
- .. TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- .. DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- .. DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- .. TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- .. TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- .. TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- .. PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- .. TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- .. TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- .. TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- .. TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- .. TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- .. TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- .. DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- .. TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- .. TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- .. TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- .. TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- .. WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- .. WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- .. TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- .. DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- .. TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- .. PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- .. DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- .. TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- .. TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

 Rabu, 21hb Mac, 1979

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT
BAGI PERTANYAAN-
PERTANYAAN

NAVAL BASE DI KOTA BHARU

1. **Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad** minta Menteri Pertahanan menyatakan sama ada Kerajaan akan mengadakan, Naval Base di Pantai Timur sama ada di Kelantan atau di Trengganu memandangkan pintu masuk ke negeri kita terbuka dengan luasnya seperti berlakunya pendaratan tentera Jepun di Kota Bharu dalam Perang Dunia Kedua dahulu dan juga ancaman dari utara. Jika tidak, mengapa.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan (Dato Abdul Jalal bin Haji Abu Bakar): Tuan Yang di-Pertua, sebuah Pengkalan TLDM telahpun dibina di Pantai Timur Semenanjung Malaysia di Tanjung Gelang, Kuantan, Pahang. Pembinaan projek ini telahpun dimulakan sejak awal tahun 1976 dan dijangka siap pada tahun 1982. Walau bagaimanapun dermaga di Pengkalan ini telahpun disiapkan pada pertengahan tahun 1978 yang lalu dan telahpun digunakan oleh kapal-kapal Tentera Laut Di Raja Malaysia untuk keperluan minyak, air dan bekalan makanan bagi tujuan operasi di Pantai Timur.

Oleh kerana Pengkalan TLDM di Kuantan itu adalah untuk keseluruhan perairan Pantai Timur termasuk Kelantan dan Trengganu, oleh yang demikian Kerajaan tidaklah bercadang untuk membina sebuah lagi Pengkalan Tentera Laut di Pantai Timur Semenanjung buat masa ini.

TANAH PESAKA

2. **Wan Zainab binti M.A. Bakar (di bawah S. O 24 (2))** minta Menteri Undang-undang menyatakan sama ada Kementeriannya sedar bahawa kaedah untuk menyelesaikan tanah pesaka seseorang yang mati secara 'intestate' (tanpa membahagi-bahagikan tanahnya kepada warisnya terlebih dahulu) terpaksa melalui proses yang menjemukan dan mengambil masa yang lama.

Timbalan Menteri Undang-undang (Dato' Abdullah bin Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, cara-cara mentadbir harta pesaka yang mengandungi tanah bagi seseorang yang mati tanpa wasiat adalah dibahagikan kepada 2 jenis seperti berikut:

- (1) Secara Harta Pesaka Kecil jika jumlah nilai harta si mati termasuk tanah tidak melebihi \$50,000. Ini adalah di bawah kuasa Pemungut Hasil Tanah dan Pegawai Penyelesai Harta Pesaka Kecil;
- (2) Secara Harta Pesaka di bawah Seksyen 81 Akta Probet dan Pentadbir Pesaka, 1959. Jika jumlah nilai harta pesaka si mati melebihi \$50,000 harta pesaka ini adalah di bawah kuasa Mahkamah Tinggi.

Kedua-dua jenis harta pesaka ini melibatkan pengeluaran kad biru (Borang C) oleh Pendaftar Mahkamah Tinggi, Kuala Lumpur. Ini adalah mustahak untuk menentukan sama ada seseorang telah membuat permohonan terlebih dahulu untuk mentadbir harta pesaka yang sama. Penentuan ini adalah memakan masa. Sebelum sesuatu surat kuasa dapat dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi, pemohon surat kuasa mestilah terlebih dahulu mendapatkan:

- (1) Sijil bayaran duti harta pesaka atau sijil pengecualian daripada Pemungut Duti Harta Pesaka;

- (2) 2 orang penjamin yang dikehendaki oleh mahkamah sekiranya nilai harta pesaka melebihi \$10,000.

Kelambatan untuk mendapatkan surat kuasa dari Mahkamah Tinggi kerap berlaku oleh sebab pemohon lambat menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Pemungut Duti Harta Pesaka dengan memuaskan dan kadangkala tidak dapat mengadakan penjamin-penjamin yang dikehendaki. Juga, jika sekiranya semua orang yang berhak mendapat faedah bersetuju dengan cara pembahagian yang dicadangkan oleh Pentadbir acara bagi menyelesaikan harta pesaka seseorang yang mati tanpa wasiat tidaklah menjemukan atau mengambil masa yang lama. Walau bagaimanapun, jika semua orang yang berhak mendapat faedah tidak bersetuju maka ini akan menimbulkan guaman yang menjemukan kerana semua pihak adalah diberi peluang untuk didengar di dalam mahkamah.

Untuk mengelakkan berlakunya kelewatan pemohon hendaklah mengambil tindakan berikut:

- (1) Mengemukakan affidavit kepada Pemungut Duti Harta Pesaka lengkap dengan butir-butir asset dan hutang-hutang si mati serta dengan dokumen-dokumen yang mengesahkan nilai harta dan hutang-hutang yang sebenar;
- (2) Menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Pemungut Duti Harta Pesaka dengan segera dan tepat;
- (3) Menyediakan penjamin-penjamin yang dipersetujui oleh Mahkamah;
- (4) Menyelesaikan duti harta pesaka dengan lekas.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa kelambatan penyelesaian harta pesaka kecil oleh Pegawai Pesaka dan Pemungut Hasil Tanah adalah disebabkan oleh lambatnyanya pihak Pendaftar Mahkamah Tinggi mengeluarkan Borang C hingga memakan masa bertahun-tahun. Jadi inilah menyebabkan perbicaraan yang dijalankan sebelum sampai Borang C itu tidak dapat didaftarkan. Dan jika sekiranya inilah sebabnya apakah langkah-langkah yang harus

dijalankan supaya pesaka kecil ini dapat diselesaikan segera?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar hal ini.

Tuan Lee Boon Peng: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar seringkali soalan-soalan daripada Pemungut Hasil Pesaka lebih kurang 6-7 bulan lewat baru administrator dapat dan seringkali taksiran di atas harta pesaka selalu lambat lebih kurang 6 bulan atau satu tahun. Dengan sebab itu orang ramai tidak dapat sivil bayaran oleh sebab taksiran lambat dijalankan oleh Jabatan yang berkenaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya minta Yang Berhormat ulang soalan tambahan itu.

Tuan Yang di-Pertua: Ulang soalan tambahan itu.

Tuan Lee Boon Peng: Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar seringkali surat-surat daripada Pemungut Hasil Pesaka memakan masa lebih 6-bulan atau satu tahun baru surat-surat dikeluarkan daripada Pejabat. Pemungut Hasil Pesaka dan juga taksiran harta pesaka selalunya lewat lebih kurang 6 bulan atau satu tahun. Ini berlaku jikalau si mati mempunyai harta lebih kurang \$200,000 atau \$300,000 dan taksiran tanah-tanah selalu lewat. Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar?

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar hal itu dan langkah-langkah sedang diambil untuk mempercepatkan perjalanannya.

Tuan Lee Kaw: Daripada jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, saya ingin tahu adakah beliau sedar seperti di Johor seorang pegawai sahaja berkhidmat di seluruh Johor.

Kedua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri berkenaan menambahkan lagi pegawai-pegawai.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, saya akan mengambil ingatan di atas perkara ini.

RASUAH KE ATAS PEMAJU/ KONTRAKTOR

3. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (i) berapakah kes-kes rasuah yang melibatkan pemaju-pemaju, kontraktor-kontraktor dan lain-lain orang yang tidak berprinsip dalam perusahaan pembinaan yang pada masa ini sedang disiasat oleh BSN;
- (ii) berapa banyakkah kes-kes ini telah dibawa ke Mahkamah sehingga akhir bulan Februari, 1979; dan
- (iii) apakah langkah-langkah yang BSN bercadang hendak ambil untuk memerangi rasuah di dalam perusahaan pembinaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua,

- (i) sebanyak 35 kes rasuah dan penyelewengan yang melibatkan pemaju-pemaju, kontraktor-kontraktor dan lain-lain orang dalam perusahaan pembinaan sedang disiasat oleh BSN.
- (ii) sebanyak 5 kes telah di bawa ke mahkamah setakat ini.
- (iii) Dengan tujuan mengambil tindakan terhadap rasuah di dalam industri perumahan, Biro Siasatan Negara telah menubuhkan Pasukan Khas di Ibu pejabatnya di Kuala Lumpur dan di tiap-tiap negeri terdiri daripada pegawai-pegawai kanan yang mahir. Penubuhan pasukan-pasukan khas ini adalah untuk memberikan perhatian yang khas terhadap perkara penyelewengan/rasuah di dalam industri perumahan khususnya rumah-rumah kediaman.

Semenjak tertubuhnya pasukan khas ini dalam bulan November, 1978, Biro Siasatan Negara telah menerima dan memproses sejumlah besar pengaduan-pengaduan dari orang ramai berkenaan dengan perumahan. Pengaduan-pengaduan ini merupakan masalah-masalah yang mereka telah hadapi tatkala membuat penempahan bagi rumah-rumah kediaman dan selepas mereka mengambil alih rumah-rumah tersebut.

Masalah-masalah yang telah diperkatakan di dalam pengaduan-pengaduan mereka terdiri daripada beberapa aspek yang tertentu tetapi meluas, selain daripada aspek-aspek dan ciri-ciri kecil yang mana merupakan pertikaian sivil di antara mereka dengan pihak-pihak pemaju.

Biro Siasatan Negara, melalui pasukan-pasukan khas yang telah ditubuhkan ini mempunyai harapan untuk menyumbangkan apa sahaja yang boleh untuk mengatasi perkara rasuah dalam industri dengan menggunakan tenaga yang terhad yang ada dengannya sekarang. Secara kasar bidang-bidang yang akan ditumpukan perhatian oleh pasukan-pasukan khas ini adalah peranan pihak-pihak yang terlibat di dalam membuat keputusan (decision making), pelaksanaan kelulusan pihak-pihak yang berkuasa oleh pemaju-pemaju di dalam pembinaan rumah-rumah kediaman, dan ciri-ciri dalam pelaksanaan yang mungkin membawa kepada ketidakpuasan hati pembeli-pembeli rumah.

Tuan Lee Lam Thye: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini sama ada Pasukan khas BSN bercadang untuk berunding dengan pihak peratuan pemaju perumahan supaya cara-cara yang lebih positif dan berkesan dapat diambil untuk memerangi masalah rasuah di dalam perusahaan pembinaan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ini saya berkehendakkan notis.

Tuan Chan Teck Chan: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan ini bahawa apakah sebabnya beberapa kes yang dilaporkan kepada BSN mengenai penyelewengan dalam perumahan, umpamanya, di Malim Jaya di Melaka yang melibatkan SEDC sebagai developer, tetapi sehingga hari ini nampaknya tidak ada apa-apa tindakan diambil.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, ini soalan lain, saya berkehendakkan notis.

KAD PENGENALAN

4. **Tuan Sibat Mlyut anak Tagong** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan

langkah-langkah yang sedang diambil untuk menentukan supaya semua rakyat Malaysia yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman di Sarawak mempunyai kad pengenalan.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj): Tuan Yang di-Pertua, Pejabat-pejabat Pendaftaran dan Pejabat-pejabat Pendaftaran Daerah telah ditubuhkan di merata-merata daerah, bukan sahaja di seluruh negeri Sarawak bahkan di seluruh Malaysia ini bagi menjalankan urusan-urusan pendaftaran sepertimana Kad Pengenalan, Sijil Kewarganegaraan dan Sijil Beranak dan Mati untuk memberi kemudahan kepada rakyat terutama sekali mereka yang tinggal di kawasan-kawasan pedalaman dan di hulu-hulu sungai termasuklah di rumah-rumah panjang di Sarawak kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai Jabatan Pendaftaran Negara dari semasa ke semasa membuat lawatan untuk tujuan tersebut menerusi mobile unitnya yang diadakan.

Tuan Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah pihak Kementerian bercadang hendak memberi kuasa kepada ketua-ketua kampung yang ada di pedalaman yang mungkin kampung itu jarang didatangi oleh pegawai-pegawai yang tertentu, iaitu untuk memberi kuasa kepada ketua kampung ataupun ketua rumah melakukan kerja-kerja yang tertentu, iaitu pendaftaran sebagaimana diperlukan?

Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj: Tuan Yang di-Pertua, bagi kerja-kerja pendaftaran pegawai-pegawai yang tertentu adalah dilantik oleh Kerajaan untuk menjalankan tugas itu, maka tidaklah dapat diberi bagi menjalankan tugas ini kepada orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan tidak dapat menyempurnakan kerjanya dengan sempurna. Walau bagaimanapun, kerja-kerja pendaftaran ini sebagaimana yang telah saya terangkan adalah diberi tugas bukan sahaja kepada Pegawai Pendaftaran bahkan juga kepada Pegawai-pegawai Daerah dan juga Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung saya rasa bolehlah menolong dalam perkara ini.

PENERBANGAN CONCORDE

5. Puan Yong Fatimah binti Mohd. Razali minta Menteri Pengangkutan menyatakan

adakah apa syarat tertentu telah dikenakan oleh beliau berhubung dengan kelulusan penerbangan Concorde di ruang angkasa kita; jika ya, nyatakan syaratnya.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan penerbangan Concorde di ruang angkasa Malaysia, Kerajaan Malaysia telah bersetuju bahawa penerbangan-penerbangan tersebut diadakan atas dasar percubaan selama enam bulan dan ini boleh ditarik balik sekiranya penerbangan berkenaan membawa akibat yang tidak baik dalam tempoh itu. Penerbangan-penerbangan ini adalah mengikut arah dan peraturan trafik udara yang akan ditentukan oleh Jabatan Penerbangan Awam, Malaysia.

Tuan Abdul Kadir bin Sheikh Fadzir: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri menyatakan konsessi balas yang telahpun diberikan oleh Kerajaan Singapura dan juga Kerajaan British di atas kebenaran tadi?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sepertimana saya terangkan di dalam Dewan yang mulia ini, kita tidak boleh beri kepada sesiapa konsesyen di ruang angkasa kita jikalau kita nampak apa-apa yang boleh beri kesusahan kepada negara kita. Jadi konsesyenkah atau apa tidak berbangkit di dalam perkara ini.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri menerima laporan daripada penduduk-penduduk di Port Dickson yang mengatakan bahawa ada kesan bunyi Concorde ketika kapal terbang itu lalu di Selat Melaka dan kalau ada, adakah satu penyiataan telah dibuat dan apakah hasil penyiataan tersebut?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya ada menerima aduan-aduan daripada penduduk dan ini adalah dalam siasatan pada masa sekarang oleh Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar dan juga Kementerian saya sendiri.

Tuan Hashim bin Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Daripada jawapan Yang Berhormat Menteri mengatakan ada

rayuan daripada rakyat di atas penerbangan Concorde ke negara ini dan sebahagian daripada rakyat yang dilalui oleh Concorde di udaranya telah terasa bagaimana akibat buruknya di atas kesan yang berkenaan. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri tadi juga berkata jika didapati perkara-perkara yang tidak puas hati akan ditarik balik kebenaran sesudah 6 bulan. Adakah dengan rayuan daripada rakyat yang menyatakan sudah wujudnya keburukan yang terjadi daripada kesan Concorde tadi dan adakah Yang Berhormat Menteri bermaksud selepas 6 bulan akan ditarik balik kebenaran ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya kata tadi kita ada dapat rayuan ataupun aduan dan juga Kementerian-kementerian yang berkenaan ada siasat atas perkara ini. Jikalau kita nampak siasatan ini ada memberi akibat yang susah kepada penduduk-penduduk, kita tidak menunggu sampai 6 bulan pun.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini sama ada semenjak pemulihan penerbangan Concorde ini dalam akhir bulan Januari pihak Kerajaan Malaysia mengadakan perundingan dengan pihak Kerajaan British atau kuasa-kuasa yang berkenaan atas hak-hak untuk penerbangan Malaysia mendarat di London dan ada apa kemajuan telah dicapai?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, sebelum kita beri kebenaran, percubaan ini pun sudah ada perundingan atas traffic rights. Itu soalan yang lain dan tidak ada kena-mengena dengan Concorde.

PERBADANAN PERKAPALAN ANTARABANGSA (MISC)

6. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kekurangan kapal-kapal telah menghalang pengangkutan bahan-bahan mentah kita dan sama ada selain daripada Perbadanan Perkapalan Antarabangsa Malaysia, syarikat-syarikat perkapalan Bumiputra di negara ini akan diberi peluang dalam

lapangan ini untuk mengurangkan masalah ini dan tidak memberikan peluang ini kepada syarikat-syarikat perkapalan persendirian asing dan jika ya, apakah langkah yang akan diambil untuk mengatasi masalah ini.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak sedar tentang adanya soalan kekurangan kapal bagi mengangkut bahan-bahan mentah eksport dari negara ini. Barangkali Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) tidak mempunyai kapal-kapal yang cukup bagi mengangkut semua eksport dari negara kita tetapi ini tidak bermakna yang bahan-bahan mentah dari Malaysia tidak dapat diekspot disebabkan oleh kekurangan kapal kerana kapal-kapal dari syarikat yang lain juga boleh dan sedang mengangkut barang-barang eksport tersebut.

Saya tidak fikir soalan bagi memberi peluang kepada syarikat-syarikat perkapalan bumiputra memasuki lapangan ini timbul sebab Kerajaan memang menggalakkan syarikat-syarikat bumiputra dan juga yang bukan bumiputra yang mendaftar di Malaysia menjalankan perusahaan perkapalan itu bahkan Kerajaan telahpun memberi beberapa insentif kepada syarikat-syarikat perkapalan yang berdaftar di Malaysia seperti pengecualian daripada cukai pendapatan syarikat selama 12 tahun dan pembayaran dividen adalah juga dikecualikan daripada cukai pendapatan sebanyak 10% daripada modal yang dibayar.

Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Pengangkutan berpuas hati di atas penyertaan syarikat-syarikat perkapalan bumiputra di dalam bidang ini dan jika tidak, apakah ada usaha-usaha dan galakan yang sedang dan akan diberikan oleh Kerajaan bagi meningkatkan penyertaan bumiputra dalam bidang perkapalan?

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya baru jawab tadi bahawa kita ada beri galakan dengan seberapa boleh kepada syarikat-syarikat bumiputra mengadakan perniagaan dalam lapangan kapal dan juga di mana-mana yang boleh kita menolongnya.

HARTA PESAKA

7. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Undang-undang menyatakan:

- (a) adakah beliau sedar bahawa ramai rakyat telah bersungut dan tidak berpuashati tentang kelambatan pesaka si mati diselesaikan oleh pihak Pemegang Amanah Raya. Jika ya, apakah langkah-langkah untuk menyegerakan penyelesaian pesaka tersebut;
- (b) berapa banyakkah kes-kes pesaka yang belum diselesai dan masih berbaki yang ada di dalam simpanannya; dan
- (c) bagi mengurangkan beban pihak Pemegang Amanah Raya, tidakkah pihak Kementerian bercadang menaikkan had nilai Pesaka Kecil kepada \$100,000, dengan memandangkan harga tanah yang meningkat naik, terutama tanah-tanah di dalam bandar dan di pinggir jalan.

Dato' Abdullah bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, mengenai

- (a) Sungutan daripada orang awam berkenaan dengan kelambatan untuk membahagi pesaka-pesaka yang ditadbir oleh Pemegang Amanah Raya sememangnya ada. Kelewatan tentang perkara ini adalah disebabkan oleh berbagai-bagai perkara yang tidak dapat dielakkan. Pentadbiran pesaka ini bukan sahaja diselenggarakan oleh Jabatan Pemegang Amanah Raya bahkan ada melibatkan Mahkamah dan Pemungut Hasil Tanah dalam mendapatkan surat mentadbir pesaka ada juga melibatkan Jabatan Pemungut Duti Harta Pesaka yang menentukan cukai pesaka yang harus dibayar dan Jabatan Pentaksir untuk menentukan nilai-nilai harta pesaka sebelum sesuatu pentadbiran dapat diteruskan. Jabatan-jabatan yang lain dan pihak swasta ada juga terlibat di dalam pentadbiran sesuatu harta pesaka. Di dalam mentadbir harta pesaka Jabatan Pemegang Amanah Raya terpaksa berhubung dengan jabatan-jabatan dan pihak swasta bagaimana yang dinyatakan di atas dan untuk mendapatkan penerangan daripada pihak tersebut terka-

dangkala memakan masa yang berlarutan.

Adakalanya kelewatan untuk menyelesaikan pentadbiran pesaka ini disebabkan oleh kurang kerjasama yang diberikan oleh waris-waris simati sendiri. Mereka kadangkala bertelingkah di antara satu sama lain dan kadangkadang tidak menjawab surat-surat dan tidak hadir untuk berunding apabila dikehendaki oleh Jabatan ini. Apabila perkara-perkara ini berlaku Jabatan ini tidaklah dapat mengambil tindakan untuk menyelesaikan pembahagian harta pesaka dengan segera seperti dikehendaki.

Untuk mempercepatkan pentadbiran harta pesaka langkah-langkah yang berikut telah diambil oleh Jabatan Pemegang Amanah Raya:

Nilai harta pesaka yang ditadbirkan oleh Jabatan ini secara ringkas ("summary administration of property") telah dinaikkan daripada \$25,000 kepada \$50,000 pada 10hb Jun 1977. Di dalam mentadbirkan pesaka seumpama ini Jabatan Pemegang Amanah Raya tidak melibatkan Jabatan Pemungut Hasil Tanah dan Pemungut Duti Harta Pesaka. Cara pentadbiran ini adalah murah dan dapat diuruskan dengan cepat.

- (b) Menjawab soalan (b), bilangan kes-kes pesaka yang belum selesai ialah 2,668 kes bernilai \$63,399,599.00.
- (c) Bagi menjawab soalan (c), oleh kerana beberapa Kementerian terlibat sama, maka kenalah dibuat kajian mendalam sebelum apa-apa pertimbangan dapat diberi ke atas cadangan menaikkan hak nilai harta pesaka ini.

PENYAKIT KUKU DAN MULUT

8. Tuan Ibrahim bin Muhammad minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan adakah beliau sedar bahawa ada setengah-setengah golongan dan pemimpin menjadikan perkara Penyakit Kuku dan Mulut, Pendatang Haram Vietnam dan Peperangan yang berlaku di Kampuchea dan Vietnam-China sekarang

ini sebagai issue politik bagi menakutkan-menakutkan rakyat dengan maksud untuk meneruskan huruhara dan kegelisahan di dalam negeri ini dan jika sedar, apakah pihak Kerajaan bercadang hendak mengasingkan pemimpin yang tidak bertanggungjawab ini yang mengelirukan dan memecahkan perpaduan rakyat.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Rantau Panjang bertanya adakah saya sedar bahawa setengah-setengah pemimpin menggunakan issue penyakit foot and mouth dan memomok-momokkan issue ini dan beliau bertanya juga kalau saya bercadang hendak mengasingkan mereka yang tersebut. Jadi, kalau ditengokkan daripada cadangan soalan ini, kalau mengasingkan itu, meng quarantine. Kalau quarantine ini biasanya dibuat oleh Yang Berhormat saudara saya iaitu Menteri Pertanian kepada haiwan-haiwan yang berpenyakit kuku dan mulut dan bukan dia meng quarantine, tetapi akhir-akhirnya disembelih. Tetapi kalau ubat ini hendak dibawa kepada pemimpin-pemimpin politik umpamanya yang memomokkan penyakit-penyakit ini, yang sebenarnya pemimpin politik itu berpenyakit kuku dalam mulut (foot in the mouth disease) dan kalau hendak digunakan ubat yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertanian, quarantine dia atau sembelih dia, saya tidak sanggup. Tetapi sekiranya ada pemimpin-pemimpin yang melanggar undang-undang, mengikut undang-undang negara kalau melanggar undang-undang yang membawa ancaman kepada ketenteraman negara, menggunakan sensitive issues, maka perkara ini tentulah akan didakwa.

QANTAS-BRITISH AIRWAYS— TAMBANG MURAH

9. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan iaitu memandangkan anjuran Kerajaan Australia baru-baru ini bagi melaksanakan penerbangan tambang kadar murah "duopoly" di antara Qantas iaitu Pesawat Penerbangan Australia dan Pesawat Penerbangan British (British Airways) tiada meliputi Pesawat-pesawat Penerbangan ASEAN, sekali lagi membuktikan bahawa Kerajaan Australia terus

menerus mengambil sikap pelindung di dalam lapangan perdagangan dan penerbangan, adakah Kerajaan kita bersama-sama dengan Kerajaan-kerajaan ASEAN akan mengambil langkah-langkah bersama untuk memberhentikan perdagangan dengan Australia.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato Lew Sip Hon): Tuan Yang di-Pertua, negara-negara ASEAN memang memandang berat terhadap langkah Kerajaan Australia untuk mengadakan penerbangan tambang murah cara "duopoly" di antara Qantas dan British Airways kerana langkah ini bukan sahaja akan mengurangkan persinggahan penumpang-penumpang di negara-negara ASEAN, tetapi juga akan menjejaskan pendapatan syarikat-syarikat penerbangan negara-negara ASEAN serta industri pelancongan.

Memandangkan kepada keadaan ini ASEAN sedang mengadakan sebenarnya pada hari semalam dan hari ini di Jakarta, satu mesyuarat peringkat Menteri di antara ASEAN dan Australia untuk mencari penyelesaian ke atas masalah yang akan timbul itu.

DASAR EKONOMI BARU

10. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar akan berbagai-bagai masalah yang sedang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru dan jika ya, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan untuk mengatasi kekurangan pegawai-pegawai, kakitangan profesyenal, teknikal dan perkeranian untuk melaksanakan berbagai-bagai projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga dan bilangan kekurangan kakitangan yang diperlukan.

Menteri Tak Berfotfolio (Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan masalah-masalah yang dihadapi oleh Kerajaan-kerajaan Negeri di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi Baru.

Sebenarnya masalah kekurangan pegawai-pegawai di semua lapisan dan peringkat adalah merupakan daripada satu masalah besar di dalam melaksanakan Dasar Ekonomi

Baru dan menyedari keadaan ini Kerajaan adalah sedang diambil tindakan untuk mengatasi masalah tersebut dengan mengkaji secara menyeluruh kedudukan kekurangan kakitangan Kerajaan serta sebab-sebabnya, mengisi jawatan-jawatan kosong dengan secara kontrek, memperbanyakkan rancangan-rancangan latihan di dalam dan di luar negeri dan mempercepatkan proses pengambilan kakitangan Kerajaan dan sebagainya.

SABOTAJ PELABURAN DAN EKONOMI

11. Tuan Chan Teck Chan minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah faktor-faktor yang menyebabkan sabotaj pelaburan dan ekonomi (sepertimana yang dinyatakan dalam seminar 'City of London' yang diadakan di K.L. pada 5-2-1979) di Malaysia; apakah langkah-langkah yang positif telah diambil oleh Kerajaan untuk memerangi kegiatan sabotaj pelaburan dan ekonomi ini; dan bilakah Kerajaan bercadang untuk memiliknegarakan perusahaan-perusahaan utama yang berkaitan dengan kestabilan dan kepentingan pembangunan ekonomi negara kita seperti perusahaan minyak.

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri semasa merasmikan seminar 'City of London' baru-baru ini adalah jelas di mana beliau merujuk kepada laporan-laporan akhbar yang telah membuat tuduhan-tuduhan yang berat sebelah dan tidak bertanggungjawab terhadap Malaysia. Kadangkala surat-suratkhabar di dalam usaha mereka untuk meluaskan pengedarannya akan membuat kenyataan-kenyataan spekulasi yang jauh terkeluar dari apa yang sebenarnya.

Apabila kenyataan-kenyataan tersebut menyentuh tentang kejujuran Kerajaan Malaysia, ini akan sedikit sebanyak memberi kesan yang buruk kepada bakal-bakal pelabur yang ingin melabur di negara ini. Langkah-langkah yang positif telah diambil oleh pihak Kerajaan untuk menjelaskan kedudukan sebenarnya dan juga mengikis sebarang salah faham dan salah tafsiran yang mungkin timbul di dalam fikiran bakal-bakal pelabur yang disebabkan oleh laporan-laporan mass-media yang tidak betul. Penjelasan ini dilakukan di forum-foram antarabangsa dan juga di seminar-seminar pelaburan di dalam dan di

luar negeri di mana dasar-dasar dan tata cara Kerajaan dan peluang-peluang pelaburan diterangkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, saya ingin memberi jaminan di sini iaitu Kerajaan tidak akan memilik-negarakan sebarang industri di sini sama ada ianya industri utama ataupun kedua. Dalam pada itu harus diingat bahawa Kerajaan tidak melarang mana-mana pihak yang ingin membeli saham sesiapa. Kestabilan ekonomi dan pembangunan yang pesat yang telah kita capai di negara ini adalah hasil daripada dasar-dasar yang sedia ada.

Tuan Chan Teck Chan: Adakah jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri bermakna bahawa Kerajaan akan terus mengizinkan pihak syarikat-syarikat minyak asing dengan terus-menerus untuk menekan dan menjejaskan kepentingan pengguna-pengguna Malaysia umpamanya, selalu menghadapi masalah kekurangan diesel. Di Melaka umpamanya, pada hari Selasa, Rabu dan Khamis minggu lalu, tiga hari lalu langsung tidak ada satu titik diesel di Melaka dibekalkan kerana syarikat asing itu mengongkangi ekonomi negara kita. Demi kepentingan ekonomi Malaysia maka adakah Kerajaan bercadang untuk menimbangkan supaya perusahaan minyak yang mustahak ini yang berkaitan dengan kepentingan ekonomi Malaysia akan dihak-miliknegarakan?

Dato' Lew Sip Hon: Soal kekurangan diesel sebenarnya keluar daripada soalan asal ini, tetapi mungkin maksud Ahli Yang Berhormat itu barangkali hendak tahu apakah dasar Kerajaan mengenai pengedaran dan pengeluaran barang-barang keperluan seperti diesel, petroleum dan sebagainya. Dalam hal ini Ahli Yang Berhormat memang sedia maklum bahawa kita telah ada mewujudkan satu syarikat PETRONAS yang memberi kuasa-kuasa untuk menjalankan tugas daripada exploitation sampai mencapai pengeluaran petroleum itu. Tetapi syarikat ini masih dalam peringkat baru (initial) dan pada masa hadapan barangkali boleh menjalankan tugas-tugas pengedaran barang-barang petroleum.

Tuan Hussein bin Mahmood: Tuan Yang di-Pertua, jika tidak silap pandangan saya tadi

Timbalan Menteri ada menyebut soal sabotaj itu ada hubungan dengan akhbar-akhbar. Saya hendak tahu adakah akhbar-akhbar itu terhad kepada akhbar-akhbar asing, maknanya luar negeri atau termasuk sama akhbar-akhbar dalam negeri?

Dato' Lew Sip Hon: Tuan Yang di-Pertua, kebanyakannya akhbar di luar negeri kita ini.

JABATAN KERJARAYA/PARIT DAN TALIAIR

12. Tuan Mohd. Nakhaie bin Haji Ahmad minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil oleh Kementerian beliau bagi memperbaiki dan mengemaskan perjalanan Jabatan Kerjaraya dan Jabatan Parit dan Taliair, memandangkan kelemahan-kelemahan yang terdapat dalam jabatan-jabatan itu yang menghalang pembangunan negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Tuan William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, sebagai menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Baling, saya terlebih dahulu suka menarik perhatian Yang Berhormat bahawa soalnya mengenai kelemahan-kelemahan dalam jabatan-jabatan berkenaan adalah terlalu umum dan kurang jelas maksudnya. Walau bagaimanapun, kelemahan ada berlaku dari masa ke masa dalam jentera-jentera pentadbiran Kerajaan tetapi Kerajaan adalah sentiasa mengawasi perjalanan jabatan-jabatan itu dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaikinya.

PEMALSUAN (ADULTERATION) MAKANAN

13. Tuan Lee Kaw (di bawah S. O. 24 (2)) minta Menteri Kesihatan menyatakan apakah tindakan yang sedang diambil oleh Kementerian beliau untuk menghalang perlakuan pemalsuan (adulteration) makanan di dalam restoran-restoran dan di tempat-tempat makanan. Adakah inspektor-inspektor telah dilantik untuk sentiasa memeriksa restoran-restoran dan tempat-tempat makanan demi untuk memastikan bahawa mutu yang sewajarnya dapat diteruskan dan mengelakkan dari pemalsuan.

Timbalan Menteri Kesihatan (Dr. Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan telah menubuhkan suatu Unit Kawalan Mutu Makanan untuk mengatasi masalah-masalah makanan termasuk soal pemalsuan (adulteration) makanan di restoren-restoren dan tempat-tempat makan. Unit itu akan diperbesarkan lagi supaya ianya dapat menjalankan tugas-tugasnya dengan lebih sempurna di masa hadapan.

Suatu Akta Makanan yang baru dan lebih lengkap sedang dirangka pada masa ini dan Peraturan-peraturan Makanan yang baru juga sudah hampir siap untuk memberi liputan yang lebih dari undang-undang yang ada sekarang (Ordinan dan Peraturan Penjualan Makanan dan Dadah 1952).

Pada masa ini penguatkuasaan tentang pemalsuan (adulteration) makanan di kedai-kedai dan juga dikilang-kilang dilaksanakan oleh Inspektor-inspektor Kesihatan sesuatu Kerajaan Tempatan dan Inspektor-inspektor Kesihatan Kementerian Kesihatan menguatkuasakannya di luar kawasan Kerajaan Tempatan. Aktiviti mengambil sample-sample makanan di seluruh Malaysia telah bertambah dari tahun ke tahun seperti berikut:

Bilangan sample makanan yang diambil dan dianalisa.

Tahun	Bilangan Contoh
1973	399
1974	1771
1975	3642
1976	4858
1977	6807
1978	9581

Kementerian Kesihatan bercadang menambahkan lagi Pegawai-pegawai Penguatkuasa di masa hadapan untuk memastikan mutu makanan yang sewajarnya dapat diwujudkan dan mengelakkan pemalsuan seberapa boleh.

(Soalan No. 14 Y.B. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim tidak hadir)

PERKHIDMATAN KERAJAAN

15. Datuk Stephen Robert Evans (di bawah S. O. 24 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada Menteriannya

menyedari bahawa pada amnya di dalam 'Perkhidmatan Kerajaan' adanya masalah berhubung dengan penindihan tugas dan tanggungjawab di antara pegawai-pegawai profesyenal dan pegawai-pegawai pentadbiran serta juga sikap yang bertentangan dan ini adalah satu penghalang utama dalam usaha Kerajaan untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan apa langkah positif yang Kerajaan akan ambil bagi memperbaiki keadaan khasnya dalam perkara tersebut.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada penindihan tugas dan tanggungjawab di antara pegawai profesyenal dan pegawai tadbir. Pada amnya mereka mempunyai tugas-tugas dan tanggungjawab yang berasingan dan spesifik, tetapi mereka adalah saling bantu membantu di antara satu dengan lain dalam menguruskan perkhidmatan Kerajaan. Pegawai profesyenal menguruskan kerja-kerja dalam bidang profesyenal yang mereka terlatih seperti perubatan, kejuruteraan, accounting dan sebagainya. Dalam urusan ini mereka dibantu oleh pegawai-pegawai tadbir dalam bidang pentadbiran am yang meliputi perancangan, pengurusan kakitangan, kewangan dan bekalan; penyelarasan kerja dan pentadbiran jabatan pada keseluruhannya. Pegawai profesyenal pula membantu pegawai pentadbir dalam perancangan dan pelaksanaan dasar Kerajaan dengan memberi nasihat-nasihat teknikal dalam bidang kerja mereka. Mungkin apa yang berlaku bukanlah penindihan kerja tetapi perbezaan pendapat dalam sesuatu perkara yang dipanggil organisational phenomena dan ini adalah keadaan yang biasa berlaku di merata-rata tempat di dunia ini. Perbezaan pendapat berlaku bukan sahaja di antara pegawai-pegawai profesyenal dengan pegawai pentadbir bahkan di antara pegawai-pegawai pentadbiran. Perbezaan pendapat tersebut adalah satu perkara yang sihat, saya agak, yang akhirnya boleh mencetuskan perbincangan dan perbincangan yang sihat juga di mana melaluinya satu perkhidmatan yang lebih baik dapat dirancangkan dan disusun. Kerajaan adalah sentiasa memberi perhatian khas dalam hal ini dengan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memperbaiki sistem pengurusan jabatan, mengadakan rancangan-rancangan latihan dalam bidang

pengurusan, penyelarasan sistem dan procedure dan sebagainya. Ceramah-ceramah sentiasa diadakan bagi menerangkan peranan setiap pegawai Kerajaan dalam jentera pentadbiran.

Baru-baru ini pula Kerajaan telah mengubal satu Kod Etika Perkhidmatan Awam yang di antara lain menitikberatkan bahawa setiap pegawai Kerajaan perlulah memikirkan dan mementingkan perkhidmatannya kepada negara dan bukan hanya kepentingan jabatan, kepentingan sesuatu golongan, apa lagi kalau kepentingan pegawai itu sendiri.

HOSPITAL KENINGAU

16. Datuk Stephen R. Evans minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) sama ada beliau akan mengadakan peruntukan perlu tahun ini (1979) untuk memasang pagar di sekeliling kawasan hospital Keningau memandang kepada peristiwa-peristiwa berikut:
 - (i) orang ramai boleh masuk ke hospital dengan bebasnya dan perkara ini dianggap oleh pesakit sebagai tidak selamat selama mereka tinggal di hospital untuk mendapat rawatan;
 - (ii) terdapat kes-kes yang mabuk masuk ke wad-wad di hospital tersebut pada malam hari dan mengacau pesakit-pesakit dan sebilangan besar orang ramai pula (bukan pesakit di hospital) menikmati rancangan-rancangan T.V. di dalam wad dan keadaan ini mengganggu kakitangan yang sedang bertugas dan juga pesakit-pesakit;
 - (iii) terdapat juga kes-kes kecurian di hospital ini dan berkaitan dengan perkara ini dua buah bateri baru telah hilang dari kereta ambulans hospital. Pencuri-pencuri ini sehingga sekarang masih belum dapat dikesan lagi.
- (b) adakah beliau akan menyiasat perkara ini dengan segera dan menyelesaikan terus masalah-masalah di Hospital Keningau.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling): Tuan yang di-Pertua, mengenai (a) dan (b) Kementerian

ini telah menyiasat aduan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dan didapati benar bahawa orang ramai boleh masuk ke Hospital Daerah Keningau oleh kerana tidak terdapat pagar keselamatan, akan tetapi ini tidak bermakna Hospital itu adalah tidak selamat untuk para pesakit.

Walau bagaimanapun, Kementerian ini telah menyediakan peruntukan bagi tahun 1979 untuk membina pagar hospital tersebut dan Jabatan Kerja Raya Sabah akan diminta memulakan kerja tersebut dalam tahun ini juga.

Tuan Au How Chhng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Bolehkah Dewan ini diberitahu bilakah perkhidmatan TV digunakan dalam hospital dan apa sebabnya yang hospital-hospital lain tidak dapat kemudahan itu.

Tuan Jawan anak Empaling: Ini soalan lain sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Saya minta notis.

MAS—GANTIRUGI KEPADA WARIS SI MATI

17. **Tuan Lee Kaw** (*di bawah S.O. 24 (2)*) minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Kerajaan telah membayar gantirugi kepada waris mangsa-mangsa tragedi MAS yang berlaku pada bulan Disember 1977, jika ya, apakah asas yang digunakan untuk membuat bayaran tersebut, bilangan keluarga yang belum lagi dibayar gantirugi dan apakah sebabnya terdapat kelambatan dalam perkara tersebut.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam): Tuan Yang di-Pertua, pihak MAS melalui Underwriters bagi insuransnya telahpun berhubung dengan semua yang berkaitan dengan pembayaran gantirugi without prejudice. Oleh kerana perkara itu adalah berkait dengan undang-undang maka beberapa perkara perlu diselesaikan dan waris-waris yang berkenaan perlu memberi butir-butir dan maklumat yang tertentu dan juga perlu mengambil surat kuasa pusaka. Ramai daripada mereka yang berkenaan itu tidak dapat memberi maklumat-maklumat penting dan juga tidak mempunyai surat kuasa pusaka. Setakat ini 10 orang sudahpun menerima pembayaran itu. Ada beberapa kes telah dibawa ke mahkamah untuk ditentukan

oleh mahkamah dan oleh yang demikian, perkara mengenai pembayaran gantirugi dalam hal itu adalah *sub judice* dan tidak boleh diumumkan.

SKIM GAJI JURULATIH GERAKAN BELIA

18. **Tuan Ismail bin Said** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Jurulatih Gerakan Belia tidak mempunyai skim gaji yang khusus, perlantikan mereka secara sementara dan perkhidmatannya dari tahun ke setahun dengan diberi bayaran imbuhan tetap bulanan sahaja tanpa lain-lain faedah sedangkan tugas mereka kian bertambah, dan jika sedar, apakah langkah yang diambil supaya nasib mereka ini terbela dan adakah beliau bercadang untuk membuat penyeselarasan dengan pihak Jabatan Perkhidmatan Awam supaya mereka diserapkan di bawah sekim gaji Kabinet.

Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Mak Hon Kam): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar Jurulatih-jurulatih sambil Pergerakan Belia adalah diambil bertugas dari masa ke semasa pada masa perkhidmatannya mereka diperlukan untuk membantu pegawai-pegawai tetap Kementerian melaksanakan program-program Kementerian. Mereka bukan kakitangan tetap Kementerian. Mereka adalah dibayar elaun mengikut kiraan jam mereka bertugas. Oleh sebab itu satu skim gaji yang khusus tidaklah dapat diadakan sepertimana yang diadakan untuk kakitangan-kakitangan tetap.

Walau bagaimanapun, tindakan sedang diambil untuk mengkaji semula kadar-kadar elaun yang dibayar kepada jurulatih-jurulatih yang berkenaan.

JALANRAYA KUALA KANGSAR— GRIK

19. **Tuan Umar bin Haji Ismail** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menjelaskan, adakah pihak Kementerian ini bercadang untuk membaiki dan menaikkan taraf jalanraya antara Kuala Kangsar—Grik, memandangkan keperluan jalanraya tersebut sebagai penghubung Lebuhraya Timur-Barat dengan Lebuhraya Ipoh-Pulau Pinang, dan juga pembangunan pesat yang sedang dihadapi di

kawasan Hulu Perak serta keperluan bagi angka-angka tentera yang menjalankan gerakan di sempadan Malaysia-Thailand.

Tuan William Lye Chee Hien: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Padang Rengas adalah dimaklumkan bahawa jalanraya daripada Kuala Kangsar ke Grik adalah jalanraya Negeri. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga tidak ada rancangan untuk menaikkan taraf jalan tersebut. Walau bagaimanapun memandangkan pembinaan Lebuh raya Timur-Barat kajian akan dijalankan untuk memastikan sama ada jalanraya itu mempunyai kemungkinan untuk maju (viable for improvement) jika tarafnya dinaikkan.

SIJIL CUKAI JALAN

20. Tuan Shaari bin Jusoh minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa untuk mendapatkan sijil cukai jalan bagi kenderaan, kenderaan itu mestilah terlebih dahulu diliputi oleh insuran dan, jika ya, sama ada Kerajaan bercadang menempatkan pejabat insuran dan pejabat cukai jalan di bawah bangunan yang sama misalnya di Pejabat RIMV untuk memudahkan tuan punya kenderaan di samping mengelakkan penipuan.

Tan Sri V. Manickavasagam: Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa untuk mendapatkan cukai jalan bagi sesebuah kenderaan, kenderaan itu mestilah terlebih dahulu diliputi oleh insurans. Setakat ini belum ada cadangan lagi untuk mendapatkan pejabat insurans di sebuah bangunan yang sama dengan Jabatan Pengangkutan Jalan tetapi jika insurance company sendiri hendak membuat sebuah pejabat dekat dengan pejabat RIMV boleh dia buat sendiri.

EMPANGAN TEMENGGOR

21. Tuan Au How Cheong minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa rancangan pertanian di Perak kejayaannya bergantung atas bekalan air daripada Sungai Perak; dan
- (b) sejauh manakah Empangan Temenggor akan mempengaruhi rancangan-rancangan itu apabila Empangan itu disiapkan.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Haji Zakaria bin Haji Abdul Rahman): Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan (a) Sebanyak 7 buah Rancangan Perairan Pertanian di Perak dan kejayaannya bergantung kepada bekalan air dari Sungai Perak iaitu:

- (1) Rancangan Taliair Parit yang membekalkan air kepada kawasan pertanian seluas 250 ekar;
- (2) Rancangan Taliair Seberang Perak Peringkat I—5,600 ekar;
- (3) Rancangan Taliair Senin—450 ekar;
- (4) Rancangan Taliair Bota Lambo seluas 2,096 ekar;
- (5) Rancangan Taliair Lambo Kiri 500 ekar;
- (6) Rancangan Taliair Seberang Perak Peringkat IV—12,000 ekar dan rancangan ini akan diperluaskan lagi sehingga meliputi kawasan baharu seluas 13,000 ekar;
- (7) Rancangan Taliair Bukit Tunggul seluas 2,667 ekar.

Jumlah kawasan semua yang diairi hasil daripada Rancangan-rancangan Perairan yang menggunakan Sungai Perak ialah 36,563 ekar.

Bagi menjawab soalan (b) Empangan Temenggor tidak akan mendatangkan apa-apa kesan buruk terhadap Rancangan-rancangan Pertanian tersebut malah Empangan Temenggor akan menjamin bekalan air mencukupi kepada kawasan pertanian untuk padi musim dan juga untuk padi luar musim.

PEGAWAI KERAJAAN YANG DIBERHENTIKAN DI BAWAH BAB D

22. Tuan Lim Kit Slang minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang dihentikan perkhidmatan di bawah Peraturan 44 Peraturan-peraturan Am, Bab D, dengan memberi pecahan angka menurut kategori sebab-sebab keputusan yang dibuat itu;
- (b) sama ada wang gantirugi telah dibayar kepada Mahan Singh yang telah berjaya dalam ulang bicaranya di peringkat Majlis Privy mengenai tidak sahnya penghentian perkhidmatannya di bawah Peraturan 44 dan jika ya, berapakah wang gantirugi yang dibayar;

- (c) bilangan pegawai-pegawai Kerajaan yang telah menyaman Kerajaan dalam Mahkamah apabila Perkara 135 (2) Perlembagaan dipinda secara "retrospective" dan juga nyatakan kedudukan sekarang kes-kes tersebut; dan
- (d) sama ada Kerajaan akan memperkenalkan peraturan-peraturan sebagai mematuhi peraturan-peraturan "natural justice" untuk memperuntukkan bahawa sebelum mana-mana pegawai-pegawai Kerajaan dihentikan perkhidmatannya di bawah Peraturan-peraturan 44, Peraturan-peraturan Am, Bab D, beliau akan diberitahu sebab-sebab mengapa perkhidmatannya akan dihentikan dan diberi peluang untuk didengar.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf: Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat itu:

- (a) Pegawai-pegawai Kerajaan yang telah dihentikan perkhidmatan di bawah Peraturan 44 Peraturan-peraturan Am Bab "D" ialah sejumlah 96 orang. Perkhidmatan mereka telah dihentikan demi kepentingan awam.
- (b) Langkah-langkah sedang diambil untuk membayar tunggakan gaji dan bonus kepada Encik Mahan Singh yang berjumlah \$121,335.79. Bagaimanapun, beliau telah dibayar ganjaran, pencen dan elaun bantuan khas berjumlah \$37,175.00 bagi tempoh 12hb Jun, 1977 hingga 18hb Julai, 1978.
- (c) Sembilan guaman sivil yang dibuat oleh anggota-anggota perkhidmatan awam berhubung dengan penamatan perkhidmatan mereka demi kepentingan awam menurut Peraturan 44 Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Tingkhilaku dan Tatatertib) (Perintah Am, Bab D) 1969 yang dihadapkan kepada Kerajaan apabila Akta Perlembagaan (Pindaan) 1978 mula berkuatkuasa pada 31hb Disember, 1978. Guaman-guaman ini masih belum dibicarakan.
- (d) Kerajaan akan mematuhi peruntukan-peruntukan Perkara 135 (2) Perlembagaan dan juga peruntukan-peruntukan peraturan-peraturan perkhidmatan, terutamanya Peraturan-peraturan Pegawai Am (Tingkhilaku dan tatatertib)

(Perintah Am, Bab D) 1969 apabila tindakan diambil untuk membuang atau menghentikan perkhidmatan seseorang anggota perkhidmatan awam. Jika Peruntukan-peruntukan itu menghendaki supaya anggota itu diberi peluang untuk didengar sebelum ia dibuang atau hentikan perkhidmatannya, Kerajaan sudah tentu akan mematuhi kehendak itu.

PENOLONG PENGELOLA SEKOLAH-SEKOLAH—TANGGAGAJI

23. Tuan Hashim bin Endut minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada beliau sedar tentang perasaan tidak puashati di kalangan penolong pengelola sekolah-sekolah sekarang oleh kerana tanggagaji maksima mereka adalah lebih rendah dari tanggagaji maksima gurubesar, dan jika ya, sama ada Kerajaan akan menimbang menaikkan tanggagaji mereka sejajar dengan tugas dan tanggungjawab mereka.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Chan Siang Sun): Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya jawatan-jawatan bagi pegawai-pegawai perkhidmatan pelajaran di bawah Kementerian Pelajaran adalah ditetapkan mengikut kategori-kategori tertentu yang berasaskan kepada kelulusan-kelulusan.

Jawatan-jawatan di dalam sesuatu kategori adalah terbuka kepada semua pegawai-pegawai di dalam kategori yang sama. Seseorang pegawai yang memegang jawatan Penolong Pengelola boleh ditukarkan memegang jawatan-jawatan lain, malahan boleh mendapat tanggagaji yang lebih tinggi melalui urusan-urusan kenaikan pangkat. Walau bagaimanapun sekiranya tugas-tugas, tanggungjawab dan bebanan kerja jawatan Penolong Pengelola Sekolah-sekolah ini bertambah Kementerian Pelajaran bersedia mengkaji untuk menaikkan tanggagaji jawatan-jawatan itu.

PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN—PERTUKARAN

24. Tuan Seow Hun Khim minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada menjadi polisi Kerajaan untuk membenarkan pegawai-pegawai Kerajaan bertugas lebih dari sepuluh

tahun di pejabat yang sama tanpa pertukaran; dan

- (b) sama ada beliau akan menukarkan pegawai-pegawai Kerajaan kumpulan ini untuk mencegah rasuah.

Pengiran Othman bin Haji Pengiran Rauf:
Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan Yang Berhormat itu:

- (a) Soal pertukaran pegawai-pegawai Kerajaan dari suatu jawatan ke suatu jawatan yang lain adalah berasas kepada kepentingan perkhidmatan atau kepentingan sesuatu jabatan. Oleh yang demikian, jangka waktu seseorang pegawai dikehendaki bertugas di dalam sesuatu jawatan tanpa pertukaran tidak dapat ditentukan bagi tiap-tiap pegawai Kerajaan oleh kerana ini bergantung kepada peringkat, jenis tugas-tugas, jawatan dan syarat-syarat perkhidmatan seseorang pegawai. Di samping itu bagi pegawai-pegawai disetengah-setengah jabatan seperti Jabatan Cetak dan setengah-setengah jabatan kecil dan bersifat tertutup seperti Jabatan Ukur dan Jabatan Kajiucua adalah didapati sukar dan tidak begitu sesuai untuk ditukarkan. Namun begitu, adalah menjadi prinsip perkhidmatan bahawa seseorang pegawai hendaklah ditukarkan dari masa ke semasa untuk memenuhi keperluan, iaitu keperluan pegawai itu sendiri dari segi kenaikan pangkat, keperluan menambahkan pengalamannya dan sebagainya serta keperluan jabatannya sendiri, seperti mengisi jawatan-jawatan kosong, melantik seseorang pegawai yang mempunyai pengalaman atau latihan yang tertentu untuk menjalankan tugas-tugas yang tertentu serta aspek-aspek yang lain dari segi pelaksanaan rancangan pembangunan negara.

- (b) Oleh yang demikian, pertukaran pegawai-pegawai Kerajaan tidaklah boleh dilihat hanya dari segi mencegah rasuah sahaja tetapi juga dari segi aspek-aspek yang lain yang saya sebutkan tadi. Apabila seorang pegawai Kerajaan terlibat dalam rasuah tindakan yang patut diambil bukanlah dengan secara

menukarkannya, tetapi dengan mengenakan hukuman-hukuman yang tertentu di bawah undang-undang negara dan peraturan-peraturan tatatertib.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No.14 dan 25 hingga 50 adalah diberi di bawah ini),

PALANG BESI DI TAMAN BUNGA JALAN KEBUN BUNGA

14. Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan adakah beliau sedar di Taman Bunga Kuala Lumpur palang-palang besi yang menutup jalan pada tiap-tiap hari Sabtu/Minggu dan hari-hari kelepasan am, mulai dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam telah menyebabkan pelanggaran motosikal dan motokar hingga ada di antara pemandu-pemandu dan penumpang-penumpang ini telah mati akibat melanggar palang-palang besi ini oleh kerana pemberitahu amaran berkenaan palang besi itu adalah tidak jelas perkataannya dan terlalu dekat jaraknya dari palang-palang besi tersebut, jika ia, nyatakan:

- (a) apakah tindakan Kerajaan akan ambil bagi mengelak kemalangan tidak berlaku lagi;
- (b) nyatakan berapa kemalangan telah berlaku sejak palang besi ini diadakan sejak dahulu hingga sekarang.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Hussein Onn): Jalan Kebun Bunga ditutup pada petang Sabtu, hari Ahad dan hari-hari kelepasan am kerana pada hari-hari ini ramai orang berkunjung ke Kebun Bunga terutama ke Tasik Perdana dan Taman Permainan Kanak-kanak. Oleh itu kenderaan-kenderaan tidak dibenarkan masuk pada sebahagian Jalan Kebun Bunga untuk mengelakkan kemalangan dan juga menyenangkan orang ramai berjalan.

Jalan Kebun Bunga itu ditutup dengan palang besi bertanda "NO ENTRY" dan satu lagi papan tanda "DILARANG MASUK" (NO ENTRY) diletakkan di tempat yang boleh dilihat beberapa ela daripada palang besi itu. Dari itu tidak ada sebab pemandu-pemandu

kenderaan melanggar palang besi itu kecuali mereka memandu terlalu laju dan tidak tahu atau tidak menghiraukan peraturan-peraturan jalanraya.

GURU BESAR SEBAGAI PENJUAL PERUMAHAN

25. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa beberapa orang guru-guru besar di Sekolah Sitiawan yang terlibat dalam pemajuan perumahan;
- (b) jika ya, apakah tindakan beliau terhadap gurubesar-gurubesar yang telah bekerja selepas sekolah sebagai seorang penjual perumahan yang menggunakan wang pembayar cukai.

Menteri Pelajaran (Dato' Musa bin Hitam):

- (a) Kementerian saya tidak mempunyai sebarang maklumat mengenai hal ini. Sekiranya Ahli Yang Berhormat mempunyai maklumat-maklumat silalah mengemukakannya kepada Kementerian saya untuk tindakan selanjutnya.
- (b) Kementerian saya akan mengambil tindakan tatatertib mengikut peraturan yang ada pada masa sekarang terhadap guru besar-guru besar yang bekerja selepas sekolah sebagai seorang penjual perumahan atau peniaga-peniaga lain.

PELABURAN DARI EROPAH/ AMERIKA SYARIKAT/JEPUN

26. Datuk Haji Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian, memandangkan tiga kali lawatan keluar negeri yang dilakukan oleh beliau bagi tujuan menarik pelaburan, menyatakan setakat ini bilangan sambutan yang telah diterima dari segi jumlah dan nilai pelaburan, dan nyatakan bilangan dan nilai pelaburan yang sebenarnya berhasil dari lawatan-lawatan ini dan nyatakan bila dan di mana beliau akan membuat lawatan seterusnya.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sambutan daripada 3 rombongan pelaburan ke Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun, yang saya ketua, adalah sungguh menggalakkan.

Beberapa buah syarikat swasta dan Dewan Perniagaan dari negara-negara tersebut telah pun menghantar wakil-wakil mereka ke Malaysia. Walau bagaimanapun, saya ingin menjelaskan di sini bahawa organisasi-organisasi ini tidak memberikan kepada kita angka-angka pelaburan oleh sebab lawatan mereka hanyalah berbentuk mendapatkan maklumat-maklumat dengan tidak ada apa-apa 'commitment'.

Rombongan-rombongan dari Eropah, Amerika Syarikat dan Jepun yang telah melawat Malaysia adalah seperti berikut:

DARI EROPAH

Rombongan-rombongan itu adalah seperti berikut:

- (a) National Confederation of German Furniture and Woodworking Industries
- (b) The French Centre for the Promotion of Wood-based Industries
- (c) Finland Trade Delegation
- (d) Industrial Mission from Sweden
- (e) London Chambers of Commerce & Industry
- (f) German Development Co.

Selain daripada ini 25 buah syarikat-syarikat dari Eropah juga telah menghantar wakil mereka ke Malaysia

DARI AMERIKA SYARIKAT

Satu rombongan dari Amerika Syarikat juga telah melawat Malaysia dan rombongan ini ialah dari Overseas Private Investment Company.

Selain daripada ini, 9 buah syarikat-syarikat dari Amerika Syarikat juga telah menghantar wakil mereka ke Malaysia.

DARI JEPUN

Rombongan-rombongan itu adalah seperti berikut:

- (a) Fujinomyia Chamber of Commerce and Industry

- (b) Japan Machinery Investment Study Team
- (c) ANJ Investment Study Team
- (d) Nagoya Chamber of Commerce and Industry
- (e) International Wool Secretariat of Tokyo

Selain daripada ini 6 buah syarikat-syarikat Jepun juga telah menghantar wakil mereka ke Malaysia.

Selain daripada lawatan-lawatan di atas, Kementerian saya telah meluluskan 23 projek dari ketiga-tiga negara ini. Jumlah pelaburan yang terlibat dalam projek-projek ini ialah \$159.3 juta (termasuk sumbangan tempatan) dan dijangkakan dapat memberi peluang pekerjaan sejumlah 5721 orang. Butir-butir lanjut adalah seperti berikut:

DARI EROPAH

Dari Eropah, dalam jangka masa bulan Jun—Disember 1978, sejumlah 10 permohonan projek baru telah diterima dan diluluskan oleh Kementerian saya. Sepuluh projek baru ini akan melibatkan pelaburan modal (termasuk sumbangan tempatan) sejumlah \$91 juta dan akan memberi peluang pekerjaan sejumlah 1002.

DARI AMERIKA SYARIKAT

Dari Amerika Syarikat, 4 permohonan projek baru telah diterima dan diluluskan oleh Kementerian saya dan satu projek lagi sedang diproses. Empat projek baru ini akan melibatkan pelaburan modal (termasuk sumbangan tempatan) sejumlah \$24.2 juta dan akan memberi peluang pekerjaan sejumlah 2977.

DARI JEPUN

Sejumlah 9 permohonan projek baru dengan kepentingan Jepun telah diterima dan diluluskan oleh Kementerian saya. Sembilan projek baru ini akan melibatkan pelaburan modal (termasuk sumbangan tempatan) sejumlah \$44.2 juta dan memberi peluang pekerjaan sejumlah 1,742.

Saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa rombongan

galakan pelaburan yang akan dilaksanakan pada tahun ini ialah seperti berikut:

- | | <i>Tarikh</i> |
|--|---------------|
| (a) Rombongan Galakan Pelaburan ke bandar-bandar Milan, Munich dan Manchester. | April 79 |
| (b) Rombongan Galakan Pelaburan ke negara Hong Kong, Korea dan Jepun. | Julai 79 |
| (c) Rombongan Galakan Pelaburan ke negara-negara Scandinavia | September 79 |

PEMBINAAN JALANRAYA TAWAU/ SEMPORNA/KUNAK/LAHAT DATU— GANTIRUGI

27. **Datuk Haji Sakaran bin Dandai** minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan adakah Kerajaan akan membayar ganti rugi ke atas tanah kebun dan pokok-pokok kelapa sawit dan tanaman-tanaman yang lain kepunyaan pekebun-kecil Bumiputra dan bukan Bumiputra yang terpaksa dimusnahkan akibat pembinaan jalanraya Tawau/Semporna/Kunak/Lahat Datu, oleh Kontraktor CDCP dan jika ya, bila.

Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam (Dato Lee San Choon): Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Silam, saya suka menyatakan bahawa adalah menjadi dasar Kerajaan untuk membayar gantirugi kepada semua pekebun-pekebun kecil sama ada kaum Bumiputra atau bukan Bumiputra bagi kerosakan ke atas kebun dan tanaman-tanaman mereka yang terpaksa dimusnahkan kerana terlibat dengan projek pembinaan jalanraya. Di dalam kes yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, mengenai tanah-tanah dan tanaman-tanaman yang terlibat di dalam projek jalanraya Tawau/Semporna/Kunak/Lahat Datu pampasan akan dibayar selepas penilaian dibuat oleh Jabatan Tanah dan Ukur Sabah mengenai jumlah yang perlu dibayar. Untuk pengetahuan Ahli Yang Berhormat sebahagian daripada tuan-tuan tanah tersebut telahpun

dibayar gantirugi. Kerja-kerja Penilaian sedang diteruskan dan semua pampasan dijangka akan dapat diselesaikan dalam tempoh masa 6 bulan lagi.

LORI PERMIT 'C'

28. Tuan Alias bin Md. Ali minta Menteri Perusahaan Awam:

- (a) Sama ada beliau sedar bahawa setengah-setengah tuannya lori permit 'C' menyalahgunakan permit tersebut dengan mengangkut barang-barang awam dan oleh itu menyebabkan kesusahan kepada Bumiputra yang mempunyai lori permit 'A' untuk mendapatkan barang untuk diangkut yang mengakibatkan permit tersebut disewakan kepada bukan Bumiputra; dan
- (b) sama ada beliau bercadang mengkaji semula dasar pengeluaran permit 'C' yang liberal dan mengeluarkan lebih banyak permit 'A' kepada Bumiputra.

Menteri Perusahaan Awam (Tuan Abdul Manan bin Othman):

- (a) Saya sedar bahawa terdapat sebilangan tuan-tuan punya lori "C" menyalahgunakan permit-permit mereka dengan mengangkut barang-barang awam yang mana akan memberi kesan yang kurang sehat kepada pengusaha-pengusaha lori "A".
- (b) Kementerian saya akan terus menimbangkan permohonan-permohonan lori 'A' dan meluluskan permit-permit ini kepada mereka-mereka yang layak untuk mendapatkannya. Mengenai dasar pengeluaran permit 'C', Kementerian saya telah pun menetapkan satu dasar baru di mana pengeluaran permit 'C' ini akan dibuat berdasarkan kategori barang-barang yang diperniagakan oleh pemegang permit "C". Kategori barang-barang ini akan dicatitkan di dalam surat kelulusan perमितnya dan seterusnya senarai barang-barang yang dinyatakan itu akan dipaparkan di lori tersebut.

TV WARNA RANGKAIAN KETIGA

29. Tuan Aliuddin Pengiran Haji Mohd. Tahir bertanya kepada Menteri Penerangan:

- (a) bilakah pihak RTM akan memulakan Siaran TV berwarna bagi Rangkaian Ketiga memandangkan penonton-penonton TV di Sabah dan Sarawak tidak banyak menikmati siaran warna jika dibandingkan dengan penonton-penonton di Semenanjung Malaysia;
- (b) apakah masalah yang dihadapi oleh pihak RTM Sabah yang mengakibatkan Siaran Warna tidak dapat dilaksanakan di Rangkaian Ketiga dan bilakah masalah itu dapat diatasi.

Dato' Mohamed bin Rahmat: Kedua-dua bahagian soalan Ahli Yang Berhormat ini telah saya beri jawapannya semasa menjawab soalan daripada Ahli Yang Berhormat dari Kapit pada 20hb Mac, 1979.

PENDATANG HARAM

30. Tuan Awang bin Jabar minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan peratus bilangan pendatang haram yang mendarat di negara ini mengikut keturunan China dan Vietnam.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie): Bagi Kerajaan kita kesemua pendatang-pendatang haram Vietnam adalah warganegara Vietnam sama ada mereka itu dari keturunan China atau keturunan Vietnam Asli.

PEPERANGAN DI VIETNAM

31. Tuan Hashim bin Ghazali minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada beliau sedar peperangan yang berlaku di Vietnam baru-baru ini telah membimbangkan sebahagian rakyat negara ini; jika ya, adakah pada pandangan beliau ia akan merebak ke Malaysia.

Menteri Luar Negeri (Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj): saya sedar bahawa perkembangan di Indochina baru-baru ini membimbangkan sebahagian rakyat negara ini. Kerajaan Malaysia sedar tentang implikasi

yang mungkin timbul akibat perkembangan ini. Oleh itu, segala usaha adalah diambil untuk menghadapi sebarang kemungkinan yang akan timbul. Sukacitalah saya menambahkan bahawa untuk menjaga kedaulatan, keselamatan dan cara hidup kita, adalah perlu bagi kita menambahkan azam untuk mewujudkan perpaduan di kalangan rakyat dan selanjutnya mengukuhkan ketahanan negara. Dengan adanya perpaduan rakyat serta ketahanan negara yang kukuh, saya yakin negara kita akan dapat menghadapi apa saja cabaran baik dari dalam atau dari luar negeri.

PENDATANG HARAM BEKERJA DI KARATONG

32. Tuan Lee Kaw minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa adanya beribu-ribu pendatang haram dari negara jiran kita telah diambil bekerja dengan bergaji di kawasan Karatong berhampiran sempadan Johor/Pahang; jika sedar, apakah tindakan-tindakan telah diambil untuk mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram ini dan bekerja di kawasan tersebut kerana ini merampas peluang-peluang pekerjaan rakyat Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Kerajaan sedar bahawa ada orang-orang yang masuk secara haram dan bekerja di negara ini tanpa kebenaran, khususnya sebagai buruh kasar seperti di kawasan Karatong. Dalam hal ini Kerajaan bukan saja sentiasa mengambil tindakan untuk mencegah mereka bekerja bahkan bertindak mengawal kemasukan mereka ini.

Pemeriksaan mengejut sentiasa dibuat di kawasan-kawasan yang disyaki dan juga apabila menerima maklumat termasuk di Karatong. Mereka ini diambil tindakan menurut Undang-undang dan Peraturan iaitu mereka ditangkap, dihadapkan ke Mahkamah dan seterusnya diusir keluar. Pada tahun 1978 seramai 1,275 orang telah ditangkap. Dari jumlah ini seramai 287 orang telah didakwa dan diusir keluar manakala seramai 788 orang diusir terus. Bakinya seramai 200 orang masih lagi dalam tahanan dipenjar.

Dalam memperketatkan kawalan, Jabatan Imigresen dan pasukan keselamatan sentiasa membuat rondaan di sepanjang perairan dan perbatasan. Bagi tujuan ini sebanyak 42 buah

kapal telah digunakan dan juga Kerajaan telah memesan 6 buah kapal terbang untuk tujuan rondaan udara. Kerjasama yang erat juga adalah diperolehi dari negara-negara jiran—Indonesia, Thailand dan Singapura. Di samping itu Bahagian Penguatkuasa Imigresen telahpun ditambah tenaga baru menjadikan kekuatan sekarang ini berjumlah 104 orang.

Bagaimana pun dalam mengatasi masalah ini adalah satu perkara yang sulit untuk dipastikan sepenuhnya kerana mereka yang ditangkap itu tidak mahu mengaku yang mereka bekerja.

PENYAKIT KUKU DAN MULUT

33. Tuan P. Patto minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) tempat-tempat di mana terdapat penyakit kuku dan mulut dalam tahun lalu dan sekarang;
- (b) jumlah bilangan (i) lembu, (ii) kerbau, (iii) kambing dan (iv) babi yang telah ditembak mati sejak Kerajaan mula bertindak untuk menghapuskan penyakit kuku dan mulut;
- (c) jumlah pampasan yang telah dibayar sehingga sekarang kepada tuanpunya-tuanpunya binatang-binatang yang telah ditembak mati itu;
- (d) bilangan tuanpunya-tuanpunya binatang-binatang yang telah ditembak mati yang belum dibayar wang pampasan sekarang dan bilakah mereka akan dibayar;
- (e) sama ada pihak Kementerian beliau pernah berbincang dengan Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat untuk membantu tuanpunya-tuanpunya binatang-binatang yang telah ditembak mati mendapat pekerjaan, khususnya mereka yang mempunyai kereta-kereta lembu dan yang menjual susu, untuk mencari rezeki; dan
- (f) sama ada Kerajaan mempunyai rancangan untuk mengimpot lembu dari negeri dan memberi secara percuma kepada penternak-penternak lembu yang telah kehilangan ternakan mereka berikutan dengan penyakit kuku dan mulut, jika ya, bilakah mereka akan menerima bantuan ini.

Menteri Pertanian (Dato' Shariff Ahmad):

penyakit kuku dan mulut dalam tahun lalu dan sekarang adalah seperti berikut:

(a) Tempat-tempat di mana terdapat
Tahun lalu (1978)

Negeri	Daerah/Jajahan Perlis	Mukim/Daerah Mukim	Kampung
		1. Titi Tinggi	1. Kampong Kok Mak
		2. Ngulang	1. Kampong Perawah 2. Kampong Ngulang 3. Kampong Oran
		3. Jejawi	1. Kampong Utan Buluh 2. Kampong Jejawi Dalam
		4. Chuping	1. Kampong Balek Guar
		5. Oran	1. Kampong Gial 2. Kampong Gial Tengah
		6. Padang Pauh	1. Kampong Santan
		7. Sena	1. Kampong Repoh 2. Kampong Tanjong Gurah 3. Kampong Tok Kandang
		8. Paya	1. Kampong Padang Lati
		9. dan juga Kangar	
Kedah	Daerah	Mukim	
	1. Kubang Pasu	1. Bukit Tinggi	1. Kampong Kepala Batas 2. Kampong Kubang Pasu 3. Kampong Kubang Batang 4. Kampong Cherok Mokkan
		2. Husba	1. Kampong Tebing
		3. Tenin	1. Kampong Kangar
Kelantan	Jajahan	Daerah	
	1. Kota Bahru	1. Badang	1. Kampong China 2. Kampong Tikat 3. Kampong Banggol
		2. Kota	1. Kampong Sireh 2. Kampong Pintu Geng 3. Kampong Pasir Kota
		3. Salor	1. Kampong Betong 2. Kampong Kedai Salor
		4. Pendek	1. Kampong Telok Kandis
	2. Tanah Merah	1. Bukit Panau	1. Kampong Bukit Kuang 2. Kampong Bukit Mas 3. Kampong Bukit Gading
		2. Jedok	1. Kampong Lalang Kepunya
	3. Machang	1. Pulau Chondong	1. Kampong Pangkal Perahu 2. Kampong Laka 3. Kampong Bandar
		2. Labuk	1. Kampong Sungai Bagan
	4. Pasir Mas	Pasir Mas	Semua
Johor	Daerah Muar	(cuma di Rumah Sembelih)	
	Tahun 1979		
	Tidak ada berlaku.		

- (b) Jumlah bilangan (i) lembu, (ii) kerbau, (iii) kambing dan (iv) babi yang telah ditembak sahaja sejak Kerajaan mula bertindak untuk menghapuskan penyakit kuku dan mulut adalah seperti berikut:

Lembu	6,232 ekor
Kerbau	823 ekor
Kambing / Biri-biri	3,628 ekor
Babi	5,751 ekor
	<hr/>
	16,434 ekor

- (c) Jumlah pampasan yang telah dibayar sehingga sekarang kepada tuanpunya-tuanpunya binatang-binatang yang telah ditembak mati ialah \$4,404,639.00.
- (d) Bilangan tuanpunya-tuanpunya binatang-binatang yang telah ditembak mati belum dibayar wang pampasan sekarang ialah seramai 251 orang. Urusan pembayaran sedang dijalankan sekarang.
- (e) Tiada.
- (f) Kerajaan ada rancangan mengimpot lembu dari luar negeri untuk diberi secara subsidi kepada mereka yang kehilangan ternakan lembunya berikutan dengan penyakit kuku dan mulut. Rancangan ini akan dijalankan pada tahun 1979 dan 1980 mengikut kadar adanya ternakan lembu.

JAWATAN TETAP KEPADA PEKERJA LEBUHRAYA

34. Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali minta Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam menyatakan sama ada Kerajaan bercadang untuk menyerap pekerja-pekerja di Lebuhraya-lebuhraya di Malaysia ke dalam jawatan tetap Kerajaan Bahagian Empat dan jika tidak, adakah Kerajaan akan menimbang memberikan lain-lain kemudahan untuk mereka.

Dato' Lee San Choon: Mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Grik, saya suka menyatakan bahawa kajian adalah sedang dibuat mengenai cara-cara menyerap pekerja lebuhraya sementara ke

dalam jawatan tetap. Dalam pada itu keutamaan akan diberikan kepada mereka untuk mengisi jawatan-jawatan kosong dalam Kementerian saya jika mereka bersedia membuat permohonan.

TANAH KEPUNYAAN KERETAPI TANAH MELAYU

35. Tuan Haji Yusof bin Malim Kuning minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian ini terhadap tanah kepunyaan Keretapi Tanah Melayu di Republik Singapura apakala perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu dihentikan dari negara itu nanti dan dialihkan ke Pasir Gudang, Johor.

Menteri Pengangkutan Tan Sri V. Manickavasagam: Adalah terlalu awal hendak menyatakan tentang apa-apa langkah yang akan diambil oleh sebab perkara ini masih diselidiki dan disiasat daripada semua aspek oleh sebuah Jawatankuasa yang telah ditubuhkan.

PEMBANGUNAN SEKOLAH-SEKOLAH VOKESYENAL

36. Tuan Leonard Linggi anak Jugah minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah peratus jumlah perbelanjaan ke atas pelajaran yang diuntukkan bagi Sekolah Vokesyenal dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan memandangkan kepada permintaan yang kian menambah bagi tenaga buruh mahir, sama ada beliau akan menimbang menambahkan peruntukan bagi sekolah-sekolah vokesyenal bagi tahun 1980 dan Rancangan Malaysia Keempat dan seterusnya memastikan bahawa sekolah-sekolah tersebut diperkembangkan ke semua negeri terutama sekali Sarawak bagi memenuhi keperluan tenaga manusia untuk projek Bintulu.

Dato' Musa bin Hitam: Dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga Kementerian Pelajaran telah menguntukkan 2.65% daripada jumlah peruntukan pembangunan untuk Sekolah-sekolah Vokesyenal.

Bagi tahun 1980 dan bagi tempoh Rancangan Malaysia Keempat pula Kementerian ini akan menambahkan peruntukannya dengan membina 24 buah lagi Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal.

Sekolah-sekolah Menengah Vokesyenal memangnya ada dibina di tiap-tiap buah negeri. Pada masa ini Negeri Sarawak mempunyai tiga buah Sekolah Menengah Vokesyenal iaitu di Kuching, Sibul dan Miri. Dua buah lagi akan dibina di Sarawak, satu diluar bandar Kuching dan satu lagi di Bintulu telah diluluskan apabila Rancangan Malaysia Ketiga dikaji semula baru-baru ini.

KAMPUCHEA—PENDIRIAN MALAYSIA

37. **Tuan Lee Lam Thye** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

- (a) apakah pendirian Kerajaan Malaysia terhadap Kampuchea; dan
- (b) bagaimanakah ASEAN menghampiri masalah Kampuchea.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-haj:

- (a) Pendirian Kerajaan Malaysia terhadap Kampuchea adalah selaras dengan prinsip-prinsip asas dasar luar Malaysia dan prinsip-prinsip hubungan antarabangsa yang terkandung di dalam piagam Bangsa-bangsa Bersatu yang berasaskan dasar saling menghormati kemerdekaan, kedaulatan dan keluhuran kawasan dan juga prinsip tidak campur tangan di dalam hal ehwal dalam negeri antara sesuatu negara dengan negara yang lain.
- (b) Kerajaan memandang berat sekali tentang perkembangan-perkembangan yang berlaku di dalam Kampuchea. Perkembangan-perkembangan tersebut jika tidak terkawal mungkin akan melibat dan merebak di seluruh Indochina dan ini pula mungkin membawa akibat buruk kepada seluruh rantau Tenggara Asia. Khususnya, perkembangan-perkembangan tersebut mungkin bertambah tenat hingga membawa kepada campurtangan kuasa-kuasa besar. Tidak payahlah saya jelaskan apa akibatnya kepada rantau kita jika meletusnya satu pertikaian antara kuasa-kuasa besar akibat daripada merebaknya perkembangan di Kampuchea itu. Dengan sebab itu apabila berlakunya peristiwa di Kampuchea saya sebagai Menteri Luar Negeri bersama dengan Menteri-menteri Luar ASEAN yang lain dengan

serta-merta mengadakan mesyuarat di Bangkok khasnya untuk membincangkan hal serta perkembangan-perkembangan di Kampuchea dengan keseluruhannya. Malaysia bersama dengan negara-negara Asean lain telah menyuarakan pandangan berat di atas itu melalui satu kenyataan bersama pada 12 Januari.

Kenyataan bersama tersebut jelas menerangkan pendirian kita. Kita telah menegaskan bahawa adalah hak mutlak rakyat Kampuchea untuk menentukan masa hadapan mereka sendiri tanpa sebarang campur-tangan atau pengaruh dari manamana negara asing. Di dalam matlamat ini, saya dan rakan-rakan saya dalam ASEAN telah menyeru supaya dengan serta-merta semua tentera-tentera asing ditarik keluar dari Kampuchea.

Di dalam Kenyataan ini juga Menteri-menteri luar ASEAN telah mengalukan keputusan Majlis Keselamatan Bangsa-bangsa Bersatu untuk mempertimbangkan tanpa lengah-lengah lagi keadaan di Indochina dan menggesa Majlis itu mengambil tindakan yang sesuai dan wajar bagi mengembalikan keamanan, keselamatan dan kestabilan rantau ini. Di dalam konteks ini kita telah mengarahkan Wakil Tetap Malaysia untuk mengambil bahagian di dalam Majlis Keselamatan di Bangsa-bangsa Bersatu. Wakil Tetap Malaysia telah menyuarakan pendirian kita bersama dengan wakil-wakil tetap negara-negara ASEAN yang lain.

PERKHIDMATAN MAS

38. **Tuan Chan Teck Chan** minta Menteri Pengangkutan menyatakan apakah tindakan yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan MAS baik dalam atau di luar Malaysia (termasuk menambah bilangan penerbangan di Negeri Sabah dan Sarawak memandangkan aduan bahawa bilangan penerbangan tidak mencukupi dan kegagalan menemui permintaan mereka), dan apakah langkah-langkah yang positif telah diambil untuk mempertingkatkan taraf, kecekapan dan keselamatan penerbangan MAS, dan adakah MAS akan mempertimbang untuk menurunkan tambangnya bagi penerbangan khasnya dalam kawasan Malaysia.

Tan Sri V. Manickavasagam: Pihak Mas sudah dan sedang mengambil tindakan untuk memperbaiki lagi perkhidmatannya di dalam dan di luar negeri. Tindakan itu adalah sebagaimana berikut:

(a) *Perkhidmatan Luar Negeri*

Perkhidmatan luar negeri dikendalikan oleh dua buah kapal terbang jenis DC-10 yang boleh mengisi 265 penumpang dan kapal terbang itu diguna bagi perkhidmatan ke Hong Kong, Taipei, Tokyo, Australia, Kuwait, Frankfurt dan London. Pihak MAS telahpun juga menempah 3 buah kapal terbang jenis Airbus A300B4 yang akan dibawa masuk pada tahun ini. Tiap-tiap satu kapal terbang Airbus itu boleh mengisi 246 penumpang. Kapal terbang itu akan digunakan bagi penerbangan ke Taipei, Hong Kong, Tokyo dan Seoul, dan kapal terbang itu akan menggantikan perkhidmatan kapal terbang jenis B707. Dengan adanya kapal terbang jenis Airbus itu, maka kedua-dua kapal terbang jenis DC-10 itu boleh digunakan bagi menambahkan perkhidmatan ke Australia, Europe dan Timor Tengah. Dalam hal itu pun, pihak MAS sentiasa mengkaji tentang keperluannya menambahkan perkhidmatan luar negeri dari masa ke semasa.

Mulai daripada bulan April 1979, MAS akan mengadakan perkhidmatan ke Seoul, Korea Selatan. Dalam hal perkembangan perkhidmatan MAS di luar negeri, satu perkara yang menghadkan perkembangan itu ialah berkenaan dengan hak mendarat di Negara asing, dan sekiranya hak mendarat itu tidak diperolehi, maka rancangan untuk memperkembangkan penerbangan ke luar negeri tidak akan dapat dicapai. Tentang mutu perkhidmatan MAS, bolehlah ditegaskan bahawa mutu perkhidmatannya adalah lebih atau sedikit-tidaknya setanding dengan mutu perkhidmatan syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Walau bagaimanapun, kajian sentiasa dibuat untuk meninggikan lagi mutu perkhidmatan itu.

(b) *Perkhidmatan dalam negeri iaitu Semenanjung Malaysia Sabah & Sarawak*

Pihak MAS memang sedar ada masamasanya kurang cukup kapasiti bagi Negeri Sarawak dan Sabah. Untuk mengatasi perkara itu penerbangan-penerbangan tambahan diadakan dari masa ke semasa. Penerbangan kapal terbang jenis F27 dan juga jenis B737 telahpun ditambahkan pada waktu-waktu yang berkehendakkan kepada tambahan kapasiti. Pada masa-masa yang diperlukan, kapal terbang-kapal terbang telah dan akan disewa bagi maksud memuaskan penumpang-penumpang.

Tentang mutu dan kecekapan perkhidmatan MAS, sukacita dijelaskan bahawa pihak MAS sentiasa memberi latihan kepada kakitangan-kakitangannya bagi semua lapisan dan latihan itu diteruskan supaya mereka dapat berkhidmat dengan cekap. Latihan-latihan diadakan di dalam dan di luar negeri, dan mereka adalah diasoh supaya memberi perkhidmatan kepada orang ramai dengan secepat-cekapnya. Tentang keselamatan penerbangan, pihak MAS memang menitik berat perkara itu, dan mutu kejuruteraan dan operasi penerbangannya adalah tinggi dan setanding dengan Syarikat-syarikat penerbangan yang lain. Semua kerja berkenaan dengan kejuruteraan dan juga operasi penerbangan adalah mengikut asas-asas, aturan-aturan dan undang-undang yang ditetapkan oleh Badan-badan Antarabangsa dan juga oleh Kerajaan Malaysia, dan semua perkara adalah dipatuhi dengan betul. Kapal terbang-kapal terbang adalah diperiksa mengikut aturan dan disahkan bahawa kapal terbang itu adalah layak untuk digunakan. Juruterbang-juruterbang diberi latihan yang setanding dengan latihan-latihan yang diberi oleh Syarikat-syarikat penerbangan yang lain dan mereka adalah disah layak dan mempunyai mutu kecekapan yang tinggi.

- (c) Pihak Kerajaan dan MAS sedang mengkaji bagi mengadakan tambang murah untuk destinasi-destinasi yang tertentu.

HOST MALAM MINGGU

39. Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad minta Menteri Penerangan menyatakan sama ada rancangan yang popular seperti Host Malam Minggu dapat diadakan "live" daripada rancangan yang telah dirakamkan sedangkan rancangan itu tidak nampak keasliannya dan kesempurnaannya, seperti mana yang berlaku sama ada pelancaran TV warna pada 28-12-78 yang mengakibatkan rakaman itu terhenti, sama ada ini menjadi satu pengalaman untuk mengadakan pertunjukan apa juga programnya dengan "live" supaya pertunjukan itu betul-betul benar daripada mulut penyanyi itu terkamat-kamit.

Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat): Ada rancangan-rancangan TV yang disiarkan secara langsung atau 'live telecast' dan ada yang disiarkan secara rancangan yang dirakamkan terlebih dahulu. Rancangan-rancangan seperti Pertandingan Akhir Bintang RTM, Pertandingan Akhir Dendang Rakyat, Konsert Perdana, Pertandingan Akhir Bola-sepak sama ada dalam negeri atau luar negeri, perbarisan Hari Kebangsaan, Musabaqah Al-Quran dan sebagainya disiarkan secara langsung kerana peristiwa-peristiwa itu adalah peristiwa-peristiwa semasa (topical). Sebaliknya rancangan-rancangan seperti Tetamu Malam Minggu lebih wajar disiarkan sebagai suatu rancangan yang dirakamkan terlebih dulu kerana rancangan-rancangan ini adalah rancangan mingguan yang bukan peristiwa semasa yang penting iaitu yang tidak "topical". Jika rancangan-rancangan mingguan seperti ini disiarkan secara langsung maka kegiatan tersebut akan mengikat unit siaran luar (OB Unit) kepada rancangan-rancangan itu dan menghadkan liputan TV Malaysia bagi rancangan-rancangan yang lain. Selain dari itu rakaman secara langsung mengikat peserta-peserta rancangan tersebut kepada waktu rakaman yang tertentu dan apabila peserta-peserta tersebut datang dari daerah-daerah di luar Kuala Lumpur maka ini akan mengakibatkan beberapa masalah. Amalan merakamkan rancangan-rancangan TV terlebih dahulu adalah suatu amalan semua stesyen-stesyen TV kerana amalan yang begini

memberi lebih kebebasan dari segi rakaman dan siarannya serta lebih ekonomi dari segi perbelanjaan.

Dari segi rakaman suara yang dirakamkan terlebih dahulu sebelum rakaman TV, adalah diakui ada penyanyi-penyanyi yang tidak begitu mahir dalam "lip-synchronisation" atau perpaduan gerak bibir dan mulut mengikut lagu yang telah dirakamkan. Dalam hal ini RTM sentiasa mengambil langkah untuk membaiki persembahannya.

PELAJAR DI INSTITUSI PELAJARAN TINGGI

40. Tuan V. David minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan pelajar yang diterima masuk bagi tahun 1979 di dalam berbagai Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia berdasarkan bilangan kaum.

Dato' Musa bin Hitam: Ahli Yang Berhormat bolehlah merujuk kepada jawapan yang saya beri di Dewan ini pada 19-3-1979 bagi menjawab soalan-soalan dari Ahli-ahli Yang Berhormat dari Petaling dan Kota Melaka.

PELARIAN VIETNAM/KAMPUCHEA

41. Tuan V. David minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan bilangan orang pelarian yang telah mendarat di pantai-pantai Malaysia yang datang dari Kampuchea dan Vietnam mulai dari 1hb Januari 1978 dan sama ada keselamatan mereka telah dijamin:

- (a) berapa ramaikah di antara mereka yang telah meninggalkan Malaysia dan nyatakan negara-negara yang telah menerima mereka itu;
- (b) sama ada Malaysia akan menerima mana-mana pelarian atas dasar tetap;
- (c) bukannya menjadi suatu tanggungjawab antarabangsa untuk menawarkan tempat perlindungan kepada orang-orang pelarian dan tidak ada Kerajaan yang dapat mengelak diri dari keadaan yang sedemikian; dan
- (d) bukannya sememangnya menjadi satu kenyataan bahawa ancaman untuk menenggelamkan sampan-sampan orang pelarian oleh Kerajaan Malaysia adalah

sesuatu yang berlawanan dengan perakuan tanggungjawab antarabangsa dan bahawa ia akan merosakkan imej negara Malaysia.

Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie: Dari Kampuchea, tiada seorang pun. Dari Vietnam jumlah pendatang-pendatang haram yang telah mendarat dipantai-pantai kita mulai 1hb Januari 1978 hingga akhir bulan Februari 1979 ialah 67780. Keselamatan mereka-mereka yang telah mendarat itu adalah dijamin dengan adanya kawalan rapi dan positif oleh Pasukan Petugas VII dari mula mereka mendarat dan ditempatkan sementara yang diisytiharkan sebagai Depoh Immigresyen sehinggalah mereka dipindahkan ke negara-negara ketiga:

- (a) Dari 1hb Januari 1978 hingga akhir bulan Februari 1979 sejumlah 20990 pendatang-pendatang haram Vietnam yang mendarat di negara ini telah dipindahkan ke negara-negara ketiga seperti berikut:

(1) AUSTRIA	59
(2) AUSTRALIA	6843
(3) BELGIUM	45
(4) CANADA	721
(5) DENMARK	16
(6) FRANCE	710
(7) HONG KONG	28
(8) NEW ZEALAND	5
(9) NORWAY	2
(10) NETHERLAND	35
(11) SWITZERLAND	224
(12) AMERIKA SYARIKAT	12615
(13) UNITED KINGDOM	7
(14) GERMAN BARAT	36
(15) JEPUN	1
(16) CAMEROON	3
	<u>20990</u>

- (b) Tidak.

(c) Memang menjadi suatu tanggungjawab antarabangsa untuk menawarkan tempat perlindungan kepada orang-orang pelarian. Tanggongjawab ini sesuai sekali dipikul oleh negara-negara yang menganggap diri mereka sebagai juara asasi manusia dan negara-negara yang mampu. Bagi negara kita Malaysia iaitu satu negara yang kecil, sumbangan kita dalam segi memberi perlindungan kepada orang-orang pelarian adalah lebih daripada yang patut kerana setakat ini negara kita telah pun menerima 1600 orang pelarian dari Kampuchea dan 92,000 dari Filipina.

(d) Kerajaan Malaysia tidak pernah membuat sebarang ancaman untuk menenggelamkan bot-bot pendatang haram Vietnam. Amaran Kerajaan yang menyatakan bahawa pendatang-pendatang haram Vietnam tidak akan dibenarkan mendarat lagi itu bermaksud bahawa bot-bot yang tiba di perairan kita yang tidak dalam keadaan kecemasan akan diperintahkan keluar untuk meneruskan perjalanannya. Sekiranya perlu mereka akan dibantu dengan cara memberi bekalan seperti air, makanan dan minyak. Juga sekiranya bot-bot mereka rosak, kita cuba memperbaikinya dan selepas selesai pembaikian tersebut mereka akan diperintah supaya meneruskan perjalanannya.

TANGGAGAJI PEMBACA METER AIR

42. Tuan **Seow Hun Khim** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar tentang kepincangan di antara tanggagaji seorang pembaca meter air dan tanggagaji seorang pembaca meter letrik dan sama ada beliau akan membetulkan kepincangan itu.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat daripada Bukit Mertajam, Pembaca Meter Air adalah dilantik dalam perkhidmatan awam bagi Jabatan Kerja Raja Negeri. Pembaca Meter Air juga dilantik oleh Lembaga-lembaga Air iaitu Badan-badan Berkanun yang ditubuhkan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri. Pembaca Meter Letrik tidak didapati dalam perkhidmatan Kerajaan tetapi adalah dilantik oleh Badan Berkanun.

Kerajaan sedar bahawa tanggagaji bagi Pembaca Meter Air di bawah Laporan Jawatankuasa Kabinet tidak sama dengan tanggagaji bagi Pembaca Meter Letrik dan Kesatuan Pembaca-pembaca Meter Air Jabatan Kerja Raya, Semenanjung Malaysia telah mengemukakan satu tuntutan anomali kepada Jabatan Perkhidmatan Awam menurut peruntukan di bawah Akta Tribunal Perkhidmatan Awam, 1977 dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya. Tuntutan itu telah disiasat oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan rundingan dengan Kesatuan Pembaca-pembaca Meter Air Jabatan Kerja Raya, Semenanjung Malaysia sebagai orang

yang terkilang telah diadakan pada 27hb orang yang terkilang telah diadakan pada 27hb Februari, 1979. Pada ketika ini Kerajaan tidaklah dapat mengumumkan butir-rundingan itu sehingga pimpinan kesatuan itu mengadakan mesyuarat dengan ahli-ahlinya.

GURU PELATIH DI MAKTAB PERGURUAN

43. Tuan Ting Chek Ming minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa banyak guru-guru pelatih yang memasuki Maktab Perguruan tiap-tiap tahun;
- (b) adakah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) kekurangan guru-guru terlatih.

Dato' Musa bin Hitam:

- (a) Bilangan guru-guru pelatih yang memasuki Maktab Perguruan tiap-tiap tahun sejak sepuluh tahun yang lalu ialah seperti berikut:

19691,367
19701,147
19711,048
19721,833
19732,173
19742,884
19753,421
19765,352
19775,959
19785,870

- (b) Pada masa sekarang Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (China) masih menghadapi kekurangan guru-guru terlatih. Tempat-tempat itu dipenuhi oleh guru sementara.

PEGAWAI PENYELESAIAN PESAKA KECIL

44. Tuan Kamaluddin bin Maamor minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan:

- (a) bilangan Pegawai-pegawai Penyelesaian Pesaka Kecil yang bertugas mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia; dan
- (b) jumlah permohonan penyelesaian kes Pesaka Kecil yang diterima dan jumlah kes-kes yang telah diselesaikan mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia bagi tahun 1977 dan 1978.

Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tan Sri Dato Haji Abdul Kadir bin Yusof): Bilangan Pegawai-pegawai Penyelesaian Pesaka Kecil yang bertugas di Semenanjung Malaysia dan jumlah permohonan penyelesaian pesaka kecil yang telah diterima dan diselesaikan adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bil. Jawatan/ Pegawai	1977		1978		Lain- lain Hal
			di- terima	di- selesai	di- terima	di- selesai	
1.	Selangor	3 jawatan— 2 kosong	618	544	485	551	
2.	Wilayah Persekutuan	1 jawatan— kosong	—	—	—	—	
3.	Negeri Sembilan	1 jawatan	249	232	207	190	
4.	P.Pinang	1 jawatan	126	17	257	99	
5.	Kedah	2 jawatan	743	613	1240	935	
6.	Perlis/ Kedah Utara	1 jawatan	230	144	242	186	
7.	Perak	3 jawatan	1861	1447	2052	1869	
8.	Melaka	1 jawatan	516	371	301	233	
9.	Johor	3 jawatan— 2 kosong	595	377	1861	645	

Bil.	Negeri	Bil. Jawatan/ Pegawai	1977		1978		Lain- lain Hal
			di- terima	di- selesai	di- terima	di- selesai	
10.	Pahang	3 jawatan— 1 kosong	485	312	98	45	
11.	Trengganu	3 jawatan— 1 kosong	480	292	500	489	
12.	Kelantan	3 jawatan—	363	400	493	275	
13.	Ibu Pejabat	1 kosong— (Ting. Khas)	—	—	—	—	
	Jumlah	26 jawatan— 7 kosong	6266	4749	7736	5517	

- Catitan: 1. Tiap-tiap seorang pegawai diberi seorang Kerani dan seorang jurutaip.
2. Selain daripada kes-kes yang diselesaikan oleh Pegawai-pegawai Pesaka Kecil (Pegawai Persekutuan) ada jua kes-kes yang diselesaikan oleh Pemungut-pemungut Hasil Tanah di Daerah masing-masing dan bilangan kes-kes itu tidak boleh diperolehi.

PELEPASAN CUKAI PENDAPATAN

45. Puan Shariffah Dorah binti Mohammed minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kementerian yang berkenaan sedar bahawa keseluruhan rakyat Malaysia yang berpendapatan tetap adalah menanggung dan membiayai nafkah bukan sahaja anak-anak bahkan ibubapa dan keluarga serta kerabat (di mana segelintir yang tinggal di rumah kebajikan). Oleh yang demikian mohon pelepasan cukai pendapatan dinaikkan hingga \$4,000 bagi suami atau isteri.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Adalah dimaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa jumlah pelepasan cukai yang boleh diberi kepada pembayar cukai sekarang ini di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 telahpun ditambah menjadi \$11,500 iaitu suatu angka yang dianggap sudahpun mencukupi. Jumlah tersebut mengandungi jenis pelepasan seperti berikut:

- (i) pelepasan untuk diri sendiri \$2,000
- (ii) pelepasan untuk pendapatan tenaga diri sendiri \$1,000
- (iii) pelepasan untuk isteri \$1,000
- (iv) pelepasan untuk pendapatan tenaga isteri \$1,000

- (v) pelepasan untuk anak-anak (iaitu setakat lima orang) \$3,000
 - (vi) pelepasan untuk bayaran premium insuran dan caruman kepada KWSP dan lain-lain tabung persaraan. \$3,500
- Jumlah .. \$11,500

Sukacita saya menambah di sini bahawa angka tersebut tidak termasuk ribat cukai sebanyak \$90 bagi pembayar cukai dan isteri yang diberi di dalam Belanjawan 1977 dan 1978. Ribat sebanyak \$90 ini serupa kesannya dengan pemberian pelepasan cukai sebanyak \$1,500 kepada pembayar cukai yang menghadapi kadar cukai yang rendah sekali iaitu 6%, atau serupa dengan pemberian pelepasan sebanyak \$164 kepada pembayar cukai yang menghadapi kadar cukai yang tinggi sekali iaitu 55%. Jika ribat ini diambil kira maka jumlah maksima pelepasan adalah lebih dari \$11,500.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perkara pelepasan cukai ini memang selalu dikaji oleh Kerajaan yang akan mengambil kira kedudukan ekonomi keseluruhannya di dalam negeri kita pada ketika itu sebelum mengambil tindakan yang sewajarnya.

PENYAKIT KUKU DAN MULUT

46. Tuan Hussein bin Mahmood minta Menteri Pertanian menyatakan di dalam mencegah merebaknya penyakit 'Kuku dan Mulut' yang menyerang binatang-binatang ternakan di Semenanjung Malaysia akhir tahun 1978:

- (a) berapa banyakkah binatang yang telah dimusnahkan dengan memberi angka-angka mengikut Negeri-negeri;
- (b) Jumlah gantirugi kepada tuanpunya-tuanpunya ternakan yang telah dimusnahkan, dengan memberi angka-angka mengikut Negeri-negeri; dan
- (c) Apakah usaha-usaha lain yang telah dijalankan oleh Kementerian beliau di dalam menghadapi penyakit ini selain daripada gerakan pemusnahan yang dijalankan ke atas binatang-binatang ternakan yang diserang oleh penyakit ini.

Dato' Shariff Ahmad:

- (a) Jumlah ternakan yang telah dimusnahkan dengan cara penyembelihan dan ditembak adalah seperti berikut:

Perlis	266
Kedah	586
Perak	10,923
Kelantan	6,184
	(sembelih)
Johor	158
Jumlah	<u>18,117</u>

- (b) Jumlah gantirugi kepada tuanpunya-tuanpunya ternakan mengikut negeri ialah \$4,652,269.00. Pecahan gantirugi mengikut negeri adalah seperti berikut:

Perlis	\$64,695.00
Kedah	125,000.00
Perak	2,576,351.00
Kelantan	1,836,223.00
Johor	50,000.00
Jumlah	<u>\$4,652,269.00</u>

- (c) Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian Pertanian di dalam menghadapi penyakit ini selain daripada

gerakan pemusnahan ini adalah seperti berikut:

- (i) Mengisytiharkan kawasan-kawasan yang diserangi penyakit kuku dan mulut sebagai kawasan berpenyakit dengan mengambil tindakan seperti berikut:

- (a) Memusnahkan ternakan yang sakit, terlibat dan terdedah dan juga membayar pampasan kepada tuanpunya-tuanpunya ternakan yang dimusnah.

- (b) Membatalkan penyembelihan.

- (c) Membatalkan pemindahan ternakan.

- (d) Membatalkan penjualan daging.

- (e) Menghapuskan kuman virus dengan mencuci tempat-tempat yang berpenyakit dan terdedah dengan menggunakan bahan-bahan kimia.

- (ii) Di luar kawasan-kawasan berpenyakit tindakan berikut dijalankan:

- (a) Membatalkan penyembelihan.

- (b) Membatalkan pemindahan, kecuali dengan kebenaran daripada pihak yang berkuasa.

- (iii) Bagi negeri-negeri yang tidak diserangi Penyakit Kuku dan Mulut tetapi mungkin terdedah kepada penyakit ini tindakan yang diambil ialah:

- (a) Mengisytiharkan kawasan itu sebagai kawasan pengawalan penyakit Kuku dan Mulut.

- (b) Mengawal pemindahan ternakan melainkan dengan kebenaran daripada pihak yang berkuasa.

- (iv) Menjalankan program suntikan.

- (v) Mengadakan usahasama di antara Malaysia/Thailand dalam usaha pencegahan dan kawalan Penyakit Kuku dan Mulut.
- (vi) Menjalankan rondaan di sepanjang sempadan Malaysia/Negeri Thai supaya dapat mencegah penye-
ludupan ternakan yang ber-
penyakit. Mengadakan rundingan
dengan pihak negeri Thailand.
Mengadakan satu gerakan sun-
tikan di Negeri Kelantan dan di
sekitar Daerah Besut, Trengganu.
- (vii) Mengadakan kempen penerangan
untuk menjelaskan masalah
penyakit ini kepada rakyat.

PEGAWAI PERHUBUNGAN PERUSAHAAN

47. **Dr. Tan Tiong Hong** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan di dalam Kementeriannya ada berapa orang kakitangan yang memegang jawatan sebagai 'Pegawai Perhubungan Perusahaan' (Industrial Relations Officer) dan dilatih khas bagi menolong Kerajaan kita menyelesaikan setiap masalah besar dan kecil yang berbangkit dari masa ke semasa berhubung dengan pertikaian perusahaan supaya dapat mengelakkan sebarang kejadian buruk timbul di antara pekerja-pekerja dan majikan-majikan yang bukan sahaja mengakibatkan kerugian besar bahkan menjejaskan ekonomi dan imej negara kita juga rakyat umum pada keseluruhannya.

Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (**Dato' Richard Ho Ung Hun**): Jumlah kakitangan di bawah Kementerian saya yang memegang jawatan 'Pegawai Perhubungan Perusahaan' ialah 43 orang. Kursus-kursus latihan adalah dijalankan oleh Kementerian saya dari semasa ke semasa bagi melatih bukan sahaja pegawai-pegawai Perhubungan Perusahaan tetapi juga pegawai-pegawai Buruh dari Jabatan yang lain, supaya pegawai-pegawai itu lebih cekap dan berkebolehan dalam melaksanakan tugas-tugas mereka. Di samping itu pula pegawai tersebut juga berpeluang mengikuti latihan sambil kerja yang dianjurkan oleh Jabatan masing-masing dan juga mengikuti kursus-kursus latihan di seberang laut. Setakat ini

seramai 17 dari 43 orang pegawai-pegawai tersebut telah menghadiri kursus di seberang laut.

GAJI RENDAH PEKERJA-PEKERJA KILANG

48. **Tuan P. Patto** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar bahawa masih terdapat beberapa kilang di tanahair kita yang membayar gaji yang sangat rendah, seperti sebuah kilang plastik di Petaling Jaya yang membayar gaji sebanyak \$2.50 sehari bagi seorang buruh, jika ya, apakah tindakan pihak Kerajaan telah atau sedang mengambil untuk mempastikan pekerja-pekerja kita tidak ditindas oleh majikan-majikan ini yang tidak berperikemanusiaan; dan
- (b) memandangkan kepada keadaan penindasan ini, adakah Kerajaan bercadang untuk mengubah sikapnya tentang betapa perlunya mengadakan satu gaji minima, jika tidak, tidakkah ini bererti bahawa Kerajaan mahukan kapitalis-kapitalis mendapat seberapa banyak keuntungan yang boleh, tanpa mempedulikan kebajikan pekerja-pekerja.

Dato' Richard Ho Ung Hun: Saya sedar terdapat beberapa buah kilang di mana gaji yang dibayar agak rendah jika dibandingkan dengan kilang-kilang yang lain terutama sekali bagi pekerjaan-pekerjaan am yang tidak memerlukan apa-apa kemahiran atau latihan. Walau bagaimanapun di dalam kebanyakan kes-kes seperti ini, gaji pokok yang dibayar itu, adalah ditambah dengan elaun bantuan khas dan di dalam kes-kes yang tertentu terdapat juga kemudahan seperti pengangkutan percuma.

Pegawai-pegawai dari Jabatan Buruh yang diberi tugas untuk menguatkuasa Ordinan Kerja, 1959 dan lain-lain Undang-undang Buruh dan peraturan yang berkaitan dengannya, sentiasa mengadakan pemeriksaan ke tempat-tempat kerja dari semasa ke semasa. Di dalam pemeriksaan-pemeriksaan ini pegawai-pegawai tersebut menyemak semua rekod-rekod berhubung dengan gaji pekerjaan untuk menentukan bahawa

peruntukan-peruntukan pelbagai Undang-undang Buruh adalah dipatuhi. Di samping itu juga pegawai-pegawai tersebut, di mana perlu, menasihatkan majikan mengenai aduan-aduan atau tidak puashati pekerja-pekerja supaya diselesaikan dengan segera.

(b) Kerajaan berpendapat masanya belum sampai bagi kita mengadakan gaji minima. Objektif kita adalah untuk mewujudkan seberapa banyak pekerjaan dan memberi lebih banyak lagi peluang-peluang latihan kemahiran kepada pekerja-pekerja kita. Walau bagaimanapun Kementerian saya akan mencuba sedaya upayanya untuk menentukan gaji yang berpatutan adalah dibayar. Jika Ahli-ahli Yang Berhormat itu mempunyai kes-kes yang tertentu, bolehlah beliau melaporkan ke Kementerian saya untuk tindakan selanjutnya.

KES MAHAN SINGH

49. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan sama ada selepas pindaan dibuat baru-baru ini kepada Perlembagaan Persekutuan selepas keputusan Majlis Privy dalam kes Mahan Singh melawan Kerajaan Malaysia di mana pindaan itu dikebelakangkan kuatkuasanya kepada hari Merdeka, adakah Kerajaan bercadang membayar gantirugi kepada mereka yang telahpun menunggu kes mereka dibicarakan di Mahkamah Tinggi tatkala pindaan tersebut diluluskan.

Perdana Menteri: Kes-kes yang dimaksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu masih lagi menunggu keputusan atau penyelesaian di Mahkamah Tinggi. Oleh yang demikian soal sama ada Kerajaan bercadang membayar gantirugi atau saguhati kepada pihak-pihak yang terlibat adalah tidak kena pada masanya dan adalah tidak wajar bagi saya membuat apa-apa kenyataan mengenainya.

KUMPULAN WANG PINJAMAN KENDERAAN PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN

50. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan Pegawai-pegawai Kerajaan

yang diagihkan kepada tiap-tiap Kementerian/Jabatan yang mempunyai perakaunannya sendiri, adalah sangat lambat untuk meluluskan satu-satu pinjaman membeli kenderaan jika dibandingkan dengan permohonan yang disalurkan terus ke pihak Perbendaharaan. Dan terdapat juga Kementerian/Jabatan yang kecil mendapat peluang pinjaman yang lebih baik daripada Kementerian/Jabatan yang besar; seperti Kementerian/Jabatan Pelajaran, berdasarkan kadar agihan yang tidak selaras. Jika sekiranya sedar, apakah Kementerian bercadang untuk disatukan Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan ini di bawah satu pentadbiran perakaunan sepertimana pengurusan perakaunan yang dilakukan oleh Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan sekarang ini.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Saya ingin menjelaskan bahawa pinjaman bagi membeli kenderaan yang diberi kepada kakitangan Kerajaan adalah merupakan satu kemudahan dan bukannya hak. Ianya merupakan sebagai bantuan kepada mereka untuk membeli kenderaan bagi membolehkan mereka menjalankan tugas-tugas resmi mereka sehari-hari dengan sempurna, licin dan berkesan.

Kementerian Kewangan tidak sedar tentang kelambatan Kementerian/Jabatan berkenaan meluluskan satu-satu pinjaman membeli kenderaan. Walau bagaimanapun Kementerian Kewangan sedar tentang kekurangan peruntukan kumpulan wang pinjaman kenderaan yang diberi kepada beberapa Kementerian/Jabatan dan ada kemungkinan kekurangan ini telah menyebabkan kelambatan seperti yang didakwa. Kementerian Kewangan pada masa ini sedang mengkaji kekurangan peruntukan tersebut secara teratur dengan tujuan memberi tambahan yang sewajarnya.

Kementerian Kewangan tidak bercadang untuk menyatukan pentadbiran kumpulan wang tersebut memandangkan sistem yang diamalkan sekarang bukanlah punca berlakunya sesuatu kelambatan meluluskan pinjaman itu.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG MAJLIS SUKAN NEGARA MALAYSIA (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Majlis Sukan Negara Malaysia, 1971; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Pengangkutan; dibacakan kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada persidangan akan datang dalam Mesyuarat kali ini.

USUL

KAJIAN SEPARUH PENGGAL RANCANGAN MALAYSIA KETIGA

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa Dewan ini menyedari kemajuan yang terus dicapai dalam usaha melaksanakan penggal pertama Rancangan Malaysia Ketiga; bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan melaksanakan Dasar Ekonomi Baru untuk mencapai tujuan utama iaitu perpaduan serta keamanan dan keselamatan negara; meluluskan dan menyetujui Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga yang dirangka untuk meliputi program-program dan langkah-langkah dasar, bertujuan mempergiatkan pertumbuhan ekonomi serta usaha-usaha membasmu kemiskinan dan menyusun semula masyarakat, seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 13 tahun 1979. Bahawa dalam meluluskan Kajian Semula ini, Dewan ini menyeru rakyat Malaysia dari segenap lapisan untuk berusaha dengan lebih gigih sesuai dengan hasrat Rukunegara dan bersatupadu untuk mewujudkan negara yang adil, progresif dan kukuh. (20hb Mac, 1979).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mulai daripada hari Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengemukakan usul ini pada hari Isnin, maka hari ini Rabu, Khamis, Jumaat dan hari Isnin minggu hadapan untuk Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian. Saya belum hendak menghadkan lagi waktu bercakap kerana saya

belum tahu berapa ramai yang hendak bercakap lagi tetapi saya suka menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat supaya bila mengeluarkan perbahasan itu hendaklah berdasarkan kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang dilafaskan pada hari Isnin 19hb Mac, 1979 dan juga kepada Buku Kajian Separuh Penggal ini. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat tidak akan menyeleweng keluar daripada perkara yang sedang di dalam perbahasan ini sebagaimana yang tersebut di dalam usul yang sedang dibahaskan. Sekarang saya kemukakan untuk perbahasan.

Yang Berhormat dari Tumpat.

3.40 ptg.

Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengalu-alukan usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga.

Setelah meneliti garisan-garisan kasar yang dibentangkan di dalam buku Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga dan setelah mendengar ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan usul ini, maka terbayanglah kepada kita bagaimana usaha-usaha pembangunan yang dijalankan oleh Kerajaan disamping kemajuan yang pesat telah tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, satu hakikat yang nyata ialah dalam kita menjalankan projek pembangunan negara tentulah ada banyak rintangan dan halangan yang akan kita tempuhi. Dalam pada itu kita juga mesti berhati-hati akan anasir-anasir jahat, pengacau-pengacau yang bergerak di dalam kesatuan-kesatuan sekerja untuk membuat berbagai ugutan dan hasutan, gerakan di bawah tanah yang bergerak secara haram, penjahat-penjahat yang tugasnya semata-mata hendak menggagalkan rancangan pembangunan Kerajaan. Terbukti kepada kita sekarang bahawa ada kunci-kunci yang menjadi talibarut kepada persatuan pertubuhan antarabangsa untuk memporak-perandakan ekonomi negara kita. Usaha-usaha mereka ini hendaklah diawasi dengan waspada supaya kegiatan mereka itu dapat dipatahkan dan dibenteraskan dengan seberapa segera supaya ia tidak menjadi ancaman kepada negara.

Keamanan dan keselamatan adalah kunci utama di dalam membangunkan sesebuah negara. Ini adalah satu hakikat yang nyata. Tuan Yang di-Pertua, pembangunan ekonomi negara kita adalah kukuh. Ini disebabkan oleh kestabilan politik yang berkekalan. Kita bersyukur ke hadrat Allah bahawa semenjak mencapai kemerdekaan hinggalah sekarang iaitu lebih 22 tahun, Kerajaan Barisan Nasional berjaya mengekalkan kedudukannya. Moga-moga pemerintahan kita akan berpanjangan lagi.

Dalam pada itu, Tuan Yang di-Pertua, kita janganlah hanya berbangga dengan kemajuan yang telah kita capai, malah usaha-usaha yang lebih bersungguh-sungguh hendaklah dilakukan dan dilaksanakan supaya matlamat pencapaian menyusun semula masyarakat akan mengeluarkan hasil yang berjaya kelak.

Tuan Yang di-Pertua, kita akui adanya pertumbuhan dan perkembangan ekonomi. Sebaliknya penyampaian yang didapati oleh penduduk-penduduk luar bandar adalah terlalu jauh ke belakang dan masih lembab lagi untuk mengejar arus perkembangan pembangunan negara. Oleh kerana terdapat kekurangan infrastruktur di luar bandar adalah tidak mungkin penduduk di luar bandar dapat mencapai nikmat hidup yang memuaskan dan selesa. Dalam pada itu usaha-usaha Kerajaan menumpukan perhatian dalam sektor pertanian moden sungguh menggembirakan kita.

Ini adalah satu usaha yang sangat baik dalam meninggikan pendapatan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai satu usaha ke arah mencapai taraf hidup yang minima kepada penduduk luar bandar, saya rasa dalam rancangan Kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Kementerian Pelajaran dalam memberi subsidi kepada nelayan dan pekebun-pekebun kecil, ada baik rasanya kalau dapat difikirkan secara mendalam bahawa anak-anak kita di luar bandar diberi bantuan umpamanya bantuan pakaian sekolah (uniform), kasut dan sebagainya dan ini pada pendapat saya dapat menolong keluarga mereka yang miskin dan mengikut statistik pukul rata pendapatan mereka tidak lebih daripada \$100 sebulan.

Bantuan yang serupa ini saya rasa kena pada tempatnya supaya anak-anak kita di luar bandar itu khususnya yang miskin dapat merasai bahawa bukan sahaja mereka pergi ke sekolah dengan pakaian yang kemas, bersih, malahan fikiran dan tenaganya pun dapat menumpukan pelajarannya dengan lebih tekun dan teratur.

Tuan Yang di-Pertua, kita berkehendakkan anak-anak kita berpakaian kemas lagi berdisiplin dan ianya boleh ditumpukan kepada semua mereka yang berada di bangku sekolah dan mereka inilah yang bakal menjadi pemimpin negara kelak.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai jalan-jalan di luar bandar khususnya jalan di Pantai Timur yang berkehendakkan peruntukan yang lebih untuk menyelenggarakannya kerana terdapat banyak jalan-jalan yang rosak dan lebih membahayakan kenderaan yang berulang-alik dari Pantai Timur ke Kuala Lumpur. Jalan-jalan ini serupalah dengan jalan dari utara dan selatan dan sebaliknya. Kalau ini dapat diberi perhatian yang lebih, kami penduduk-penduduk di Pantai Timur yang selalu mengalami keadaan ini akan berasa bangga dan mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih sekiranya peruntukan yang lebih dapat diberi oleh Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, keadaan cuaca di negara kita selalunya lebih panas daripada hujan. Sejak akhir-akhir ini selalu terdapat catuan air khususnya di Bandaraya Kuala Lumpur dan kawasan-kawasan yang berhampiran dengannya. Oleh kerana ini adalah satu perkara yang selalu kita alami, maka saya mengharapkan bahawa pegawai-pegawai penyelidikan kita hendaklah senantiasa membuat kajian secara mendalam supaya bekalan air kepada pengguna-pengguna senantiasa mencukupi.

Kita mempunyai banyak sumber air yang boleh didapati tetapi catuan air selalu berlaku. Di setengah-setengah negara, takungan air hujan senantiasa dibuat di tempat-tempat di mana difikirkan air hujan itu boleh disimpan di dalam kolam air yang dikhaskan. Air ini diproses semula dan digunakan. Begitu juga ada setengah-setengah negara air yang telah digunakan, diproses semula kemudian digunakan untuk kemudahan-kemudahan lain

seperti air untuk mencuci, menyiram bunga, jalan dan sebagainya. Dengan yang demikian keperluan air senantiasa dapat dijamin. Ia bukan sahaja dapat menjimatkan untuk pengeluaran keperluan harian malahan bekalan adalah senantiasa mencukupi. Proses yang semacam ini saya fikir tidak memakan perbelanjaan yang banyak kerana ini difikirkan lebih ekonomikal daripada membelanjakan berjuta-juta ringgit untuk mengadakan dan bagi kegunaan pengguna-pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, menyentuh bekalan letrik di luar bandar. Saya ingin menarik perhatian Kementerian Tenaga Telekom dan Pos khususnya Lembaga Letrik Negara mengenai bekalan letrik di kawasan Tumpat yang sangat-sangat berkehendakkan bekalan letrik. Terdapat juga di setengah-setengah kawasan luar bandar yang telah mendapat bekalan letrik. Saya mengharapkan bahawa penduduk-penduduk di kawasan Tumpat khususnya yang tinggal di pulau-pulau besar seperti Pulau Teluk Rejuna, Pulau Tongkang dan ada beberapa banyak lagi pulau-pulau yang berhampiran dengannya juga memerlukan bekalan letrik 12 jam. Saya fikir memadai buat sementara waktu bekalan letrik diberi kepada dua buah pulau yang besar itu. Kalau ini dapat dilaksanakan saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang sangat merunsingkan hati saya iaitu janji dan pengumuman yang dibuat oleh Menteri Kesihatan beberapa kali di dalam Dewan ini mengenai pembinaan Hospital Daerah Tumpat yang sepatutnya didirikan pada tahun 1977 lagi tetapi sehingga sekarang tidak lagi dilaksanakan. Peruntukan telahpun disediakan, tanah telahpun dibeli dan disediakan. Pendek kata semuanya telah selesai. Yang menjadi penghalang besar adalah pelan bangunan, sehingga sekarang belum siap lagi. Apakah ini satu perkara yang susah untuk diluluskan? Saya sendiri pun tidak mengerti. Kalau dikatakan pelan bangunan ini terlalu cantik dan besar umpamanya Hospital Besar Kota Bharu, mungkin ini ada lojiknya. Sebaliknya apa yang saya tahu pelan bangunan Hospital Daerah walau di mana sekalipun adalah serupa sahaja bentuknya. Saya sungguh dukacita di atas perkara

ini. Saya merayu dan mendesak Menteri Kesihatan, seorang yang berkelebar dapat memberi perhatian yang berat atas projek pembinaan Hospital Daerah Tumpat ini, dan ini adalah satu daripada janji yang dibuat di dalam masa-masa kempen pilihanraya sejak dari dulu lagi. Saya ingin tahu sampai bilakah pelan bangunan ini hendak disiapkan dan diluluskan?

Tuan Yang di-Pertua, kawasan Tumpat ialah kawasan yang berpantai dan muaranya terlalu cetek yang menjadikan kesusahan kepada para nelayan kita untuk masuk ke kuala dengan perahunya. Saya juga telah membangkitkan perkara ini semasa Parlimen Yang Keempat dulu dan Kerajaan telah berjanji hendak membeli satu dredger yang berharga lebih kurang \$6 juta untuk mendalamkan kuala. Mungkin jadual dredger-dredger tersebut akan dihantar pada tahun 1978 tetapi sehingga sekarang tidak ada khabar berita sama ada dredger itu akan dihantar ataupun tidak. Saya mengharapkan bahawa dredger akan dapat dibeli dengan kadar yang agak segera.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh sedikit mengenai pelajaran. Kementerian Pelajaran pada biasanya mendapat peruntukan yang paling besar sekali daripada Kementerian-kementerian yang lain. Ia telah dapat mengadakan bangunan-bangunan sekolah baru. Satu kemajuan yang sangat pesat dan mesti diberi pujian. Dalam pada itu kalau kita tinjau dan teliti keadaan sekolah, satu hakikat yang nyata iaitu kekurangan disiplin, murid-murid ramai yang tidak berdisiplin, di pusat-pusat pengajian tinggi, pelajar-pelajar berambut panjang, menghadiri kuliah tidak memakai pakaian yang kemas, ada yang datang dengan menggunakan selipar sahaja. Waktu makan begitu juga. Pendeknya, disiplin terhadap pelajar-pelajar kita telah begitu merosot. Saya ingin mengesyorkan kepada Kementerian Pelajaran supaya disiplin dikenakan bukan sahaja kepada murid-murid sekolah rendah dan menengah tetapi juga di pusat-pusat pengajian tinggi. Kita berkehendakkan pelajar-pelajar kita berdisiplin, berbudi bahasa kerana mereka inilah yang kita harap bakal menjadi pemimpin negara kelak. Kalau dari bangku sekolah lagi mereka sudah tidak berdisiplin bagaimanakah pula apabila mereka sudah dewasa dan menjadi pemimpin kelak? Saya mengharapkan agar

Kementerian Pelajaran khususnya Menteri Pelajaran yang kita semua tahu sangat-sangat mengambil berat tentang pelajaran anak-anak akan memikirkan perkara ini secara yang lebih serius agar perkara disiplin dapat dititikberatkan di semua peringkat persekolahan. Untuk mengatasi perkara ini semua guru-guru besar baik apa nama pangkatnya sekalipun hendaklah diberi kursus sepenuhnya menjalankan tindakan disiplin ini.

Tuan Yang di-Pertua, di Kelantan sekarang ini terkenal dengan tanaman daun tembakau. Satu hasil pendapatan yang sangat menggalakkan kepada petani-petani kita. Oleh kerana banyak tanaman daun tembakau di Kelantan maka pusat penyelidikan tembakau telah ditubuhkan di sana malahan Lembaga Tembakau Negara juga ditempatkan di Kelantan. Ianya duduk di bawah MARDI. Apa yang mendukacitakan saya iaitu pusat penyelidikan daun tembakau ini telah dipindahkan ke negeri Trengganu sedangkan daun tembakau yang banyak ditanam ialah di negeri Kelantan. Saya berasa hairan mengapakah pusat penyelidikan tersebut dipindah ke negeri Trengganu. Saya mengharapkan satu penjelasan daripada pihak Kementerian yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, satu daripada sumber hasil negara ialah perancangan. Perancangan bukan sahaja terdapat daripada luar negeri malah dari dalam negeri sendiri. Ada berbagai cara yang boleh menarik perhatian pelancung-pelancung. Terdapat beberapa buah negeri di dunia ini yang tidak ada hasil buminya tetapi negaranya kaya-raya dengan hasil perancangan. Monaco termasyhur dengan casino, satu tempat perjudian orang-orang kaya berpoya-poya menghabiskan masa dan wangnya. Monaco ialah sebuah negeri yang kecil di pinggir negeri Perancis. Namun kekayaan hasil perancangannya mengatasi negara-negara yang sedang membangun. Malaysia mempunyai sumber-sumber kekayaan aslinya yang tersendiri, di tempat-tempat yang menarik hendaklah dicari oleh Perbadanan Perancangan Malaysia (TDC).

Di Kelantan ada banyak tempat yang menarik dan bersejarah yang boleh memikat hati pelancung-pelancung datang ke sana,

negeri yang terkenal dengan Cik Siti Wan Kembang. Di Thailand umpamanya tidak ada yang istimewa yang dapat dibanggakan tetapi ia dapat mempengaruhi dan menawan hati pelancung-pelancung ke negaranya, kononnya syurga dunia. Kesan-kesan yang semacam ini saya rasa perlu ditinjau oleh TDC sekiranya kita hendak meningkatkan hasil pendapatan negara dan tidak semata-mata kita hanya bergantung hasil eksport getah, bijih timah, kelapa sawit dan balak.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat inilah sahaja dan saya menyokong sepenuhnya usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

3.56 ptg.

Tuan Muhiyuddin bin Mohamed Yassin (Pagoh): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk bersama dengan rakan saya Ahli-ahli Yang Berhormat untuk menyokong usul yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dua hari yang lalu, khasnya berkenaan dengan Laporan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Di dalam perkara ini, saya inginlah memberi pandangan-pandangan dan komen berhubung dengan rancangan yang telah dan sedang dijalankan dan juga cadangan-cadangan yang ingin saya kemukakan bagi mengatasi beberapa perkara yang saya fikir perlu diperbaiki.

Sebelum daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan Kerajaan yang telah dapat menjalankan segala usaha dan tindakan mereka bagi menentukan segala rancangan-rancangan yang telahpun ditetapkan khasnya di bawah Rancangan Malaysia Ketiga mencapai pada matlamat-matlamat yang diharapkan walaupun di samping itu ada beberapa bidang dan bahagian yang tertentu yang perlu diperbaiki.

Saya ingin menyentuh beberapa perkara, Tuan Yang di-Pertua, khasnya berhubung dengan ciri-ciri penting yang saya percaya patutlah diambil perhatian dan diperbaiki seberapa yang boleh. Di dalam Rancangan Malaysia Ketiga khasnya di dalam Kajian Separuh Penggal ini, adalah didapati bahawa di dalam konteks penyusunan semula

masyarakat Malaysia khasnya berhubung dengan pendapatan bulanan purata sebagaimana yang telahpun ditunjukkan di dalam jadual yang tertentu di dalam Kajian Separuh Penggal ini didapati bahawa bagi tahun 1976 dan ke hadapan bahawa pendapatan purata di kalangan bumiputra adalah masih di bawah paras kemiskinan (poverty line) iaitu sebanyak \$100 lebih kurang sebulan sahaja. Sedangkan mengikut perkiraan pakar ekonomi yang ada pada hari ini bahawa seseorang itu hendaklah mempunyai pendapatan bulanan tidak kurang daripada \$230 bagi menentukan mereka mempunyai cukup pendapatan bagi mengatasi masalah-masalah asasi di dalam hidup mereka sehari-hari dalam sebulan.

Perkara kedua yang didapati di dalam Kajian Separuh Penggal Kedua ini khasnya berhubung dengan penyertaan bumiputra di dalam hak milik syarikat, kalau saya diizinkan, inginlah saya petik satu daripada perkara yang telahpun disebutkan di sini di mana dinyatakan:

“Kemajuan orang-orang Melayu dan Bumiputra perseorangan yang lain dalam menambah milik saham mereka adalah lembab dibandingkan dengan perkembangan pesat sektor syarikat keseluruhannya.”

Saya percaya, Tuan Yang di-Pertua, faktor dan perkara ini adalah amat penting khasnya dari segi matlamat Kerajaan bagi mencapai hasrat dan cita-cita Dasar Ekonomi Baru.

Mengikut perkiraan yang ada di dalam Kajian Separuh Penggal Kedua ini bahawa orang-orang Melayu dan bumiputra lain termasuk agensi-agensi amanah meningkatkan milik saham mereka dari \$279.6 juta ataupun 4.3% kepada \$2,156.2 juta atau 10.3% dari jumlah semua equity dalam tempoh yang sama. Walaupun saya rasakan perkembangan ini adalah amat menggalakkan tetapi kalau dikira dari segi matlamat yang kita harapkan dicapai dalam tahun 1990 maka mengikut perincian pencapaian ini tidak lebih daripada 6% dalam jangka masa 8 tahun ataupun daripada 3¼% mengikut kadar perkembangannya tiap-tiap tahun. Dan kalau dikira perkembangan ini begitu samarata maka pada tahun 1990 kita hanya dapat mencapai tidak lebih daripada 15%

walaupun target asal kita tidak kurang daripada 30%. Jelaslah daripada kajian ini menunjukkan bahawa penyertaan bumiputra di dalam segi hak milik syarikat sama ada secara perseorangan ataupun dari segi agensi-agensi Kerajaan yang telahpun dipertanggungjawabkan bagi menentukan, meningkatkan penyertaan bumiputra dalam segi ini masih berkurangan dan masih lagi perlu ditingkatkan usaha-usaha yang lebih lagi melihatkan bahawa hak milik bumiputra perseorangan, syarikat-syarikat bumiputra dan juga agensi-agensi Kerajaan yang dipertanggungjawabkan di dalam bidang ini dipertingkatkan dan dilipatgandakan lagi.

Saya ingin memberikan pandangan, Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan soal hak milik syarikat khasnya berhubung dengan equity bumiputra di dalam syarikat-syarikat tertentu dan juga di dalam agensi-agensi Kerajaan yang ada sekarang ini.

Saya menyokong di atas cadangan yang dibuat oleh Kerajaan khususnya tentang penubuhan Yayasan Pelaburan Bumiputra bagi meningkatkan penyertaan bumiputra dari segi equity. Tetapi saya percaya usaha-usaha yang lain yang lebih menyeluruh dan lebih tingkat lagi hendaklah dilakukan oleh agensi-agensi Kerajaan yang lain selain daripada Yayasan ini terutama Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, MARA, UDA dan lain-lain agensi, institusi kewangan bumiputra dan bank-bank perdagangan supaya hak milik dan equity bumiputra di dalam segi ini akan dapat dipertingkatkan lagi.

Saya ingin memberikan pandangan khasnya dari segi Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri yang mana lebih melibatkan soal pembangunan bumiputra di peringkat negeri-negeri. Maka adalah dicadangkan supaya setiap Perbadanan Ekonomi Negeri hendaklah menubuhkan Tabung Pelaburan Bumiputra sendiri sebab melalui Tabung Pelaburan ini adalah dijangkakan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri akan pertamanya dapat mengusahakan bagi menentukan bahawa syarikat-syarikat bumiputra yang ada ataupun anak-anak syarikat yang ada ditubuhkan oleh mereka ini akan disalurkan atau diserahkan kepada bumiputra pada satu ketika nanti. Dan kedua supaya bumiputra perseorangan dan juga syarikat-syarikat bumiputra akan

mendapat tempat dan juga peluang bagi menguasai dan mempunyai hak milik yang lebih besar di dalam syarikat-syarikat awam yang ada pada hari ini.

Berhubung dengan Yayasan Pelaburan Bumiputra, Tuan Yang di-Pertua, oleh sebab Yayasan ini baru sahaja ditubuhkan saya percaya perhatian yang berat haruslah diberikan oleh seluruh lapisan masyarakat bumiputra untuk memberikan sambutan yang sebaik-baiknya dan bersama-sama menyertai dan membeli saham di bawah Yayasan tersebut. Tetapi sebelum itu saya percaya perlulah usaha-usaha yang lebih awal dijalankan oleh Yayasan ini bagi menarik lebih ramai minat di kalangan bumiputra memberikan penerangan-penerangan yang sedalam-dalamnya dan seluas-luasnya tentang konsep pelaburan di kalangan bumiputra dan di samping itu mengadakan galakan-galakan terutama bagi menentukan pendapatan atau dividend yang dikeluarkan oleh Yayasan ini dan soal-soal insentif lain kecuali di atas faedah (interest) pinjaman yang akan dikeluarkan oleh Yayasan ini dan lain-lain galakan yang patut difikirkan. Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang penting yang juga disebutkan di dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Yang Ketiga ini ialah soal matlamat yang dikehendaki di dalam soal mengadakan pembangunan perumahan negara masih lagi jauh daripada target yang diharapkan. Mengikut kajian ini hanya 68% daripada target rancangan perumahan yang sebahagian besarnya merupakan rancangan perumahan murah ataupun kos rendah dicapai di dalam masa sehingga tahun 1978.

Saya percaya perkara rancangan perumahan khususnya kos rendah ini adalah merupakan satu perkara yang amat penting dan dititikberatkan oleh Kerajaan ini bagi menentukan sekurang-kurangnya setiap orang warganegara yang berkeluarga mempunyai atau memiliki sebuah rumah untuk mereka berteduh. Di dalam hal ini saya percaya tindakan haruslah diambil oleh Kerajaan pertamanya bagi meningkatkan dan melibatkan lebih banyak lagi syarikat-syarikat dan pemaju-pemaju perumahan melibatkan diri mereka dalam soal membangunkan kawasan-kawasan tanah sama ada dalam bandar ataupun luar bandar dengan berdiri dan membina rumah-rumah kos rendah.

Satu perkara yang dihadapi oleh pemaju-pemaju perumahan pada hari ini ialah tentang masalah terlalu tinggi harga tanah yang patut dibeli bagi pembangunan untuk rumah-rumah ataupun bangunan-bangunan kos rendah. Perkara ini perlulah dititikberatkan bukan sahaja oleh Kerajaan Persekutuan bahkan saya juga fikir Kerajaan Negeri untuk menentukan supaya diadakan lebih banyak lagi kawasan-kawasan tanah yang boleh diserahkan ataupun dikelolakan kepada syarikat-syarikat terutama syarikat pemaju perumahan bumiputra supaya mereka dapat mendirikan rumah-rumah mengikut kadar yang termampu oleh bumiputra ataupun mereka yang berpendapatan rendah.

(Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

Saya mengucapkan syabas kepada Universiti Teknologi Malaysia yang baru-baru ini mengumumkan bahawa mereka telah dapat membuat satu rangka rumah yang bernilai tidak lebih daripada \$4,000. Usaha ini haruslah diperluaskan dan saya percaya pihak Kerajaan harus menyambut baik atas usaha yang dilakukan oleh Universiti Teknologi Malaysia. Dan saya percaya juga bahawa rancangan ini akan mendapat sambutan yang sebaik-baiknya di kalangan pemaju-pemaju perumahan.

Di dalam hal perumahan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menekankan tentang peranan yang diberikan kepada badan-badan tertentu dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri untuk mengadakan rumah-rumah yang lebih banyak untuk mereka yang berpendapatan rendah. Mengikut peruntukan yang ada sekarang ini Kerajaan-kerajaan Negeri diberikan geran ataupun bantuan daripada Kerajaan Pusat sebagai Tabung Pusingan (Revolving Fund) atas kadar tidak melebihi \$5 juta setahun dan juga di bawah Sekim MBSB tidak lebih daripada \$10 juta setahun sebagai geran bagi mereka mengadakan rancangan-rancangan bantuan pinjaman dan sebagainya bagi membina rumah-rumah kos rendah. Sebagaimana yang saya terangkan tadi bahawa matlamat kita untuk mencapai lebih banyak lagi jumlah rumah dibina masih jauh daripada targetnya maka jumlah Revolving Fund ataupun geran yang diperuntukkan kepada Kerajaan-kerajaan Negeri dan juga institusi-institusi perumahan Kerajaan yang

ada perlulah ditambah dan dilipatgandakan dan saya ingin mencadangkan supaya Revolving Fund kepada Kerajaan-kerajaan Negeri ditambah sebanyak 100% menjadi \$10 juta setahun.

Tuan Yang di-Pertua, satu kenyataan juga yang dibuat hasil daripada Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga ini ialah tentang kurangnya penyertaan pihak swasta kalau dibandingkan dengan pihak awam di dalam soal pembangunan ekonomi negara. Pelaburan swasta sebenar, kecuali dalam bidang petroliam ialah sebanyak 7.1% sahaja dibandingkan dengan 9.9% yang ditargetkan di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Saya percaya mungkin ada masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak swasta bagi menggiatkan diri mereka dalam bidang pembangunan ekonomi negara walaupun iklim pelaburan yang lebih baik telahpun disediakan dan juga pindaan-pindaan tertentu di atas Akta Penyelarasan Perindustrian dan juga Akta Kemajuan Petroliam telahpun dibuat. Saya yakin bahawa pihak swasta perlulah meningkatkan lagi usaha mereka bagi menentukan matlamat Dasar Ekonomi Baru dan juga matlamat pembangunan negara pada keseluruhannya dicapai dengan secepat yang mungkin.

Satu perkara yang penting yang ingin saya sebutkan di sini dan pandangan yang akan saya berikan ialah tentang kesan demonstrasi (demonstration effect) yang didapati daripada hasil kajian yang menyeluruh yang sudah dibuat oleh Kerajaan berhubung dengan usaha mencari gali minyak ataupun petroliam di Pantai Timur, khasnya di kawasan Trengganu dan Pahang. Kesannya adalah amat baik dan apa laporan yang kita ketahui dan juga apa yang dilaporkan di dalam Kajian Semula Rancangan Malaysia Ketiga ini menunjukkan bahawa dengan usaha mencari gali minyak ini, khasnya di kawasan Pantai Timur telah memberikan satu semangat yang baru dan juga sumber yang lebih bukan sahaja kepada Kerajaan Pusat bahkan kepada Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk melipatgandakan usaha mereka dalam bidang-bidang pembangunan ekonomi. Tetapi saya yakin usaha-usaha ini akan juga dipergiat dan dipertingkatkan lagi bukan sahaja di kawasan Pantai Timur negeri Trengganu dan Pahang bahkan juga saya percaya di kawasan Selatan iaitu di kawasan pantai-pantai di

Johor sama ada di Selat Tebrau ataupun di kawasan Pantai Timur negeri Johor. Usaha ini saya percaya sekiranya dijalankan akan mendapat sambutan yang baik daripada Kerajaan Negeri oleh sebab hasil-hasil yang telah ditunjukkan daripada usaha yang dijalankan oleh Kerajaan di kawasan pantai Trengganu dan Pahang.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam laporan Kajian Semula Penggal Yang Kedua ini juga menunjukkan bahawa sektor pembuatan (manufacturing) menunjukkan perkembangan yang amat menggalakkan, iaitu satu sektor yang berkembang begitu pesat sekali sekiranya dibandingkan dengan sektor-sektor yang lain di dalam perkembangan ekonomi negara kita. Walaupun begitu, daripada jadual yang dibentangkan di dalam kajian ini menunjukkan bahawa perkembangan di dalam sektor pertanian (agriculture) adalah kurang daripada apa yang kita harapkan. Kita merasa musykil, sebab sebahagian besar daripada peruntukan pembangunan tiap-tiap tahun adalah diperuntukkan untuk sektor pertanian walaupun satu daripada perkara yang menyebabkan kemerosotan dalam segi pengeluaran hasil pertanian adalah disebabkan soal kemarau tetapi saya percaya usaha-usaha yang lain perlulah dijalankan bagi menentukan matlamat pengeluaran, khasnya hasil-hasil pertanian akan dapat dilipatgandakan.

Satu perkara yang saya ingin juga sentuh di sini, ialah soal Dasar Pertanian Negara yang mana di dalam sidang Parlimen yang lalu telahpun disebutkan bahawa perkara ini akan dibentangkan dalam sidang ini untuk dibincangkan ataupun sebagai perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya yakin Dasar Pertanian Negara ini hendaklah digubal dan diadakan dengan seberapa segera yang boleh, oleh sebab mengikut apa yang saya faham dasar pertanian yang ada sekarang ini lebih merupakan dasar yang *ad hoc*, dasar yang dibuat mengikut keadaan yang timbul pada satu-satu ketika, mengikut keadaan-keadaan yang tertentu yang wujud pada satu-satu masa. Oleh sebab sektor pertanian masih merupakan sektor yang terpenting dari segi pengeluaran dan pendapatan negara maka Dasar Pertanian Negara hendaklah digubal dengan seberapa segera dan juga soal berkenaan dengan pembangunan tanah hendaklah juga dititikberatkan.

Satu perkara yang penting khasnya berhubung dengan pembangunan tanah walaupun saya rasa sukar sedikit untuk menyebut di sini ialah soal apa yang diheboh-hebohkan hari ini berhubung dengan soal penjualan tanah hakmilik orang-orang Melayu kepada bukan Melayu ataupun bangsa-bangsa asing. Perkara ini saya percaya haruslah diambil perhatian sebab pada jangka panjangnya sekiranya ini berleluasa dan tidak ada kawalan tertentu diberikan bagi menentukan soal ini tidak akan berterusan, maka saya khuatir bahawa matlamat kita bagi mengadakan seberapa banyak kemudahan-kemudahan di sektor pertanian akan tidak dapat dilaksanakan. Oleh yang demikian, saya ingin mencadangkan walaupun ini mungkin bukan di dalam bidang kita tetapi khasnya berhubung dengan Kanun Tanah Negara supaya soal hakmilik tanah-tanah Melayu ini hendaklah diperhalusi lagi kawalan-kawalan yang lebih ketat, sama ada dari segi perundangan dan peraturannya hendaklah diadakan dan juga clause satu peruntukan khas ataupun satu clause yang nyata hendaklah diadakan yang menentukan bahawa tidak ada tanah-tanah hakmilik bumiputra, khasnya orang-orang Melayu yang boleh digadai, dijual, dipajak sewa dan lain-lainnya kecuali dengan kebenaran Penguasa Negeri. Saya percaya dan yakin sekiranya peruntukan ini diadakan selain daripada peruntukan-peruntukan yang sedia ada di dalam Kanun Tanah Negara, maka berkeungkinan besar soal yang ditimbulkan sekarang ini dapat kita atasi dengan seberapa baik yang boleh.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh berhubung dengan Laporan Kajian Semula Penggal ini yang menunjukkan satu daripada faktor bahawa pencapaian usaha kita dari segi mengurangkan kemiskinan di kawasan luar bandar masih belum dapat dicapai dengan sepenuhnya ialah dengan sebab penghijrahan penduduk-penduduk luar bandar ke bandar dan juga ke beberapa bandar yang baru untuk mendapat pekerjaan dan akibat daripada ini terdapat kekurangan pekerja-pekerja di sektor pertanian di luar bandar dan juga masalah-masalah sosial dan ekonomi yang timbul di dalam kawasan-kawasan bandar dan juga bandar-bandar yang baru.

Di dalam konteks ini saya ingin mencadangkan supaya peranan Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) akan dapat diperluaskan ke kawasan-kawasan bukan sahaja ke kawasan-kawasan bandar bahkan ke kawasan-kawasan luar bandar, khasnya UDA hendaklah mengkaji semula programme dan dasar yang dijalankan sekarang ini bagi membangunkan dan juga menambah hakmilik bumiputra di kawasan-kawasan bandar dan menumpukan juga bidang-bidang yang saya sebutkan tadi khasnya mengadakan peluang-peluang yang lebih di kawasan-kawasan luar bandar, membangunkan tanah-tanah dan juga rumah-rumah dan hakmilik bumiputra di kawasan-kawasan luar bandar dan juga galakan-galakan yang lain supaya penghijrahan yang saya sebutkan tadi akan dapat kita kurangkan. Oleh yang demikian, pengkajian yang menyeluruh dan juga rancangan yang lebih integrated hendaklah dijalankan oleh UDA di kawasan-kawasan ini dan juga UDA hendaklah menubuhkan pusat-pusat pembangunan wilayah ataupun pejabat-pejabatnya di peringkat wilayah dan tidak hanya tertumpu di Kuala Lumpur bagi menempatkan maklumat dan juga membuat kajian-kajian mengikut kawasan-kawasan dan juga mengaturkan rancangan-rancangan supaya apa yang disebutkan tadi dapat dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya inilah sahaja pandangan-pandangan yang dapat saya berikan dan pada akhirnya saya menyokong di atas usul yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

4.22 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, dalam membahaskan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini saya mengucapkan berbilang terima kasih kepada Kerajaan yang telah berjaya mencapai matlamatnya, bahkan lebih daripada sepatutnya dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini. Dengan ini kadar kemiskinan di Malaysia sebagaimana sedia maklum telahpun menurun daripada 44% pada tahun 1975 menjadi 37% pada

tahun 1978. Ini adalah satu petanda yang baik bagi kejayaan Kerajaan dalam Rancangan Malaysia pada masa akan datang.

Dalam sektor pertanian sebagaimana juga telah dinyatakan telahpun turun kadar kemiskinan dari 63% kepada kira-kira 54.6%. Ini dengan sendirinya membuktikan usaha Kerajaan untuk membantu golongan yang miskin telah mencapai kejayaan terutama kemiskinan di luar bandar. Rasanya hasrat Kerajaan dan matlamat untuk menghapuskan kemiskinan kejayaan terbayang apabila sampai kepada saat yang ditentukan sebagai garis penentuannya menjelang pada tahun 1990 nanti.

Kita tahu banyak golongan mempersoalkan, terutama Pembangkang yang meragukan kejayaan matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ini. Bagi pihak Kerajaan rasanya tidak perlu ragu-ragu dan perlu bimbang dengan pihak yang tidak bertanggungjawab itu kerana target (target date) yang diberikan oleh Kerajaan itu sebagai pengukuran sejauh manakah kejayaan yang akan dicapai oleh Kerajaan nanti.

Menyentuh kemiskinan di luar bandar tentang kesedaran Kerajaan yang nelayan-nelayan di Pantai Timur Semenanjung Malaysia adalah lebih miskin daripada nelayan-nelayan di Pantai Barat. Ini adalah benar dan betul sekali. Jadi, kadar kemiskinan keseluruhan di kalangan nelayan telah turun dari 63% pada tahun 1975 kepada 55.1% pada tahun 1978. Pada anggapan saya bagi nelayan di Kelantan terutamanya adalah tidak boleh diterima dengan kadar penurunan ini kerana kemiskinannya masih lagi di tahap yang lama, bahkan mungkin lebih tinggi lagi daripada apa yang disebutkan dalam tahun 1978 ataupun dalam tahun 1975, iaitu lebih lagi daripada 63%. Ini disebabkan kelima-lima muka kuala di Kelantan telah ditutup dan juga airnya cetek. Misalnya, Kuala di Benting, Kuala Besar, kuala di Tumpat, kuala Bachok dan juga kuala di Semerak iaitu di Pasir Puteh juga airnya cetek dan tidak dapat digunakan oleh nelayan bagi berlabuh untuk mendaratkan ikan-ikan di jeti-jeti yang disediakan. Ini terutama sekali di Tumpat dan di Semerak, iaitu Pasir Puteh. Sekiranya usaha tidak dijalankan bermakna 5,000 nelayan di Kelantan berada di dalam keadaan gelisah, jadi pelaksanaan program-program

dan projek-projek yang lain melalui MAJUIKAN dan juga Jabatan Perikanan tidak akan dapat dijalankan sekiranya muka kuala tertutup. Hingga sekarang berjuta-juta ringgit peruntukan projek yang harus dijalankan atau yang mesti dijalankan oleh MAJUIKAN dan Jabatan Perikanan tidak dapat dijalankan sebagaimana sepatutnya di Kelantan. Kesimpulannya, walau berapa banyak peruntukan MAJUIKAN atau Jabatan Perikanan diberi jika sekiranya nelayan tidak dapat ke laut peruntukan itu tidak akan dapat meninggikan pendapatan para nelayan, amnya untuk membasmi kemiskinan di kalangan nelayan. Oleh itu, perkara ini pihak Kerajaan, khasnya pihak Kementerian Pertanian harus menitikberatkan soal muka kuala yang tertutup dan juga air yang cetek.

Sebagaimana ucapan yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru kita mestilah ingat bahawa kejayaan bergantung kepada kerjasama dan penyertaan serta penglibatan sepenuhnya oleh rakyat. Ini bukan sahaja kerjasama di antara rakyat dengan Kerajaan, tetapi juga antara rakyat sesama rakyat. Biarlah terang-terang saya nyatakan di sini bahawa kaum Cina telah menguasai sepenuhnya dalam lapangan perniagaan, perdagangan dan perusahaan. Sekiranya kerjasama daripada rakyat keturunan Cina tidak didapati, hasrat Kerajaan tidak akan tercapai dalam lapangan tersebut. Walaupun Kerajaan ada mempunyai jalan-jalan lain, tetapi kerjasama yang tulus ikhlas dan jujur sahajalah akan dapat melahirkan negara yang aman dan damai serta tercapainya Dasar Ekonomi Baru serta golongan masyarakat China dan India tidak akan terpengaruh dengan dakyah-dakyah kotor dan juga maksud-maksud buruk oleh pemimpin yang tidak bertanggungjawab terhadap negara ini bagi menghalang pencapaian Dasar Ekonomi Baru.

Misalnya, di dalam membekalkan barang-barang binaan kepada pemborong-pemborong bumiputra di Kelantan, sudahlah besi yang sepatutnya \$600 setan, tetapi telah dijual dengan cara sulit dengan harga \$800 setan. Itupun susah hendak didapati oleh para pemborong bumiputra. Begitu juga pemberian kredit yang tidak dilakukan sebagaimana biasa diberi selama 60 hari ataupun 30 hari

kepada pemborong bumiputra tetapi mereka berkehendakkan cash ataupun tunai bagi bayaran membeli barang-barang tersebut. Oleh itu, saya berharap pihak Kerajaan terutamanya pihak Kementerian Perdagangan dan Perindustrian menentukan bahawa simen, besi dan kayu-kayu untuk pembinaan yang akan menjayakan pembangunan di negeri Kelantan hendaklah diadakan kuota-kuota ataupun diadakan peruntukan yang lebih bagi menjayakan pembangunan di negeri Kelantan yang sebagaimana kita maklum bahawa negeri Kelantan adalah tertinggal dalam soal pembangunan. Begitu juga di dalam menjadi ejen-ejen ataupun wakil-wakil pengedar telah dimonopoli oleh satu kaum sahaja. Jika sekiranya satu atau dua wakil ataupun ejen daripada bumiputra, mereka tidak akan dibekalkan dengan bahan-bahan atau jenis bekalan secukupnya. Ini berlaku kepada wakil pengedar rokok bumiputra yang ada di Kelantan. Ini adalah satu atau dua perkara sebagai contoh yang boleh menggagalkan dan menakutkan golongan bumiputra kaum bumiputra untuk menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perusahaan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam lapangan pelajaran golongan DAP pula saya anggapkan mereka itu tidak pernah mengenang budi dan tidak berterima kasih dan juga golongan yang diberi betis hendakkan peha. Mereka masih lagi bertanya dan mengungkit-ungkitkan kuota kemasukan pelajar ke universiti tempatan tetapi golongan ini tidak pernah melihat kenyataan yang ada dan hasrat Kerajaan di dalam matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Pada akhir tahun 1978 yang lalu bilangan pelajar.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh, sila duduk sekejap.

Tuan Chan Teck Chan: Tadi Yang Berhormat dari Pasir Puteh ada menuduh bahawa DAP tidak mengenang jasa mengenai kuota pelajaran itu. Sebenarnya apa yang DAP.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak beri jajan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, bukan saya hendak bagi

peluang dia bercakap, saya cuma hendak dengar dahulu apa yang dia hendak cakap dalam Majlis ini.

Tuan Chan Teck Chan: Sebenarnya apa yang DAP timbulkan dalam Dewan ini ialah cuba mahu menarik perhatian Kerajaan bahawa apa yang kita utarakan ini adalah berasaskan kepada semangat perlembagaan dan juga berasaskan kepada objektif Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, apa pointnya yang hendak diberitahu?

Tuan Chan Teck Chan: Point mengenai kuota pelajaran. Apa yang DAP utarakan ini adalah semata-mata berasaskan kepada perlembagaan dan matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya. Kalau Ahli Yang Berhormat ada mengkaji Dasar Ekonomi Baru yang sebenar, di sini saya mencabar adakah beliau mengetahui apakah matlamat Dasar Ekonomi Baru dan apakah janji yang diberi oleh Kerajaan ketika Dasar Ekonomi Baru itu dilaksanakan? Itu penjelasan saya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Baik.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca banyak daripada wakil yang tersebut membacanya.

Tuan Yang di-Pertua, akhir tahun 1978 ini, bilangan pelajar di peringkat pelajaran tinggi mengikut kaum di dalam Jadual 3-3 44.8% adalah Melayu dan bukan Melayu ialah 55.2% termasuk kaum Cina sebanyak 44.9%. Ini melebihi daripada kaum Melayu. Apakah angka yang saya sebutkan tadi menggambarkan penduduk yang ada di dalam negeri ini? Ini adalah persoalan yang mesti kita jawab, kerana dalam negeri ini penduduknya 53.4% adalah dari kaum Melayu iaitu bumiputra dan 35% daripadanya ialah kaum Cina, 10.5% India dan .8% ialah lain-lain. Kerajaan nampaknya telah mengurangkan kemasukan pelajar Melayu ke peringkat pengajian tinggi baik di luar mahu pun di dalam negeri. Tahun 1975, pelajar Melayu ialah 73.3% dalam pengajian tinggi, pelajar Cina hanya 24.5% iaitu kurang tetapi pada tahun 1978 ini Melayunya telah kurang menjadi hanya 44.8% sahaja dan Cina menjadi

44.9%. Inilah yang tidak adil di dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru. Demikian juga kaum India yang dahulu hanya 3.4% pada tahun 1975 sekarang telah menjadi 9.1% di dalam peluang mendapatkan pelajaran tinggi di dalam dan juga di luar negeri. Apakah Kerajaan mesti bertolak ansur lagi di dalam kuota mendapatkan peluang pelajaran tinggi ini? Saya berharap Kerajaan tidak akan tunduk terutama golongan pemimpin politik DAP yang bernafsu besar tetapi mempunyai tenaga yang kurang

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu peluang mesti diperbanyakkan lagi untuk memberikan peluang pelajaran tinggi ini kepada golongan Melayu dan juga bumiputra. Barulah kita rakyat bumiputra khususnya akan dapat menikmati juga mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sepenuhnya, kerana kita tidak mahu melihat peratus kemiskinan walaupun telah dapat dikurangkan tetapi kadar kemiskinan keluarga Melayu dan juga bumiputra adalah tinggi. Begitu juga pendapatan kaum bumiputra adalah purata 50% kurang ataupun rendah daripada apa yang dinikmati oleh kaum lain di dalam negeranya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, bagi meneruskan perbincangan saya di dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini, kita sendiri telah nampak bahawa perkembangan ekonomi Malaysia berkembang dengan kadar 8.7% setahun yang melebihi matlamat Rancangan Malaysia Ketiga hanya dengan diharapkan sebanyak 8.4% sahaja. Dengan kejayaan ini, Dewan yang mulia ini patut berterima kasih kepada Kerajaan yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamatnya tetapi ada segolongan manusia yang tidak mahu berterima kasih dan memandang seperti segala apa yang dicapai oleh Kerajaan kita, golongan ini adalah golongan Pembangkang DAP yang melempar batu, sembunyi tangan. Mereka menggunakan Dewan ini untuk melepaskan perasaan jahatnya terutama wakil dari Petaling yang suka bercakap menegur Kerajaan dengan kenyataan yang tidak benar dan tidak berasas serta tidak bertanggungjawab. Tuduhan yang jahat dan tidak berasas yang dilemparkan oleh wakil dari Petaling dalam membahaskan national issue kelmarin telah membuktikan parti DAP tidak begitu bertanggungjawab terhadap negara, terhadap krisis dan pertikaian MAS-AEU.

Tuan(Timbangan) Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, maaf, duduk dahulu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Sebenarnya saya tidak beri jalan.

Tuan Chan Teck Chan: Ahli Yang Berhormat adalah membuat satu tuduhan, katanya DAP adalah membawa perasaan yang jahat dan membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab. Di sini DAP mahu meminta Yang Berhormat dari Pasir Puteh memberitahu Dewan ini manakah satu kenyataan dan apakah yang dimaksudkan perasaan jahat. Sila berikan bukti kepada Dewan ini, kalau tidak, saya meminta Speaker supaya memberi satu arahan meminta Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh menarik balik kenyataannya itu.

Tuan(Timbangan) Yang di-Pertua: Teruskan!

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya akan tetap dengan apa yang saya katakan dan saya tidak akan menarik balik.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya sebut tidak bertanggungjawab ialah kerana DAP telah tidak begitu bertanggungjawab terhadap negara semasa krisis ataupun pertikaian MAS-AEU serta campurtangan ITF yang hendak menggagalkan rancangan Dasar Ekonomi Baru kita khususnya untuk menghancurkan negara. Ini telah tidak didengarnya, telah tidak diikuti perbincangannya sebagaimana yang hendak dijawab oleh Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri. Mereka itu hanya melepaskan perasaan setelah mengeluarkan kata-kata di dalam Dewan ini, mereka itu keluar Dewan, tidakpun mahu mendengar apa jawapan yang akan disuarakan oleh Kerajaan.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, saya fikir kenyataan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh itu mengelirukan, apa yang telah kita sampaikan semalam di Dewan ini. Kalau Tuan Speaker izinkan, mahukah mengadakan satu perbincangan terbuka di sini mengenai MAS, kita semua boleh mengambil bahagian. Tetapi apa keputusan yang kita ambil pada hari semalam, saya harap janganlah disebut-sebutkan lagi dan juga menimbulkan berbagai tuduhan dan kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya tahu benar iaitu kalau Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh tidak memberi izin kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain untuk masuk campur di dalam perbahasan, saya hormati permintaan Ahli Yang Berhormat itu. Tetapi sekurang-kurangnya kita mesti dengar dahulu apa yang dia hendak cakap dan huraikan di dalam Dewan ini. Saya dengar ucapannya tetapi tidak ada alasan dan saya benarkan ucapan Ahli Yang Berhormat sendiri.

Sekarang teruskan ucapan Ahli Yang terhormat.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab itulah mereka ini selalunya melepaskan kata-kata dalam Dewan ini sebagai melepaskan perasaan, selepas itu mereka sebagai pak turut; kata Yang Berhormat Perdana Menteri 'pak-pak lang' iaitu menjunjung kacang putih dan keluar daripada Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan Dasar Ekonomi Baru kita adalah disebabkan oleh Pembangkang yang sentiasa mencari jalan untuk menggagalkannya dan meracuni fikiran rakyat dengan kenyataan yang tidak benar supaya rakyat berbilang kaum ini tidak memberi kerjasama dan melibatkan diri sepenuhnya dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini.

Tuan Chan Teck Chan: (Bangun)

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya tidak beri jalan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya sudah lihat Ahli Yang Berhormat itu bangun tiga kali untuk hendak memberi penjelasan tetapi mengikut Peraturan Mesyuarat, sekiranya Ahli Yang Berhormat yang bercakap itu tidak mengizinkan untuk Ahli Yang Berhormat masuk campur dalam perbahasan itu, maka Ahli Yang Berhormat terpaksa duduk dahulu.

Tuan Chan Teck Chan: Itulah sebabnya saya minta Tuan Speaker membuat satu keputusan mengenai kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mengatakan adalah benar DAP yang menggagalkan Dasar Ekonomi Baru. Menurut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dasar Ekonomi Baru adalah berjaya tetapi

kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh menyatakan sudah gagal. Jadi mana satu yang benar, adakah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri benar atau dia yang benar, kerana ini akan membawa satu keadaan kelam kabut kepada rakyat Malaysia. Saya minta Tuan Speaker membuat satu keputusan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam Dewan Rakyat semacam ini dibenarkan Ahli Yang Berhormat itu mengeluarkan pendapat-pendapat, hujah-hujah masing-masing, ini Dewan yang bebas. Hanya yang tidak dibebaskan ialah untuk bercakap menggunakan bahasa-bahasa yang kesat atau yang tidak baik ataupun menggunakan bahasa-bahasa yang melanggar tata tertib dalam Parlimen ini. Selagi hujah-hujah itu dikeluarkan, terpulanglah kepada Ahli Yang Berhormat nanti hendak menjawab atau berbahas untuk mengeluarkan pendapat-pendapat dan hujah-hujah Ahli Yang Berhormat sendiri.

Tuan Chan Teck Chan: Saya bersetuju dengan nasihat Tuan Speaker tetapi kalaulah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh membuat satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab.....

Dato' Haji Ramli bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, Standing Orders nombor berapa yang membenarkan Ahli Yang Berhormat itu menyampuk dalam perbahasan ini untuk meminta keputusan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Chan Teck Chan: Saya kata, saya bersetuju dengan nasihat Tuan Speaker supaya Dewan ini tidak menjadi kecoh. Haraplah Ahli Yang Berhormat itu jangan salahgunakan Dewan ini untuk membuat satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab dan akan membawa satu keadaan yang tidak diingini. Itulah sebabnya saya minta Tuan Speaker membuat satu keputusan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, dalam perkara ini, dalam amalan demokrasi, kita boleh memberi pandangan-pandangan dan bukan semestinya pandangan-pandangan kita terhadap satu-satu perkara itu bersesuaian dengan pandangan-pandangan yang lain atau pendapat orang lain. Selagi pendapat-pendapat itu atau hujah-hujah itu tidak melanggar peraturan-peraturan yang ada di dalam buku Peraturan Mesyuarat ini

maka Ahli Yang Berhormat itu bolehlah meneruskan ucapan atau hujah-hujahnya sendiri. Jadi saya minta Yang Berhormat kalau tidak ada alasan, jangan ganggu lagi.

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada membuat satu kenyataan baharu-baharu ini mengatakan Dasar Ekonomi Baru adalah berjaya dijalankan tetapi Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh berkata bahawa Dasar Ekonomi Baru telah digagalkan oleh DAP. Saya kata manakah satu yang benar, haraplah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh boleh menjelaskan kedudukan yang sebenarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya kata sekali lagi, pendapat-pendapat Kerajaan maju, tidak maju, jaya tidak jaya Dasar Ekonomi Baru ada termaktub dalam Kajian Separuh Penggal ini tetapi Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan ini dibenarkan, setelah membaca buku ini, untuk memberi pandangan-pandangan atau hujah-hujah itu bertentangan atau tidak bersetuju dengan pendapat Ahli Yang Berhormat, itu terpulang kepada kebebasan Ahli Yang Berhormat itu untuk bercakap, melainkan jika ia melanggar Aturan Peraturan Mesyuarat yang ada di hadapan saya ini. Kalau begitu, saya harap Ahli Yang Berhormat bersabar, benarkanlah Ahli Yang Berhormat itu meneruskan ucapannya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Tuan Hussein bin Mahmood: (*Bangun*)

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Saya beri jalan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya hendak minta Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh teruskan ucapannya. Ya, Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah!

Tuan Hussein bin Mahmood (Tanah Merah): Saya rasa elok benar kalau Tuan Yang di-Pertua memberi amaran kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sewaktu kita hendak merujuk kepada sesuatu perkara, hendaklah merujuk kepada Standing Orders Yang kedua, kita di Dewan ini adalah bebas, kalau sekiranya kita tidak bersetuju dengan pendapat orang lain, selepas Ahli Yang Berhormat yang berkenaan itu berucap,

silakan bangun berucap. Tuan Yang di-Pertua, kami di pihak back-benchers Kerajaan selalu mendengar ucapan Pembangkang yang telinga kami pun terasa juga nipis pada masa itu tetapi tetapi kami sabar, kerana inilah yang dimaksudkan dengan semangat Parliamentary democracy.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sekarang saya minta Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh meneruskan ucapannya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, kerana membenarkan saya menyambung ucapan. Sekiranya kegagalan Dasar Ekonomi Baru kita ini tidak ada sebab lain disebabkan oleh Pembangkang dan apa-apa kejayaan yang kita capai setakat ini adalah dengan tenaga dan usaha Kerajaan yang memerintah di dalam negeri ini.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan ini disebabkan mereka ini meracuni fikiran rakyat dengan kenyataan-kenyataan yang tidak benar supaya rakyat berbilang kaum ini tidak memberi kerjasama dan melibatkan diri sepenuhnya dalam menjayakan Dasar Ekonomi Baru ini. Saya menganggap pemimpin politik seperti ini adalah tidak rasional dan sentiasa bersifat negatif serta meletakkan kepentingan diri dan parti mereka lebih daripada kepentingan nasional dan kepentingan rakyat jelata. Golongan ini bukan sahaja hendak menggagalkan Dasar Ekonomi Baru tetapi untuk menghuru-hara dan menghancurkan negara ini dan di saat itu mereka akan menanggung di air yang keruh. Jika huru-hara itu berlanjutan, negara berada di dalam keadaan yang tidak terkawal, keamanan sudah tidak terjamin lagi, mereka golongan ini akan mula lari meninggalkan negara ini dan meninggalkan rakyat negara ini sepertimana mereka lari meninggalkan Dewan ini tanpa mempunyai tanggungjawab sedikit pun terhadap Dewan dan issue-issue nasional yang dibincangkan kelmarin.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu saya mencadangkan kepada pemimpin-pemimpin DAP ini dengan segala hormat dan sukacitanya mempersilakan.....

Tuan Peter Paul Dason: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 26 Ahli hadir*)

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Mesyuarat diteruskan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, nampaknya pihak DAP ini begitu takut hanya setakat saya sahaja, bukannya takut kepada Perdana Menteri. Jadi mereka ini nampak begitu takut dengan hujah-hujah yang saya beri, mereka ini sangat takut dengan kenyataan yang mengatakan bumiputra ini merosot. Mereka mahu dengar bahawa bahasa mereka ini atau akan memperalatkan keadaan, itu demi untuk politik mereka. Oleh itu saya sambung ucapan saya iaitu saya mencadangkan kepada pemimpin DAP ini dengan segala hormat dan sukacitanya dipersilakan mereka itu meninggalkan negara ini sebelum negara dan rakyat Malaysia ini diracuni oleh fikiran-fikiran yang tidak bertanggungjawab serta buat sementara negara Malaysia masih lagi hidup dalam keadaan aman dan damai sekarang ini.

Saya juga berharap mereka ini pergilah mencari negara yang lebih adil, negara yang lebih bebas, negara yang lebih demokratik daripada negara Malaysia ini serta mempunyai dasar ekonomi yang lebih baik daripada yang ada yang boleh menjamin hidup mereka di masa akan datang dan di sanalah mereka boleh menjadi Wakil Rakyat dan memperjuangkan sama-sama bangsa mereka, kerana kalau mereka ingin memperjuangkan bangsa mereka adalah lebih baik daripada memperjuangkan apa yang ada di Malaysia ini. Kita tidak mahu anasir jahat yang suka meracuni fikiran rakyat dengan maksud memecah-belahkan rakyat yang majmuk yang hidup ke arah perpaduan yang lebih erat serta aman dan damai ini.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi golongan Pembangkang ini menjadi penghalang yang besar dalam mencapai kejayaan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan kerana mengalakkan rancangan Dasar Ekonomi Baru merupakan issue politik yang besar dan merupakan kejayaan mereka untuk menempelak Kerajaan. Mereka ini akan mendapat sokongan rakyat dengan kenyataan-kenyataan yang tidak betul sekiranya Rancangan Dasar Ekonomi Baru kita ini gagal. Dengan kejayaannya nanti parti Pembangkang terutama DAP sudah tidak lagi diterima di hati masyarakat yang ada terutama rakyat yang ada di dalam negara ini.

Jadi kesimpulannya kegagalan pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru ini bukan disebabkan oleh pemerintah yang ada tetapi disebabkan oleh penghalang iaitu Pembangkang yang memang berhasrat untuk menggagalkannya. Sebab itulah segala yang buruk dan bersifat negatif terhadap Kerajaan diperbesar-besarkan.

Tuan Yang di-Pertua, kegagalan dasar ekonomi juga berkaitan dengan demokrasi yang ada yang diamalkan oleh Kerajaan kita sekarang dengan tolak ansur yang lebih menjadikan Kerajaan demokrasi yang ada telah digugat oleh golongan yang tidak ada mata untuk melihat kenyataan dan keadaan yang ada dalam negeri ini. Kita tidak mahu demokrasi yang ada akan musnah dan dihancurkan oleh demokrasi itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu bagi mencapai Dasar Ekonomi Baru, Kerajaan mestilah memikirkan demokrasi ala-Malaysia yang perlu mendapat bimbingan dan pimpinan terhadap rakyat sebelum sampai masanya untuk menerima cara demokrasi yang sebenarnya. Oleh sebab itu sekarang ini rakyat tidak begitu berkemampuan lagi untuk menerima demokrasi maka keadaan yang ada telah dieksploitasikan oleh golongan yang tidak jujur dan berniat jahat untuk mempergunakan sepenuhnya demokrasi yang ada dan kebebasan yang ada dan kebebasan yang diberi itu untuk menghancurkan demokrasi yang ada dalam negeri ini. Oleh itu segala apa yang saya ucapkan itu adalah berdasarkan kepada kenyataan dan saya menyokong supaya Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini akan mendapat kejayaan.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Saya jemput Ahli Yang Berhormat dari Kinta.

4.55 ptg.

Tuan Yang Choong Fu (Kinta): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong Usul Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di dalam mengemukakan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga. Di samping menyokong Usul ini, saya ingin juga memberi komen ke atas beberapa segi daripada ulangkaji ini. Hal ulangkaji penggal pertengahan ini adalah satu dokumen yang penting dan walaupun ia telah mengambil masa yang agak lama

untuk disediakan ia dapat menunjukkan bahawa rancangan-rancangan raksaksa telah-pun diambil oleh pihak Kerajaan bagi mengembangkan negara ini. Ini adalah petanda yang baik dan menunjukkan hajat baik Kerajaan. Akan tetapi terdapat beberapa aspek di dalam Kajian Separuh Penggal (KSP) yang memerlukan perhatian sepenuhnya dan saya bercadang menyentuh beberapa perkara seperti di bawah:

Rancangan Malaysia Ketiga telah menyarankan bahawa salah satu hak utama yang dikenakan kepada kampung-kampung baru, adalah kekurangan tanah dan hakmilik tanah. Kesemua ini mesti diatasi termasuk pengaliran kelebihan buruh dari kawasan kekurangan buruh termasuk Rancangan-rancangan Pembangunan Tanah Baru yang dijalankan oleh Kerajaan. Satu aspek lagi masalah utama yang dikenali Kerajaan adalah pencapaian rendah taraf pendidikan di kalangan sebilangan besar pemuda-pemudi di kampung-kampung baru. Mereka ini patut didedahkan kepada peluang-peluang yang kian banyak yang disediakan oleh Kerajaan bagi latihan Vokesyenal.

Tuan Yang di-Pertua, masalah-masalah ini telahpun jelas dikenali di dalam Rancangan Malaysia Ketiga dan dengan demikian KSP patut mengulangkaji setakat mana kemajuan telah dicapai bagi mengatasinya. Walaupun KSP menyatakan bahawa sedikit kemajuan telah dibuat untuk menyelesaikan masalah kekurangan tanah tetapi ia telah ketinggalan di dalam ulangkaji kemajuan yang dibuat di dalam membekalkan latihan pendidikan bagi pemuda-pemudi dari kampung-kampung baru. Kalau adapun hanya setakat menyatakan bahawa Kerajaan akan terus membekalkan kemudahan-kemudahan pendidikan yang mencukupi bagi pemuda-pemudi di kawasan desa termasuk kampung-kampung baru dan ladang-ladang.

Ini adalah wajar dan munasabah bahawa pemuda-pemudi dari kawasan luar bandar harus diberi latihan pendidikan serta latihan kemahiran yang mencukupi supaya mereka dapat mengusahakan secara berguna. KSP juga tidak menyatakan berapa ramai dari penduduk-penduduk kampung-kampung baru yang telah ditempatkan semula di rancangan-rancangan tanah baru sebagai satu

penyelesaian daripada kelebihan tanah di kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak dapat dinafikan bahawa Kerajaan telah banyak menanamkan modal dari segi sosio-ekonomi termasuk rancangan-rancangan Kerajaan membekalkan kemudahan-kemudahan seperti klinik, sekolah, air-paip, jalan, perairan dan lain-lainnya di kampung-kampung baru. Pembekalan ini adalah diarah yang betul, akan tetapi banyak lagi dapat diperbuat bagi memastikan bahawa desakan utama seperti kekurangan tanah dan hakmilik tanah dapat diatasi.

Rancangan Malaysia Ketiga juga telah menyatakan bahawa ini melibatkan pengambilan lebih tanah dan di dalam hal ini negeri Perak telah mengambil usaha ke arah ini. Satu gambaran yang lebih lengkap akan ketara jikalau KSP dapat menyarankan sama ada ini adalah satu cadangan yang sedang dilaksanakan dan setakat mana ia dapat mengatasi kekurangan tanah di kampung-kampung baru.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Ketiga telah dengan jelasnya menyatakan bahawa usaha-usaha akan tetap diambil bagi pemilihan peneroka-peneroka untuk ditempatkan di rancangan-rancangan tanah awam termasuk projek-projek FELDA bagi memberi perwakilan yang lebih banyak dari lain-lain rumahtangga rakyat Malaysia di dalam kemiskinan. Sudahlah menyediakan sejumlah bilangan tempat-tempat di dalam rancangan-rancangan penempatan semula oleh lain-lain rumahtangga di kalangan semua rakyat Malaysia. Sebagai usaha ke arah tujuan ini, maka feasibility membangunkan Farm Enterprise Scheme akan dipertimbangkan.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut KSP pembangunan tanah akan dipercepatkan di dalam jangka masa 1979 ke 1980 dalam jumlah luas tanah sebanyak 207,600 ekar akan dibangunkan oleh FELDA dan FELCRA bagi menyediakan maksud penempatan semula keluarga-keluarga luar bandar yang berpendapatan rendah. Adalah diharapkan tujuan Kerajaan seperti yang disarankan di dalam Rancangan Malaysia Ketiga akan dilaksanakan di dalam jangka masa yang masih ada bagi memastikan keluarga miskin rakyat Malaysia yang lain dapat ditempatkan ke dalam rancangan-rancangan tanah baru.

Pada satu pihak yang sama, adalah juga menjadi harapan besar saya bahawa di dalam jangka waktu yang masih ada dalam Rancangan Malaysia Ketiga, Farm Enterprise Scheme akan juga mendapat pertimbangan yang sewajarnya dari Kerajaan. Kerajaan telah menghujah dengan sewajarnya bahawa dengan Farm Enterprise akan membenarkan pula tanaman yang berbagai mengikut selera dan pilihan peneroka-peneroka sendiri dan ini akan menarik rakyat miskin dari semua kaum di mana pengerahan dari Pusat adalah kurang dan memang sudah menjadi sifat rancangan-rancangan pembangunan tanah awam seluruhnya.

Adalah menyenangkan hati untuk mengambil perhatian bahawa di dalam KSP telah diterangkan dasar Kerajaan bagi memastikan penyiaran tempat-tempat pelajaran di universiti-universiti tempatan dengan secara adil dan saksama kepada penuntut-penuntut Melayu, bumiputra dan juga lain-lain penuntut rakyat Malaysia. Tambahan pula Kerajaan juga telah membentangkan bahawa ia akan memastikan lebih banyak tempat akan diberi kepada penuntut-penuntut bukan Melayu memandangkan kepada penyiaran keseluruhan penuntut-penuntut di institusi pelajaran yang diiktiraf di negara ini dan seberang laut.

Kenyataan-kenyataan data yang terdapat dalam KSP telah jelas membentangkan tujuan Kerajaan untuk tidak setakat memastikan penyiaran tempat-tempat pelajaran di universiti-universiti dengan secara adil dan saksama tetapi juga telah menyedari kekurangan peluang-peluang pelajaran tinggi bagi penuntut-penuntut bukan Melayu. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan bagi menyatakan bahawa lebih banyak tempat-tempat pelajaran akan diberikan kepada penuntut-penuntut bukan Melayu. Ini akan memperkuat tentang kenyataan yang diberi oleh Menteri Pelajaran di Dewan ini pada 11hb Disember, 1978 di mana beliau telah mengumumkan bahawa tempat-tempat yang lebih akan diberikan kepada penuntut-penuntut bukan Melayu. Maklumlah sekarang niat hati Kerajaan sudahpun diketahui jelas. Maka hal perlaksanaannya mesti tidak sahaja adil tetapi mesti diperlihatkan kepada umum bahawa ia adalah adil.

Tidak berapa lama lagi universiti-universiti akan mengambil penuntut-penuntut baru bagi sesi yang baru. Ini akan menjadi suatu pertunjukan jelas dan akan menjadi tumpuan perhatian kepada semua yang berkenaan sama ada niat baik ini akan dijelmakan kepada hakikat. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyarankan di dalam Pendahuluan kepada KSP bahawa, dengan izin saya quote: "Government exists for the people and this Government is no exception." Akan jauh jelas ditunjukkan di dalam tindakannya.

Tuan Yang di-Pertua, seperti yang dikatakan tadi banyak usaha dan tenaga telah dicurahkan di dalam membuat KSP ini. Akan tetapi, Kerajaan mesti memastikan perlaksanaannya dengan adil dan saksama. Saya ingin menyarankan di sini bahawa pada analisa terakhir kebajikan rakyat adalah maha penting yang kita semua selama ini memperjuangkannya. Ini memerlukan supaya apa pun rancangan-rancangan yang dicadangkan mesti diberi perhatian yang sewajarnya.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kota Melaka.

5. 10 ptg.

Tuan Chan Teck Chan (Kota Melaka): Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya memasuki perbahasan ini, ada beberapa perkara perlu saya jelaskan di sini sebagai jawapan saya terhadap tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Tuan Yang di-Pertua, perlulah saya di sini menegaskan bahawa DAP bukanlah sebuah parti opportunist, bukanlah sebuah parti tidak bertanggungjawab sepertimana yang dituduh oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Walau apa pun krisis yang dihadapi oleh Malaysia; DAP pasti tidak akan meninggalkan Malaysia untuk melarikan diri dengan menyelamatkan nyawa sendiri. DAP adalah selama ini menganggap Malaysia sebagai tempat tumpah darah ku. Tidak lain tempat yang akan menjadi urusan kita. Di sini saya merasa kesal bahawa satu kenyataan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ini telah meracuni, dialah sendiri yang meracuni fikiran rakyat Malaysia tentang peranan yang dimainkan oleh DAP selama ini di sisi Perlembagaan dan demokrasi. Kalau DAP ada membuat sesuatu perkara atau

menjalankan sesuatu kenyataan yang bertentangan dengan kepentingan negara atau undang-undang, saya yakin Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap DAP. Kalau ada bukti-bukti yang jelas menunjukkan DAP mahu mensabotaj, mahu menggagalkan Dasar Ekonomi Baru, saya adalah mencabar Ahli Yang Berhormat itu menunjukkan buktinya supaya Kerajaan boleh mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap DAP. Kalau tidak, di sini saya mahu kondem atau mengutuk Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang begitu tidak bertanggungjawab cuba mengabui mata rakyat Malaysia yang mahu melihat satu sistem demokrasi boleh diamalkan selama-lamanya di Malaysia, kecuali Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh mahu menafikan Malaysia sudah tidak ada demokrasi. Adakah salah bagi seseorang rakyat Malaysia ataupun apakah salahnya bagi DAP menunjukkan di mana kelemahannya Dasar Ekonomi Baru bila dilaksanakan selama 8 tahun ini? Bila kita menunjukkan kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita adalah memberikan bukti-bukti, angka-angka dan kenyataan-kenyataan yang boleh dicabar oleh mana-mana pihak.

Kalau kita hanya mendiamkan diri terhadap satu penyelewengan, kepincangan dan kelemahan di dalam proses melaksanakan Dasar Ekonomi Baru, ertinya kita sudah melalaikan tanggungjawab kita sebagai wakil negara Malaysia yang taat setia; sebagai parti yang tidak bertanggungjawab di Malaysia. Adakah Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh ini berniat atau bertujuan mahu melihat kita menutup mata segala kepincangan dan kelemahan Dasar Kerajaan kita ini jangan disebut, ertinya orang tidak mahu sebut dan tidak mahu menunjukkan kejujurannya dan ketaat setiaannya terhadap Kerajaan kita dengan hanya mendiamkan diri? Adakah ini dasar atau pendirian Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh? Saya sudah berkali-kali berkata di sini DAP adalah menyokong sepenuhnya Dasar Ekonomi Baru. Kalaulah Kerajaan sungguh-sungguh mengikut matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru yang sebenarnya untuk melaksanakan projek-projek pembangunan tanpa mengira bangsa serta memperkotai janji yang diberikan iaitu tidak sesuatu atau mana-mana kumpulan akan merasai kerugian atau dirampas

peluangnya. Ini kita telah menegaskan dan menjelaskan pendirian DAP. Kita tidak merasa iri hati. Kita sebenarnya adalah menyokong penyertaan kaum bumiputra di dalam segala bidang-bidang, baik pelajaran, ekonomi tetapi kita mahu mengingatkan Kerajaan ketika melaksanakan Dasar Ekonomi Baru itu perlulah menerima kenyataan bahawa Malaysia adalah sebuah masyarakat yang berbilang kaum. Perlulah menjaga perpaduan negara kita. Jangan terburu-buru sehingga tidak memperhitungkan apakah akibat dan kesan-kesannya yang akan berpunca daripada proses pelaksanaan Dasar Ekonomi negara kita. Ini telah disuarakan berkali-kali oleh bekas Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman.

Di sini saya merasa kesal bahawa DAP selama ini cuba membuat satu sumbangan yang bermakna kepada negara kita, tetapi sudah disalahtafsirkan, disalah-ertikan dan diputarbalikkan dengan kenyataan-kenyataan yang tidak bertanggungjawab.

Di sini saya kata, hanya orang inilah yang membuat kenyataan yang tidak bertanggungjawab, yang akan dicop sebagai anasir yang anti-nasional dan pengkhianat bangsa dan negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan mengambil bahagian di dalam perbincangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada hari Isnin lalu. Saya perlu mengakui saya tidak mempunyai masa yang lapang dan tidak berpeluang untuk menghabiskan semua buku yang begitu tebal ini, saya hanya membalik-balik dan mengkaji beberapa bab yang mustahak yang akan disentuh satu demi satu.

Tuan Yang di-Pertua, memang berasaskan kepada Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga ini, umpamanya, Bab I kita boleh melihat bahawa Keluaran Dalam Negeri Kasar Malaysia untuk tahun 1976 hingga 1978 telah bertambah setinggi 8.7% jika dibandingkan dengan matlamat Rancangan Malaysia Kedua yang dijangkakan 7.4% atau Rancangan Malaysia Ketiga 8.4% ini adalah lebih tinggi. Dan juga saya mendapat membaca bahawa pendapatan per kapita kita

rakyat Malaysia sehingga tahun 1978 ini telah meningkat naik jika dibandingkan tahun 1975 iaitu dari \$1,304 telah meningkat naik \$1,644 pendapatan per kapita di Malaysia hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, bila saya mengkaji Bab II yang berkenaan kemiskinan di Malaysia ini, saya sangat tertarik dengan angka-angka yang diberikan sepertimana yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Katanya, kadar kemiskinan di Malaysia kita telah menurun dari 43.9% dalam tahun 1975 kepada 36.6% dalam tahun 1978. Tetapi saya berasa terperanjat sejak tahun yang lepas kita ada meminta Kerajaan memberitahu Dewan ini juga rakyat Malaysia amnya bagaimanakah Kerajaan dapat mengadakan paras kemiskinan (poverty line) di mana kemiskinan Malaysia telah ditetapkan. Kerana hingga hari ini saya sendiri pun tidak tahu berasas apakah kriteria atau berasaskan apakah syarat-syarat di mana kadar kemiskinan ini boleh dicari ataupun diumumkan. Kalau kita hanya mengikut angka-angka yang ada di dalam buku ini, kita boleh melihat di dalam masyarakat pertanian, kemiskinan telah turun dari 63.0% pada tahun 1975 hingga 54.6% tahun 1978. Kalaulah angka ini boleh mencerminkan keadaan dan kenyataan yang sebenarnya ini mungkin bermakna bahawa Kerajaan berjaya melaksanakan rancangan-rancangan pembangunannya. Tetapi kita merasa syak wasangka dan keliru bagaimana angka-angka itu sudah disimpulkan kecuali Kerajaan pada ketika Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menggulung ucapannya boleh memberitahu saya bagaimana angka kemiskinan ini telah dicapai supaya saya boleh meyakinkan diri saya sendiri bahawa ini adalah merupakan satu pencapaian yang cemerlang yang dicapai oleh Kerajaan. Kalau tidak rakyat akan berwasangka bahawa mengikut cara perkiraan kadar kemiskinan ini mungkin 15 tahun yang akan datang kemiskinan di Malaysia akan hilang perangkaannya. Tetapi rakyat akan menyaksikan bahawa kehidupan mereka masih dalam azab sengsara dan dalam lembah kemiskinan, di manakah satu yang benar, mungkinkah hilang angka kemiskinan atau kadar kemiskinan ini bererti sudah hilangnya masalah kemiskinan yang dihadapi oleh rakyat Malaysia. Saya berharap Yang Amat Berhormat boleh

memberitahu saya ketika menggulung ucapannya bagaimana angka-angka ini sudah tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, di sini saya akan menyentuh dasar pembangunan tanah di Malaysia. Mengikut Bab V iaitu Pembangunan Wilayah, muka surat 90, Jadual 5-6, saya telah mengkaji beberapa kali melihat bagaimana FELDA telah mencapai kejayaannya dan kemajuannya atau apakah kegagalan telah dialami. Saya tidak mendapat satu kesimpulan yang tepat mengenai kemajuan dan kegagalan FELDA itu. Walaupun angka-angka telah diberitahu dengan jelas di mana peneroka telah menyertai dalam rancangan FELDA itu, tetapi racial breakdown tidak diberitahu. Menurut rekod saya yang saya dapati iaitu hingga 13hb April, 1976 bilangan peneroka yang ada dalam FELDA ini adalah seperti yang dinyatakan dalam Mid-Term Review itu tetapi komposisi bangsa dan kaumnya adalah seperti berikut:

Melayu	96.2%
Cina	2.1%
India	1.6%
Lain-lain	0.1%

Angka-angka yang mustahak ini tidak dinyatakan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, umpamanya di Kedah dan Trengganu hanya mencerminkan satu kaum sahaja yang menyertai projek FELDA itu. Ini sudah menunjukkan adalah satu kepincangan sudah berlaku dalam FELDA. Kerajaan mestilah sedar bahawa kebanyakan rakyat Malaysia adalah sangat menghausi tanah. Saya yakin tidak mungkin lain-lain kaum tidak suka menyertai rancangan-rancangan tanah yang di bawah FELDA itu. Kalau Kerajaan hendak memberitahu dan meyakinkan rakyat bahawa segala projek dan rancangan tanah yang dijalankan oleh FELDA dan Kerajaan itu adalah untuk semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaumnya, maka saya berharap Kerajaan hendaklah bertindak dengan segera untuk memperseimbangkan ketidakseimbangan sepertimana yang dicerminkan dalam angka-angka yang saya berikan di atas itu. Saya yakin kalaulah Kerajaan atau FELDA boleh membuka pintunya untuk semua kaum menyertai untuk membangunkan tanah negara kita, saya yakin angka-angka atau komposisi bangsa ini akan diperseimbangkan dan juga ini akan membawakan satu kealiran

dan satu munafaat kepada rakyat Malaysia yang berbilang bangsa itu. Kalau tidak ini akan mengecewakan rakyat yang menaruh keyakinan terhadap matlamat Dasar Ekonomi Baru yang selalu dilaung-laungkan oleh Kerajaan selama ini.

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga saya akan menyentuh mengenai masalah tanah umpamanya dalam Kajian Separuh Penggal dalam Bab II, muka surat 30 jadual 2-1 kita boleh nampak bagaimana seriusnya masalah kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat pertanian kita. Sungguhpun Malaysia sudah merdeka 21 tahun tetapi masalah kemiskinan di masyarakat pertanian ini masih tidak berubah. Umpamanya hingga hari ini kadar kemiskinan masih menduduki 54.6% ertinya di antara 940,000 keluarga pertanian itu 513,000 adalah terdiri dari keluarga yang miskin. Apakah yang telah berlaku dan siapakah yang akan disalahkan, adakah DAP sepertimana yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh? Di sini saya perlu berkata ini adalah satu kegagalan dari pemerintahan Kerajaan Barisan Nasional selama ini, kerana mereka yang memerintah negara kita selama 21 tahun. Tetapi masalah kemiskinan di luar bandar masih tidak boleh diatasi. Apakah sebabnya? Semenjak dari Rancangan Pertama sehingga hari ini kita sudah mengalami lima kali Rancangan Lima Tahun, tetapi apakah sebabnya wang yang berbillion-billion ringgit yang dilaporkan dalam Pembangunan Pertanian ini masih tidak dapat mengatasi masalah sosio-ekonomi rakyat di luar bandar khususnya di masyarakat petani. Umpamanya menurut banci pertanian tahun 1960 kita boleh dapat tahu bahawa kaum petani di Semenanjung Malaysia adalah melebihi 97% yang bertani di atas tanah kurang daripada 10 ekar, 75% adalah bertani di bawah tanah yang kurang dari 5 ekar dan 54% adalah bertani di atas kawasan pertanian di bawah 3 ekar sahaja.

Di Kelantan 96% kaum petani bertani di atas tanah sewaan sahaja, di Perak ada 80%, Pulau Pinang 85% dan Perlis 83%. Ini adalah satu punca kemiskinan masyarakat luar bandar kerana tanah. Itulah sebabnya DAP selama ini meminta Kerajaan mengadakan satu dasar tanah yang radical supaya boleh memastikan kaum petani boleh bertani di atas tanah sendiri bukan hanya bertani di atas

tanah sewaan. Itu adalah cara sistem sewaan ini kerana kebanyakan rakyat di negara kita adalah tertakluk di tangan segelintir tuan punya tanah sahaja, maka tenaga mereka sudah dihisap oleh tuan punya tanah ini, inilah yang merupakan satu kepincangan dasar pembangunan tanah negara kita.

Saya berharap Kerajaan boleh dalam masa yang singkat ini mencari satu jalan keluar, mencari satu jalan efektif untuk mengatasi masalah pembangunan tanah negara kita supaya kemiskinan negara kita, kemiskinan di masyarakat pertanian boleh diatasi dengan berkesannya. Kalau tidak, apakah gunanya Kerajaan membuang berjuta-juta ringgit di dalam masyarakat pertanian tetapi wang itu tidak disalurkan terus kepada tangan kaum petani, hanya disalurkan kepada tuanpunya tanah sahaja. Inilah Kerajaan perlu menginsafi dan menyedari apakah masalah sebenarnya yang dihadapi oleh masyarakat pertanian Malaysia hari ini.

Tuan Speaker, di sini saya juga akan sentuh perkara pelajaran dalam Bab XIV, iaitu mengenai Pelajaran dan Latihan. Kita boleh dapat tahu bahawa Kementerian Pelajaran telah mendapat satu peruntukan tambahan yang sangat tinggi, iaitu dari \$16 billion kepada \$21 billion. Ini memang baik, memang kita memerlukan lebih banyak peruntukan dan perbelanjaan untuk membangunkan perusahaan pelajaran Malaysia. Tetapi di sini saya perlu bertanya kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran bahawa adakah Menteri Pelajaran atau Timbalan Menteri Pelajaran yang ada di sini, adakah mereka sedar bahawa wang yang disalurkan kepada sekolah peringkat rendah ini tidaklah begitu adil diperuntukkan. Umpamanya menurut satu jawapan yang diberikan oleh Menteri Pelajaran kepada saya yang bertulis itu pada bulan Disember tahun yang lepas, dia memberitahu saya bahawa pada tahun 1976 sebanyak \$37 juta telah diberikan kepada sekolah kebangsaan tetapi hanya \$5 juta diberikan kepada sekolah jenis kebangsaan China dan sekolah rendah jenis kebangsaan Tamil hanya dapat \$518,000 sahaja. Pada tahun 1977 wang yang diperuntukkan kepada sekolah kebangsaan ialah \$30 juta untuk sekolah rendah jenis kebangsaan China ialah \$1.8 juta sahaja dan untuk sekolah Tamil ialah \$880 sahaja. Untuk tahun yang lepas, iaitu

1978 sebanyak \$63 juta telah diperuntukkan kepada sekolah kebangsaan tetapi hanya \$6.7 juta diberikan kepada sekolah rendah jenis kebangsaan dan hanya \$2.1 juta diberikan kepada sekolah rendah Tamil.

Ini telah menunjukkan bahawa bagaimana tidak seimbang peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan kepada sekolah-sekolah rendah yang ada di Malaysia. Ini adalah menunjukkan bahawa Kerajaan perlu bertindak untuk membetulkan ketidak-seimbangan peruntukannya kepada sekolah-sekolah yang saya sebutkan tadi kerana pembayar cukai dan rakyat Malaysia amnya adalah berhak untuk mengetahui apakah sebabnya ada didapati perbezaan dan ketidak-seimbangan dalam peruntukan wang kepada sekolah-sekolah yang sama-sama di bawah Kerajaan Malaysia. Itulah sebabnya mengapa kebanyakan sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China dan Tamil sangat buruk keadaannya, umpamanya kerusi-meja tidak baik.

Baru-baru ini saya mengadakan lawatan ke Jasin, Melaka di mana sebuah Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cher Chee yang mempunyai 303 orang murid tetapi tidak ada kantin disediakan. Ada dua buah tandas pintu tandas pun koyak. Inilah keadaan yang sangat biasanya dihadapi di semua sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan. Di sini saya meminta Kerajaan dapat menambahkan peruntukannya kepada sekolah-sekolah rendah jenis kebangsaan China atau Tamil supaya murid-murid kita boleh dapat bersekolah dalam keadaan yang sempurna dan baik, juga mengenai peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti tempatan kita.

Di sini saya perlu merayu kepada Kerajaan bahawa memang kita akan menyokong Kerajaan supaya peluang-peluang dan bantuan-bantuan perlu diberikan kepada rakyat bumiputra, juga kita menyokong tindakan dan dasar Kerajaan itu tetapi di samping itu Kerajaan pun perlu memikul tanggung-jawabnya untuk memberi peluang yang sama dan adil kepada lain-lain kaum yang bukan Melayu.

Pada hari Isnin, Yang Berhormat Menteri Pelajaran ada memberitahu Dewan ini bahawa hanya 3 buah universiti, iaitu Universiti Kebangsaan, Universiti Teknologi dan

Universiti Pertanian adalah dikecualikan dengan mengambil penuntut-penuntutnya dengan berasaskan cadangan komposisi kaum, iaitu 55% berbanding dengan 45% bukan Melayu. Memang dalam tempoh yang singkat ini boleh diterima oleh rakyat Malaysia amnya tetapi Kerajaan perlu juga sedar bahawa berapa lamakah Kerajaan akan mengamalkan dasar itu supaya penuntut-penuntut bukan Melayu adalah dapat diberikan peluang yang adil dan saksama supaya mereka boleh menuntut pelajaran tinggi mereka di universiti-universiti tempatan kita. Kalau tidak, ini akan merupakan satu pembaziran tenaga manusia, juga ini akan menjejaskan proses pembinaan negara kita.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

Tuan Speaker, di sini saya akan sentuh mengenai perkara perumahan. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, iaitu Bab XV kita boleh dapati bahawa Kerajaan sendiri pun adalah mengakui bahawa selama projek pembinaan rumah-rumah awam adalah tidak begitu memuaskan. Di sini kita hendak bertanya apakah sebabnya Kerajaan tidak boleh mengadakan lebih banyak rumah-rumah kos rendah untuk rakyat yang berpendapatan rendah. Sebenarnya pada tahun yang lepas saya juga ada menegaskan bahawa agensi-agensi Kerajaan seperti SEDC atau PKEN itu perlulah memberikan segala keutamaannya untuk membina, mengadakan rumah-rumah kos rendah untuk golongan rakyat yang miskin dan tidak berumah tetapi di seluruh negara kita saya tidak dapat mencari satu negeri di mana SEDC adalah mengadakan lebih 30% rumah kos rendah dalam projek perumahan mereka untuk rakyat yang miskin, khususnya di Melaka saya nampak tidak sampai 15% rumah kos rendah diadakan. Nampaknya PKEN atau SEDC lebih minat untuk mengadakan rumah-rumah yang berharga mahal untuk golongan yang berpendapatan tinggi dan tengah. Ini adalah satu penyelewengan untuk melaksanakan projek Kerajaan kita.

Tuan Speaker, akhirnya saya akan menyentuh mengenai kesihatan. Di sini saya perlu sekali lagi menegaskan bahawa Kerajaan perlulah bertindak dengan segeranya untuk mengkaji bagaimana cara rawatan atau

perubatan Cina atau acupuncture boleh diterima oleh Kerajaan kita sebagai salah satunya cara rawatan untuk mempertingkatkan taraf kesihatan rakyat Malaysia. Saya di sini perlu mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kesihatan yang telah berinisiatif untuk memutuskan bagi menghantar dua orang doktor, pegawai perubatan ke Taiwan atau negeri Tiongkok untuk mengkaji cara perubatan acupuncture. Ini adalah satu tindakan yang sangat wajar dan bijaksana kerana cara perubatan Cina dengan acupuncture ini bersejarah melebihi 4,000 tahun yang masih wujud di dunia hari ini dan masih ingin dipelajari, dikaji dan digunakan oleh Amerika Syarikat, Jerman Barat, Jepun, Hongkong dan Taiwan. Ini tentulah ada sebab musababnya. Sebenarnya sebahagian negara-negara Eropah, Kerajaan-nya telah mengakui dan menerima cara acupuncture sebagai cara rawatan perubatan mereka dalam hospital masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua: Ini acupuncture pakai jarum atau pakai bakar?

Tuan Chan Teck Chan: Tuan Speaker, pakai jarum.

Di sini saya adalah menyeru dan mencadangkan supaya Kementerian Kesihatan boleh menghantar satu rombongan yang terdiri daripada pakar-pakar perubatan yang ada mempunyai pengetahuan asas tentang acupuncture ke negeri China untuk mempelajari cara acupuncture kerana kesan rawatannya boleh didapati bahawa kadangkala cara perubatan Barat yang tidak dapat menyembuhkan penyakit-penyakit yang tertentu bolehlah diubah dengan cara acupuncture.

Akhirnya saya menyeru Kerajaan boleh memansuhkan segala cukai-cukai yang dikenakan atas pengimpotan ubat-ubat Cina selama ini, kerana kalau Kerajaan mahu melihat kesihatan rakyat boleh bertambah baik dan meningkat naik, kecuali Kerajaan perlu menggalakkan rakyat kita mempelajari cara-cara perubatan sendiri supaya ini akan menolong Kerajaan mengurangkan bebanan dan tanggungjawabnya untuk menjaga kesihatan dan kebajikan mereka.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Kangar.

5.43 ptg.

Tuan Shaari bin Jusoh (Kangar): Tuan Yang di-Pertua, saya juga turut meyokong Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga yang telah dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 19 haribulan yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, kalau kita kaji di atas buku yang diterbitkan oleh pihak Kerajaan walaupun kita tidak dapat membaca demi satu baris ke satu baris, saya percaya termasuk saya sendiri, tetapi di atas laporan-laporan yang diberi dan di atas pembentangan yang telah dibentangkan pula oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, maka telah nyata kepada kita bahawa Rancangan Malaysia Ketiga Separuh Penggal ini telah mendapat kejayaan yang cemerlang sekadar yang dapat oleh manusia yang bersifat baru. Sebab saya kata begitu, Tuan Yang di-Pertua, kalau mengikut kehendak asli manusia yang mempunyai nafsu dan akal dan kalau diikut kehendak nafsu semata-mata maka banyak manapun tidak pernah dikata puas oleh manusia. Sebab itu izinkanlah saya dengan maksud ayat Quran; Kalau kita bersyukur atas nikmat Tuhan, Tuhan menambahkan lagi, kalau kita engkar, Tuhan beri azab. Mengikut cukup, manusia tidak akan cukup. Tetapi kalau ditinjau, kalau dikaji di atas modal atau apa yang ada pada Malaysia tetapi dapat dibuat lebih daripada itu, maka di situ kalau di segi perniagaan, dikaji modal dan gajinya yang dapat maka itu dapatlah dikatakan untung. Misalnya modal \$10,000, untung \$20,000, itu sudah kenyataannya untung, tetapi jikalau berangan-angan yang modalnya \$10,000 ingin hendak untung \$10 juta, itu mustahil pada pendapat manusia. Begitulah pada pendapat saya kalau dikaji di atas apa yang dibentangkan, di atas apa kejayaan yang kita nampak ialah amat nyata.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum kajian ini, saya bercakap apa yang saya fikir perlu dan inginlah juga saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Sebelum Tuan Yang di-Pertua, ada dalam Dewan tadi, semasa diganti oleh Timbalan Yang di-Pertua, telah berlaku perbalahan. Saya bersikap sebagai manusia dan saya bersikap sebagai orang Islam. Islam hendak mengakui kebenaran walau siapa pun yang bersalah. Tetapi sayang, kita dalam

Dewan ini sebagai mana kata Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri petang semalam amatlah sedih dan izinkanlah saya berkata, kita dalam Dewan yang mulia ini, tidak kita benarkan orang yang tidak berakal masuk, lebih tepatnya lembu-kerbau tidak boleh masuk ke dalam Dewan ini, agak saya boleh jadi cicak binatang yang kecil masuk mengikut celah lubang, kerana dalam Dewan ini kita perlukan manusia yang berakal, manusia yang siuman dan ditambah pula—bukan sekadar itu, dalam Dewan kita yang mulia ini diikuti aturan dan peraturan, diikuti aturan dan peraturan cara kebangsaan masing-masing, walaupun kita dibolehkan pakai coat tetapi kita juga diboleh pakai kebangsaan cara kemelayuan. Pendeknya cara-cara sopan kita berada di sini walaupun ada di antara kita yang ketagih rokok termasuk saya sendiri, kerana dalam Dewan yang mulia ini kita membuat undang-undang untuk memerintah negara, walaupun rokok itu tidaklah begitu haram sangat, agak saya makruh sahaja, tetapi dalam Dewan yang mulia ini tidak pernah orang menghisap sebagai hendak menghormati Dewan. Begitulah.....

Tuan Yang di-Pertua: Memang dilarang merokok, dan makan sireh pun dilarang.

Tuan Shaari bin Jusoh: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebab saya kata begitu, saya amat sedih. Saya sendiri, saya tegaskan sekali lagi, siapa sahaja kalau bersalah hati saya tetap kata bersalah, walaupun diri saya sendiri ataupun Kerajaan saya sendiri tetapi di atas hakikat yang benar. Cuba kita perhati, jikalau mereka bercakap, kita dengar, termasuk Kerajaan dan Menteri-menteri kita sendiri, tetapi malang jikalau kita bercakap seorangpun tidak mahu dengar, seolah-olah macam kata Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri semalam, mereka sahajalah yang betul. Ini saya amat kesal. Dengan sebab itu saya berpendapat buat kata pepatah Melayu; Tak kenal, tak cinta. Kata orang muda-muda tetapi saya berpendapat, tak kenal, tak cinta ini bukanlah semata-mata diuntukkan gadis kepada teruna ataupun teruna kepada gadis, itu salah pada pendapat saya. Tetapi yang dikatakan tak kenal, tak cinta, termasuk juga kita terhadap

Tuhan. Sebab itulah pendapat saya dan saya masih ingat di masa saya masih kanak-kanak dahulu orang tua-tua di tempat saya selalu, sebelum perkara yang akan diajarkan dalam ugama sifat 20 dikemukakan dahulu, sifat mengenalkan Tuhan. Cara hari ini dikatakan orang mengenalkan. Tauhid ini pada pendapat saya cara mengenal dahulu amatlah perlu dan amatlah penting. Satu benda kita tidak kenal maka tidak cinta. Bukan sahaja kepada lelaki, perempuan, terhadap Tuhan baik, terhadap bangsa baik, terhadap harta benda baik, terhadap pangkat baik, terhadap apapun, tidak kenal, tidak cinta. Jadi, kalau ada orang mengatakan istilah tak kenal maka tak cinta semata-mata untuk lelaki dan perempuan, bersalahan pada pendapat saya. Pendapat saya tidak kenal tak cinta ialah di segenap segi termasuk tidak kenal, tidak cinta pada Tuhan, tidak kenal betul-betul maka tidak datang hasrat kasih sayang dan takut pada Tuhan. Maka dengan sebab itu pada pendapat saya sebelum perkara ini dilanjutkan lagi, saya kata mengenalkan Kerajaan kita secara mendalam, mengenalkan Kerajaan kita kepada rakyat keseluruhannya amat perlu. Saya berani menegaskan, sebagaimana saya katakan tadi ramai rakyat Malaysia terpengaruh, boleh jadi terpengaruh dengan perasaan sentimen dan boleh jadi terpengaruh dengan tidak tahu apa yang dibuat, kerana dia dengar satu hala dan satu pihak semata-mata. Seperti kita berparti hari ini, kita berparti hari ini bebas dan demokrasi. Kalau ada parti-parti Pembangkang yang mengatakan kita cara diktator, ini pada pendapat saya orang ini tidak bercakap cara berfikiran dan bercakap ikut sedap.

Saya masih ingat pada 8hb Julai, 1978 hari Sabtu, kita telah mengadakan Pilihanraya Umum. Dalam Pilihanraya Umum itu kita adalah bebas, boleh bercakap mengikut peraturan dan kalau tak boleh bercakap kepada Parti Pembangkang, maka tak boleh bercakap kepada parti pemerintah walaupun dia parti pemerintah. Misalnya, saya kata rapat umum, kalau rapat umum kita tak benarkan kepada parti lain, kita tak benar kepada parti yang memerintah juga. Kadangkala lagi sedih, parti Pembangkang lagi dahsyat dituduh dan direka-reka benda yang tak betul, tetapi malangnya macam mana saya kata tadi, Tuan Yang di-Pertua, ada dua sebab, salah satu daripadanya boleh jadi

terikut dengan perasaan atau sentimen. Ada setengah menggunakan cara keugamaan dan ada setengah menggunakan cara kebangsaan dan sebagainya, tetapi yang sedihnya lagi macam mana saya katakan tadi mengadakan golongan dan berpuak-puak, kalau satu puak itu mendengar satu puak, kepada tempat lain dia tidak mendengar.

Saya berpendapat kalau kita buka peluang dan kita cari satu jalan supaya rakyat Malaysia tahu apa yang kita buat hari ini, Tuan Yang di-Pertua, insya Allah negeri kita akan bertambah baik walaupun hari ini baik. Saya contohkan dalam Dewan ini siapa manusia tak keji, siapa manusia tak berasa pelik di atas perbuatan yang dibuat oleh DAP. Walaupun akhbar telah menunjukkan satu muka lebih, agak saya dalam TV telah dibentangkan apa yang diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, tetapi apa yang telah berlaku parti Pembangkang lakukan kelmarin tidak ada walaupun bercakap benda itu tak mustahak. Maka dengan sebab itulah saya berpendapat, saya ulang sekali lagi, tak kenal maka tak cinta. Saya berharap khasnya kepada Kementerian Penerangan untuk menyampaikan kepada rakyat memainkan peranan yang sungguh-sungguh dan saya berharap dengan seboleh-bolehnya, Tuan Yang di-Pertua, macam kita mesyuarat petang semalam perkara yang penting macam itu patut disiarkan terus dalam TV bukan sahaja di masa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bercakap dibuat siaran terus supaya rakyat dapat tahu dan kemudian apa yang dicakapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini dibukukan. Walaupun sekarang ini saya biasa dapati telah dibukukan oleh pihak Kementerian Penerangan tetapi diberi cara tak begitu mendalam. Pendek kata, cara tak langsung.

Misalnya, saya sendiri bila saya tersua di Jabatan Penerangan Negeri barulah perkara itu ditunjukkan, tetapi tidak menyeluruh diberi kepada tiap-tiap rakyat. Saya berpendapat, Tuan Yang di-Pertua, walaupun kita tahu banyak perbelanjaannya membukukan apa yang diucapkan perkara yang penting dalam Dewan ini, tetapi walau macam manapun biarlah perbelanjaan kita keluar, asalkan benda dapat hasil kepada rakyat dan dapat diketahui oleh rakyat. Rakyat dapat tahu cara mendalam apa yang kita buat, baik

ataupun tak baik. Ini saya harap sangat, cara mana kita buat sekalipun, macam mana kita buat sekali pun, kalau tidak difahami oleh rakyat kesemuanya, saya berasa amat sedih.

Saya tidak menafikan, Tuan Yang di-Pertua, banyak rakyat sudah faham tetapi hanya pada parti Kerajaan, setengah parti Pembangkang dia pandang Kerajaan ini sebagai satu benda yang tak baik. Kita buatlah, macam mana saya katakan kursus-kursus sivik sebagai penerangan-penerangan yang dijalankan bukan oleh parti sahaja tetapi oleh badan-badan Kerajaan. Parti Pembangkang mengumpulkan penyokongnya baik dalam bandar dan di luar bandar, hari ini kebanyakan mendengar apa fatwa ketua-ketua, maka itu menjadi ikutan. Hak yang sebenar tak dapat dengar. Saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, semua manusia ada akal, kalau dia dapat dengar yang sebenar lambat sangat kata orang kampung dia akan pilih apa yang benar, tetapi malangnya hari ini kerana ada kungkungan kalau satu pihak yang dia terpengaruh dengan satu pihak dan ketua-ketuanya pula dia takut pengikutnya terpengaruh dia tekan dan sebagainya. Itu saya berharap Jabatan Penerangan mencari jalan supaya menyampaikan kepada tiap-tiap rakyat. Saya mengakui banyak daripada parti Pembangkang tak mahu dengar, dia pakai kata tak betul sahaja, tetapi bila dia dengar atas nama kenyataan yang sebenar, dia akan akui kalau benda yang benar itu tetapi benar.

Saya menyentuh parti Pembangkang yang telah disentuh oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh tadi. Saya cukup sedih mengapa masa dia bercakap kita dengar, dia pun hentam, tetapi masa kita hendak beri kenyataan yang lebih lanjut macam kelmarin dia tak mahu tunggu dalam Dewan. Tak tahulah saya, Tuan Yang di-Pertua, buat kata orang kalau hendak tahu baik seseorang itu tanyalah kawannya, kalau hendak tahu buruk seseorang itu tanyalah lawannya. Tetapi saya tak bersetuju, saya berpendapat kalau hendak tanya yang baik, yang betul kata betul, kalau yang salah kata salah. Kita hari ini, baik Kerajaan, baik siapapun, ini pendapat saya, bagi saya manusia itu mesti ada tiga golongan.

Satu, ada setengah dia akan sokong apa yang kita buat, betul tak betul dia kata betul. Lama-lama lingkup, maaf, Tuan Yang di-Pertua, saya gunakan perkataan lingkup. Kalau kita jahanam, dia juga jahanam.

Yang kedua, dia akan bangkang macam Pembangkang, baik tak baik dia akan bangkang. Inipun jahanam.

Yang ketiga, yang kita hendak cari kalau yang benar dia kata benar, tak betul dia kata tak betul. Bukanlah kita hendak cari semua orang hendak sokong kita.

Tuan Yang di-Pertua: Ini baru mukadimah sahaja, Yang Berhormat.

Tuan Shaari bin Jusoh: Tuan Yang di-Pertua, ya. Buat kata orang bagaimana gendang begitulah tarian, kerana dalam Dewan ini tadi bergendang sangat, maka terpaksa wakil Kangar mengikut tarian sedikit. Kalau tidak tak jadi. Minta maaf, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menyentuh usul yang ada ini, saya inginlah hendak menjawab walaupun saya bukan Menteri. Saya merayu kepada parti Pembangkang walaupun mereka tak ada dalam Dewan, tetapi saya yakin mereka itu tak balik, ada duduk di tempat rihat dalam Parlimen ini. Saya sebagai manusia sekali lagi saya kata, walaupun saya pihak parti Kerajaan, saya tetap percaya manusia menghormati sesama manusia. Marilah kita sama-sama menggunakan cara demokrasi. Walaupun pihak Barisan Nasional memerintah, kita jadi wakil rakyat bukanlah kita memerintah cara kuku besi, tetapi kita dipilih oleh rakyat macam mereka juga. Tetapi apa boleh buat rakyat Malaysia memilih kita lebih banyak, maka dengan sebab itulah kita bentuk Kerajaan, kenalah mereka akui hakikat yang sebenar ini. Di samping itu saya sukalah menyatakan sedikit sebanyak sebelum saya pergi kepada perkara lain, saya cukup hairan tentang sikap parti Pembangkang yang ada dalam Dewan ini. Dia kata dalam rancangan yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat mengikut peratus kemiskinan kita telah kurang. Saya ada tulis di sini kalau tak silap apa yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita akui, Tuan Yang di-Pertua, peratus kemiskinan kita telah kurang. Saya akui apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu bukanlah semata-mata saya mengakui, sebab dia Perdana Menteri yang ketua parti saya, tetapi saya mengakui dengan kenyataan dan apa yang sebenarnya. Tuan Yang di-Pertua,

saya tak kata di tempat lain. Negeri saya sendiri di Perlis manusia pada zahirnya, walaupun ada Professor Hamka kata kebahagiaan tak boleh tengok pada zahir. Saya manusia boleh tengok pada zahir. Kalau kita tengok manusia itu muka senyum tanda dia seronok, tengok dia pucat dan berjalan tak larat, dia uzur. Itu setakat zahir kita tahu bahawa zahir menunjuk batin. Itu tepat. Benda ada ini menunjukkan orang itu kaya, bertambah baik.

Saya contohkan di tempat saya sendiri manusia akan mencapai kenikmatan dalam hidup dengan ada benda-benda baikpun cara perbuatan yang diterangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti jalanraya, letrik, kenderaan dan sebagainya. Saya katakan di tempat saya sendiri, kalau tahun 1975 boleh dikatakan kenderaan tak sampai 30% tetapi manakala tahun 1978 meningkat sudah hampir 60%. Boleh dikatakan tiap-tiap buah rumah ada terdapat motosikal. Jadi membeli motosikal pada pendapat saya, itu adalah satu kemewahan, menghilangkan kemiskinan kepada rakyat kita kerana dengan adanya motosikal orang boleh berjalan jauh. Walaupun biasa dikatakan orang dunia sudah sempit tetapi biasa dikatakan orang dan Tuan Yang di-Pertua mungkin bersetuju dengan saya, bukanlah sempit tetapi dengan kerana kenderaan itu sampai cepat; Kalau dahulu memakan masa tiga jam sekarang hanya 15 minit, itu ditakrifkan oleh orang-orang tua sudah sempit.

Seperti saya katakan tadi di kampung saya sendiri, di negeri saya sendiri, kalau dahulu kenderaan tak ada, hari ini banyak. Kenderaan tadi kena beli, bukan diberi percuma oleh pihak tokeh, baik yang menjual motosikal dengan percuma. Dia terpaksa menjual, menjual dengan nilai wang maka orang yang mampu untuk membeli motosikal itu terpaksa menggunakan wang. Jadi kerana adanya wang itu menunjukkan orang yang dahulu itu miskin hari ini sudah bertambah kaya. Jadi apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi adalah benar.

Tetapi yang saya berasa dukacita di sini dibangkitkan atas dua hala berkenaan dengan rakyat miskin, dibangkitkan juga berkenaan dengan FELDA. Walaupun dikatakan oleh wakil DAP khasnya wakil dari Kota Melaka

yang saya dengar ucapannya tadi Kerajaan kita hari ini tidak mengseimbangkan di antara kaum. Saya fikir perkara ini adalah tidak benar. Tetapi kita sebagai manusia, tentulah hendak memerintah cara yang adil; kalau tempat yang tinggi, kita rendahkan sedikit; tempat yang rendah, kita tinggikan sedikit, baharulah kalau buat jalan, boleh dilalui motokar dan sebagainya; itulah yang dikatakan keadilan. Bukanlah tempat yang tinggi itu ditinggikan dan tempat yang rendah itu direndahkan lagi, tentulah itu bukan dikatakan keadilan ataupun sama rata. Dengan sebab setahu kita hari ini walaupun kita sendiri sebagai rakyat bumiputra, saya sendiri sebagai seorang Melayu atas kenyataan benar, orang dapat tahu Melayu boleh dikatakan khasnya bumiputra kebanyakannya petani. Dan kebanyakan petani diakui di sini telah dikatakan oleh pihak Pembangkang tadi dan kitapun tidak menafikan walaupun meningkat naik tetapi petani ataupun Melayu kehidupannya miskin. Dengan sebab Melayu miskinlah maka diadakan oleh Kerajaan untuk menstabilkannya sesuai dengan modal orang Melayu khasnya bumiputra yang tradisi orang Melayu pandai bercucuk tanam dan sebagainya, maka diadakan Rancangan FELDA yang begitu banyak dibagikan kepada kaum yang diakui lemah tadi. Maka inilah pada pendapat saya menstabilkan kedudukan rakyat berbilang kaum dalam Malaysia kita. Dan sebagai kenyataan walaupun Kerajaan kita akan meninggikan taraf ekonomi bumiputra tetapi tidak dizalimkan kepada bangsa lain dengan sebab itu kalau hendak buat syarikat dan sebagainya dibolehkan dengan joint venture dengan yang bukan bumiputra, itu atas kenyataan yang dikeluarkan oleh wakil dari Kota Melaka tadi pada pendapat saya adalah tidak beralasan sama sekali.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya sebagaimana yang saya katakan tak kenal, tak cinta tadi. Maka saya berharap sangatlah alat sibaran am digembelangkan dengan kuat lagi. Saya dapati hari ini kalau kita hendak tunjukkan dalam TV sebelum daripada itu tentulah ada pegawai-pegawai yang berkenaan untuk mengambil gambar baik di ceruk kampung dan sebagainya. Saya biasa bertemu dengan pihak-pihak pengambil gambar TV untuk disiarkan di TV secara sambilan, mereka ini amatlah dukacita kerana mereka

tidak ada pegawai tetap, tidak ada gaji tetap tetapi diberi elaun harian mereka itu bekerja. Kalaulah mereka ini bekerja di tempat lain tetapi dikehendaki oleh pejabat ini pula bekerja dengan TV dan mereka juga belum ada kerja lain, ia menjadi serba salah, kalau hendak ditinggalkan dan bekerja lain sedangkan ia sudah hendak tetap dengan kerj. yang ada, maka kerja ini tidak menjadi jaminan kepada mereka di masa yang akan datang. Maka dengan sebab itu, saya berharap sangat kepada pihak Jabatan Penyiaran supaya mengkaji pekerja-pekerja juru gambar TV sambilan ini kalau tidak boleh ditetapkan jawatannya sekali pun, dibagilah bonos atau sahuhati sesudah mereka ini bekerja sekian-sekian tahun kerana kita hendak tunjukkan sibaran am dan sebagainya sebagai hasil daripada pengambilan gambar daripada luar bandar.

Satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, saya bercakap berkenaan dengan sibaran am ini juga. Saya bangkitkan tadi sebagai satu contoh yang saya berpendapat, saya bukanlah hendak caci TV ini, TV ini baik, saya seorang daripada penggemar menengok TV dan ada rancangan-rancangan yang saya suka dan ada rancangan yang saya tidak suka, itu saya tidak mahu sebutkan. Saya tidaklah memaksa kerana tidak semua manusia menyukai semua rancangan yang disiarkan. Tetapi, saya berpendapat, rancangan yang lebih berkesan, cara penerangan yang lebih mendalam dan berkesan dan mahu disukai oleh orang ramai, biarlah penerangan itu cara perbuatan. Katalah Rancangan Malaysia Ketiga selain daripada yang saya katakan tadi, kita keluarkan siaran, penerangan dan sebagainya, kita adakan gaya drama sebagai filem rencana dan sebagainya. Janganlah semacam kita tengok dalam rancangan TV; saya malu hendak katakan di sini, Tuan Yang di-Pertua. Selepas pukul 10.00 malam dan selepas pukul 7.30 yakni lepas bang Maghrib, filem cerita Inggeris disiarkan terus sampai pukul 8.25 dan lepas itu disiarkan Warta Berita, kemudian ada Ulasan Berita, Peristiwa dan selepas itu barulah cerita Melayu sedikit, lepas itu ada dua tiga cerita lagi, semuanya filem Inggeris. Jadi kesannya daripada cerita ini sedikit sebanyak membawa muda-mudi kita atas apa yang ditengoknya. Tak bolehkah macam saya katakan tadi, untuk memberi penerangan kepada apa yang telah kita buat

diadakan filem-filem rencana, kalau tidak tiap-tiap malam pun dua malam sekali diadakan filem rencana ini. Kita carilah pelakun-pelakun yang baik sedikit, orang ini walaupun tidak begitu minat tetapi kalau benda itu tidak kena bayar, ia tengok juga tetapi kalau benda itu kena bayar payahlah sedikit, tetapi setakat kalau hendak beri syarahan sahaja, orang tidak minat. Dengan adanya rencana penerangan dengan filem itu lebih menarik atas apa yang kita jalankan hari ini. Sebagai contoh perhubungan raya, kereta penerangan, menayangkan wayang gambar, filem rencana pun orang tengok penuh di padang bola, kerana orang-orang ini kerap kali kalau benda itu free, mereka mudah tertarik sedikit. Tetapi kalau ceritanya bercakap sahaja, kadang-kadang orang jarang dengar kecuailah kalau benda-benda yang tertentu mereka cenderung betul-betul.

Tuan Yang di-Pertua, beralih saya kepada apa yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Kalau dikaji dalam buku ini, pendapatan kita yang meningkat ialah dari segi minyak khususnya di Trengganu; tetapi saya dukacita negeri Perlis tidak ada minyak, getah pun tidak ada, kelapa sawit pun tidak ada, yang ada ialah padi. Jadi, mengikut kenyataan ini iaitu yang telah meningkat pendapatan negara kita ialah berkenaan dengan minyak, kelapa sawit dan juga perumahan. Dan yang paling sedih sekali ialah berkenaan dengan pertanian—ini telah menurun; mengikut kenyataan di sini disebabkan kemarau pada tahun 1977 dan 1978. Saya biasa dengar begitu tetapi saya tidak pandai adakah benda ini benar atau tidak saya pun tidak tahu. Salah satu sebab yang membawa kemarau, yang tidak mahu turun hujan kerana kekurangan pokok iaitu, bila pokok tidak ada, daya penarik hendak menarik awan supaya turun hujan pun tidak itu dikatakan semua bohong, saya pun tidak mahu kata apa-apa. Tetapi bila saya kaji di atas hasil pendapatan negara di sini, kayu balak lebih daripada had yang diperlukan, had yang diperlukan setakat ini, bererti kayu balak ini datang daripada siapa, pokok yang dikatakan sebab hujan tidak banyak tadi sebab pokok tidak ada, jadi munasabah. Jadi kita tolak, kemudian kita campur balik, jawabnya betul juga. Mengikut satu kenyataan, kurangnya hujan adalah disebabkan pokok kayu itu sudah kurang dan sebab

kurang hujanlah hasil pertanian kurang. Maka dalam kenyataan ini pula dikatakan; dalam muka berapa saya pun tidak ingat, kalau hendak ikut pendapatan kita dari segi hasil kayu balak lebih daripada yang dijangkakan, satu kerana harganya mahal; kedua, kayu balak itu lebih. Satu lagi saya tegaskan kerana lebihnya kayu balak itu kerana pokok ditebang maka pokok kayu ditebang, kurangnya pokok kayu, menasabahlah dikatakan hujan tidak turun kerana pokok kayu tidak ada. Benda ini, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu hendak titik-beratkan, cuma saya hendak titikberatkan tentang pertanian.

Saya bersyukur kepada Tuhan dan berterima kasih kepada Kerajaan walaupun negeri-negeri yang kurang maju ada disebutkan di sini iaitu Kedah, Perlis, Trengganu dan Kelantan; tetapi agak saya Trengganu ini hendak bertambah maju kerana hasil pendapatan minyaknya; Perlis dan Kedah agak malang sedikit kerana berharap kepada pertanian dan berharap kepada belas kasihan daripada Kerajaan Pusat. Dengan sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, kalau saya hendak bercakap juga agaknya saya pun bercakap tetapi kalau saya hendak bercakap benda itu tidak berhasil lagi. Agak saya ada dua sebab kurangnya pertanian ini. Pertanian di sini disebut, Tuan Yang di-Pertua, getah katanya bertambah baik, kelapa sawit pun bertambah baik tetapi hasil pertanian di sini ada dua, satu saya berpendapat padi dan lain-lain tanaman seperti sayur, kobis dan lain-lain lagi. Saya berpendapat ada dua sebab, Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya bersetuju dan saya akui sebagaimana yang dikatakan kurangnya hasil pertanian disebabkan kemarau. Tetapi yang kedua kurangnya hasil pertanian kerana kurang minat daripada petani, walaupun masa boleh bertanam tetapi kurang minat. Sebab saya kata kurang minat, Tuan Yang di-Pertua, tanah pun tidak semacam dahulu lagi iaitu di Kedah dan Perlis. Kalau tidak silap saya tanah di rancangan Muda sahaja saya biasa dengar tidak kurang daripada 10,000 ekar, termasuk Perlis pun saya percaya banyak. Kalau dahulunya untuk pertanian hari ini sudah menjadi perumahan. Jadi sungguh menasabah jika kita tengok dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kadar perumahan juga telah meningkat naik daripada masa yang dijangka,

walaupun tidak cukup tetapi kadar yang kita hadkan banyak bertambah. Benda itu munasabah bila ditolak balik apa sebab benda ini naik, rumah dibuat banyak, apa sebab benda ini kurang. Satu kerana kemarau yang kedua tanah sudah kurang.

Kalau tidak silap saya 10,000 ekar sudah dijadikan tanah perumahan kerana maklumlah manusia, orang yang tidak mahu dua sahaja, Manusia ini, besar yang tidak ketahuan, tidak payah saya sebutkan dalam Dewan yang mulia ini, tentang kaya manusia semua hendak. Tentang hal ini orang tidak boleh nafi dengan cara perumahanlah manusia boleh jadi kaya sekali, mudah dapat duit. Maka dengan sebab itu cara perumahan dibuat, tanah, tanah bendang dan sebagainya. Saya berharap Kerajaan mengkaji benda ini betul-betul.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada apa yang saya cakapkan tadi manusia hendakkan wang, yang mana wang banyak itu manusia akan cari walaupun kita tahan, manusia akan cari. Manusia duduk di dunia cara haram, cara halal, tetapi cara halal yang kita bukan itu semua manusia hendak buat. Cara harampun manusia hendak buat. Apatah lagi kalau benda itu halal.

Jadi dengan sebab itu untuk mengatasinya pada pendapat saya, kita cari jalan cara pertanian ini biarlah dapat hasil yang lebih. Saya berpendapat patutlah hasil-hasil pertanian dua cara ini dibuat. Satu hal ini saya biasa cakap dalam Dewan ini, saya tegaskan lagi, Kerajaan kita sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengadakan pelaburan asing kerana kita percaya salah satu cara yang besar hendak mencari keuntungan dan Kerajaan hendak menghapuskan pengangguran yang ada dalam Malaysia. Itu tujuannya, pak tani kita tidak nafi.

Yang kedua tentang import-eksport, kadang-kadang Kerajaan kita terpaksa menahan kemasukan barang-barang dari luar misalnya motokar dan sebagainya. Kadang-kadang Kerajaan kita tahan walaupun kita kata, kalau dibuat pembekuan boleh jadi pasaran atau harga yang dibeli itu harus rendah daripada apa yang kita beli. Tetapi oleh sebab Kerajaan hendak menjaga perusahaan-perusahaan atau industri-industri

yang ada dalam Malaysia ini terutama dalam bandar dan sebagainya Kerajaan terpaksa menahan barang-barang daripada luar negeri dengan tujuan hendak menjaga barang yang ada yang dibangunkan oleh Kerajaan kita sendiri, bukanlah semata-mata kerana hendak jaga taukeh atau saudagar yang berkenaan tetapi hendak menjaga pekerja-pekerja yang makan gaji di tempat itu. Kita ucapkan terima kasih. Kalau itulah dasar Kerajaan kepada bandar-bandar, industri-industri yang besar-besar, saya tidak mahu kata kita kena jaga baik bumiputra atau bukan bumiputra kerana Kerajaan kita, kita tidak kira siapa asalkan rakyat Malaysia yang taat-setia, kita beri setakat yang kita boleh, yang tidak taat-setia walaupun Melayu, Hindu atau Cina kita buat hukuman, itu hukuman Tuhan dan itulah juga yang kita buat. Siapa yang taat-setia, yang buat baik kita balas baik, kita beri keistimewaan apa yang boleh. Ini aturan yang Tuhan ajar kepada kita dan itulah juga yang kita buat. Tuhan tidak pilih Arab, tidak pilih Melayu, tidak pilih Hindu, tidak pilih Cina. Siapa buat baik dibalas baik, siapa buat jahat dibalas jahat. Memandangkan kepada segi itu Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat di segi pertanian juga dua perkara:

- (i) Kerajaan sekat barang-barang yang hendak masuk dari luar negeri dengan memberi semangat dan meminta petani-petani menanam sendiri sebagaimana kita tengok hari ini bawang merah, cabai besar, cabai kering dan sebagainya yang diimport dari luar negeri.

Kita minta rakyat, saya yakin, Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana walaupun saya menjadi Wakil Rakyat, saya daripada pak tani, ini saya akui. Saya tepuk dada bukan membesarkan diri, saya adalah pak tani yang rajin, syaratnya apa yang dikerjakan memperoleh wang. Tetapi kalau yang dikerjakan tidak mengeluarkan wang pak tani tidak mahu kerja, pak tani juga hendak wang. Kalau dia terpaksa bekerja pagi, petang sampai malam menyiram pokok macam tembakau, hingga sekarang dibuat bersama-sama, siang malam dia buat kerja asalkan dapat hasilnya. Tetapi yang malangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya minta maaf kepada saudara saya yang menjadi Pengerusi FAMA di sana, suruh tanam itu dan ini, selepas ditanam berbukul-bukul bawa kepada MARDI. Apa yang Shaari kata, Wakil Kangar, saya biasa tanam sendiri, wakil

Kangar adalah asal pak tani, biasa masuk dalam akhbar *Bintang Timur*. Betul. Saya tanam sendiri dibawa pergi ke market datanglah seorang pemborong membeli, ditawarnya misalnya lobak 16 sen, kita tidak beri kerana terlampau murah, kita minta 18 sen; datang seorang lagi minta bukan 16 sen tetapi 14 sen; datang seorang lagi, lagi murah 12 sen, berpakat. Akhirnya, pak tani menjadi mangsa. Ini telah berlaku kepada pak tani termasuk kepada wakil Kangar sendiri. Kalau benda itu dinaikkan harga, saya yakin kalau dengan ada air dan sebagainya pak tani akan cukup.

Tuan Yang di-Pertua: Ini lobak apa, lobak putihkah, lobak apa sampai 14 sen sen sekati ini. Lobak apa?

Tuan Shaari bin Jusoh: Saya biasa tanam lobak sawi, lobak putih pun saya tanam. Ini betul, Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya cakap adalah kenyataan.

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat pak tani lekas sambut apabila kata lobak.

Tuan Shaari bin Jusoh: Apa yang saya cakap adalah atas kenyataan yang pak tani biasa buat dan saya sendiri biasa buat. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga harga padi, saya cakap ini kata orang sampai berbuih mulut, saya pun malu hendak bercakap. Harga padi sudah dinaikkan, saya ucapkan terima kasih. Tetapi dalam Dewan yang mulia ini saya sudah kata dan saya sudah nyatakan, ini sudah dikatakan oleh pak tani. Mengapa hendak dinaikkan harga padi apabila padi sudah tinggal 10% dekat pak tani. Tak usah naik! Naikkan pada masa padi banyak, masa padi ada 80% 90%. Padi sudah hendak habis baru hendak dinaikkan, hendak cari apa, Tuan Yang di-Pertua.

Saya sungguh sedih, ini dikatakan pak tani termasuk pak tani Shaari ini samalah dan benda ini benar, Tuan Yang di-Pertua. Kalau hendak menaikkan harga padi dan sebagainya naikanlah semasa benda itu masih ada banyak kalau tidak 100% pun 80%. Janganlah bila padi sudah tidak ada kita hendak pernaikkan. Pihak swasta dia hendak naikkan sendiri, dia hendak jual mahal, dia jadikan Kerajaan sebagai alat, tidak payah kita naikkan. Ini saya mintalah kepada LPN, kepada Menteri yang berkenaan tolonglah

ambil perhatian. Naikkan, saya berterima kasih, dan semasa padi sudah hendak habis tak usah naikanlah, mengarut sahaja. Ini cakap mengarut, minta maaf, Tuan Yang di-Pertua, tetapi saya puas hati bercakap seperti itu.

Tuan Yang di-Pertua, di segi-segi lain juga, dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, parit dan sebagainya telah banyak dibuat di kampung-kampung. Perkara ini sudah berlaku. Saya berpendapat dan saya akui kelulusan itu tetap kelulusan. Kata Pepatah Arab: "Kalau tidak buat kerja kelulusanpun tidak menjadi apa". Bukan kelulusan kejayaan satu-satu orang itu tetapi apa yang dia buat. Dan kata pepatah Melayu: "Alah bisa tegal biasa". Tetapi saya akui kepada kejuruteraannya, saya akui mereka itu pandai, mereka pergi belajar. Tetapi sedikit sebanyak kejadian alam semula jadi mereka hendaklah akui juga. Sebab saya katakan begitu, kebanyakan daripada taliair ini, bukanlah kesemua, ada setengahnya tidak sesuai. Macam dibuat ampangan, dibuat parit, jadi mengikut kehendak pak-pak tani patut dibuat saluran yang boleh sampai air ke situ. Mengikut fahaman pak tani patut dibuat ampangan. Kata pihak yang berkenaan, "Aku engineer, engkau apa tahu, aku engineer". Saya akui, dengan kerana saya akui itu kadang-kadang saya berlawan saya kalah dan pihak pak tani berlawan juga. Tetapi apa yang dikehendaki oleh pak tani kadang-kadang benda itu berlaku. Kalau pak tani kata pam ini patut diadakan saluran, patut diadakan ampangan, baru boleh naikkan air ke matlamat yang hendak dituju. Tetapi pihak berkenaan kata, "Aku yang tahu". Saya tidak salahkan pihak Kementerian, saya tidak salahkan pihak yang mengeluarkan wang tetapi saya merayulah pihak pegawai-pegawai kita di manapun, saya tidak suruh mengikut orang kampung 100% tetapi kalau benda itu ada kenyataan kajilah sedikit, Tuan Yang di-Pertua. Itulah harapan saya kepada pegawai-pegawai yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, yang menarik perhatian saya kepada ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kepada Rancangan Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Ketiga, apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat tentang kemajuan setempat. Kita hari ini telah membuat jalan. Ini juga dikatakan oleh setengah orang yang

menentang kita. Kita membuat jalan misalnya di dalam kampung. Kita membuat rancangan FELDA misalnya, secara umum kita mendapat hasil sebagaimana saya kata tadi dengan adanya jalan barang yang murah menjadi mahal oleh kerana barang yang kita hendak jual sampai ke rumah seperti padi dan sebagainya. Barang yang mahal kita hendak beli boleh dimurahkan sebab pengangkutan sampai di hadapan kampung kita. Ini kita tidak nafikan tetapi di segi keuntungan sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri seperti mengadakan jalan itu sendiri macam rancangan FELDA dan rancangan-rancangan besar. Saya yakin sebagaimana kita buat FELDA misalnya, Kerajaan mengutukkan berjuta-juta ringgit mengadakan rumah dan begitu juga alat-alat lain. Begitulah juga kampung. Kerajaan mengadakan jalan yang berjuta-juta ringgit ataupun beratus-ratus ribu ringgit. Di samping ini saya percaya sebagaimana yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tentulah juga kepada pemborong-pemborong atau kontraktor yang menjalankan kerja itu kadang-kadang mereka dapat keuntungan yang berlipat ganda tetapi ada juga yang rugi, tetapi banyak yang untung. Tetapi kerap kali yang mendapat keuntungan menjalankan kerja projek untuk sesuatu matlamat kampung tadi sebagaimana kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ialah oleh orang lain.

Jadi apa yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu saya amatlah berharap sungguh-sungguh supaya perkara ini dapat dilaksanakan. Tetapi satu perkara yang kita berasa dukacita ialah Kerajaan kita hari ini akan menolong rakyat tetapi kalau atas dasar menolong rakyat beri permit dan sebagainya tetapi di segi pemasaran, di segi barang-barang tidak dapat kita jalankan, tidak dapat kita adakan, disabotajkan oleh setengah golongan. Itu menjejaskan ataupun menggagalkan terutama Bumiputra yang ingin berkecimpung dalam bidang perniagaan tadi. Dengan sebab itu saya berharap sangat-sangat atas apa yang disuarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tadi saya ucap terima kasih dan saya berdoa akan berjaya.

Di samping itu saya haraplah Kerajaan juga akan mengambil langkah yang tertentu kepada orang-orang yang ada bahan-bahan

yang patut mereka beri tetapi mereka menghalang bahan-bahan itu sampai kepada pihak-pihak yang berkenaan. Macam baru-baru ini saya dengar pemborong-pemborong Melayu Malaysia yang separuhnyanya hendak pergi ke Singapura dan ditakuti pula kalau ada sabotaj lagi. Inilah nasibnya pemborong-pemborong Bumiputra, bukanlah mereka tidak ingin maju tetapi dengan adanya berbagai-bagai halangan membawa kepada beberapa sebab yang terpaksa terkandas di tengah jalan. Walaupun niat Kerajaan itu baik, saya ucap terima kasih, tetapi di samping itu saya haraplah Kerajaan juga tolong mencari jalan mengatasi apa yang saya katakan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam ini juga Yang Amat Berhormat telah menyatakan berkenaan dengan letrik telah bertambah daripada apa yang telah dijangkakan. Saya ucapkan terima kasih tetapi saya berpendapat satu perkara yang saya amat sedih tentang dasar Kerajaan, tujuan Kerajaan baik tetapi Kerajaan ialah juga rakyat yang akan menjalankan segala pentadbiran, menjalankan segala perlawanan. Kadang-kadang sebuah kampung yang tidak mendapat bekalan letrik, itu tidak apalah; apa boleh buat kerana belum sampai masanya lagi, satu masa kita akan dapat juga. Tetapi yang menyedihkan sesudah letrik dimasukkan ke sebuah kampung ada pegawai-pegawai; saya tidak kata pegawai, kakitangan yang menjalankan kerja-kerja ini kalau hendak dikatakan sabotaj pun tidak kerana orang ini cuma hendak cari makan kadar berpatutan. Tetapi kadang-kadang mereka ini tidak banci habis. Bila tidak banci habis mengikut had yang tidak dapat dielakkan sekian bulan katanya rancangan letrik yang berkenaan telah ditutup. Maka hamba Allah yang ketinggalan tadi bukan tidak mahu banci, sudah dibanci tetapi tidak dibanci oleh manusia yang tukang banci tadi, terlupa ataupun sengaja tidak mahu banci ketinggalanlah tiga empat buah rumah. Maka tiang-tiang yang sepatutnya manusia lain tidak payah bayar, dia kena bayar.

Seorang Wakil Rakyat telah menjadi mangsa tempat aduan sampai kepada Menteri Besar dan sebagainya. Kita tidak peduli, adu tidak adu, rayu tidak rayu itu bukan masalahnya tetapi bagi kita yang sebenar kita bercakap benar, yang salah kita kata salah. Saya

berharap sangat-sangatlah kepada Kementerian ataupun Lembaga Letrik Negara tolonglah awasi benda ini kerana saya dapati betul-betul bukan kerana orang kampung tidak mahu dibanci tetapi tidak dibanci oleh pihak yang berkenaan. Jadi mereka ini ketinggalan, orang kampung itu jadi mangsa, kita tempat mereka merayu. Kepada tempat-tempat yang ketinggalan termasuklah negeri saya sendiri iaitu Perlis, saya haraplah tolong ambil perhatian dan seboleh-bolehnya janganlah diambil harga sebagaimana orang lain tidak ambil, begitulah saya ambil dan di masa-masa lain kalaulah hendak tutup misalnya tolonglah beri masa yang panjang sedikit supaya dapat diketahui, supaya tidak ada manusia-manusia yang teraniaya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal saya tadi, ini saya bercakap fasal tujuan Kerajaan hendak meningkatkan taraf hidup rakyat. Yang Amat Berhormat Dato' Perdana Menteri telah menyatakan juga yang Kerajaan telah memberi tambahan wang kepada tiga buah negeri seperti saya kata tadi, saya ucapkan terima kasih. Kelantan, Trengganu, Kedah dan Perlis telah mendapat tambahan lebih daripada apa yang diperuntukkan dan akan diberi lagi kalau rancangan itu dapat dijalankan, kata Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya ucapkan terima kasih lagi, Tuan Yang di-Pertua. Tetapi wang Kerajaan ada dengan jurukira, kita tidak boleh buat salah; dia tidak boleh beri macam mana kita beri kepada anak kita, itupun hendak tahu juga. Kalau beri tidak ikut aturan, banyak manapun tidak cukup. Apatah lagi Kerajaan yang memerintah. Itu saya tidak nafikan, tetapi yang akan menjalankan segala-galanya itu ialah pegawai-pegawai yang jujur, yang bersemangat dan dedikasi. Hari ini saya dapati kadang-kadang dihantar wang ke sebuah negeri termasuk negeri saya sendiri iaitu Perlis. Sampai kita tahu kalau tidak silap saya pada 16-12-1978 dan kalau tidak silap lagi tahun ini dilanjutkan sedikit sampai bulan Januari, wang itu kalau tidak dapat dibelanjakan terpaksa dihantar balik. Kita hendak belanja tetapi bagaimana kalau pegawai tidak cukup. Benda itu kita bukan boleh buat dengan tidak tahu pegawai, tidak diluluskan oleh pegawai dan sebagainya. Kalau dengan pegawai tidak cukup dan kalau ada pegawai pun kadang-kadang tidak dapat menjalankan kerja kerana

kerja yang terlampau banyak, maka rancangan itu tidak dapat dilaksanakan. Dengan sebab itu saya berharap sesudah kita banyak mengeluarkan perbelanjaan untuk membangunkan negara kita dalam Rancangan Malaysia Kedua di segi pembangunan dan sebagainya, saya berharap sangat-sangat pegawai-pegawai ini, beberapa kali saya telah merayu, patutlah ditambah lagi. Walaupun dalam ini kata Yang Amat Berhormat telah ditambah banyak peratus, saya tidak nafikan tetapi masih tidak cukup, masih banyak kerja yang terbengkalai kerana satu daripada sebabnya ialah kekurangan pegawai.

Sebab yang keduanya ialah kadang-kadang pegawai-pegawai ini pun saya tidak kata kesemua, manusia seperti nyiur juga, kalau satu berlubang bukan semua berlubang. Saya tidak kata kesemua tetapi masih ada pegawai-pegawai yang cuai walaupun dibuat oleh Kerajaan sebagai satu ikrar taat setia, saya ingat tidak begitu berkesan kalau tidak diikuti dengan follow-up dan sebagainya. Kalau dibuat ikrar taat setia, berikrar bekerja kuat tetapi kalau tidak diikuti benda itu tidak berkesan. Dengan sebab itu saya berharap segala rancangan Kerajaan khususnya di Perlis yang akan ditambah walaupun negeri miskin. tidak seperti negeri lain, tetapi kalaulah dengan ada rancangan Kerajaan, sebagai rakyat negeri Perlis saya sekali lagi berharap kepada Kerajaan menambahkan pegawai dan sebagainya supaya mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, mengikut ucapan Yang Amat Berhormat juga kita hendak menstabilkan kaum dan memperbaiki sosio-ekonomi kita. Kita tidak mahu satu kaum menganiaya satu kaum yang lain. Kita tidak mahu satu kaum menggolimi satu kaum, satu orang menggolimi satu orang, sebab itulah kita buat jel dan sebagainya. Sesiapa yang buat kejam kita tangkap, masukkan dalam jel kalau dia patut dihukum dengan cara itu. Ini aturan negeri kita. Tetapi benda-benda yang kecil kadang-kadang kita tidak dapat hendak tangkap dan orang itupun tidak dapat hendak atur. Saya telah soal dalam pertanyaan saya tadi tetapi kerana masa terhad, masih kedapatan kalau boleh kita ulang dalam Dewan ini, disegi pengangkutan. Dua perkara di segi pengangkutan ini baik tetapi ada tiga empat perkara yang saya fikir patut dikaji supaya rancangan kita ini akan dapat lebih

pesat lagi. Satu ialah di segi "asuren". Telah disyaratkan oleh Kementerian yang berkenaan tiap-tiap seorang yang akan membayar cukai jalan itu hendaklah diadakan asuren terlebih dahulu. Seseorang yang akan menjalankan kenderaan itu hendaklah mendapatkan hasil cukai jalan terlebih dahulu dan sebelum mendapat cukai jalan itu hendaklah ada mempunyai 'asuren' dahulu. Itu syarat Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua: Apa asuren?

Tuan Shaari bin Jusoh: Asuren, kawan-kawan kata asuren.

Tuan Yang di-Pertua: Insurance

Tuan Shaari bin Jusoh: Ya, insurance.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti salah catit dalam *Hansard*.

Tuan Shaari bin Jusoh: Dia catit kena, Tuan Yang di-Pertua (*Ketawa*). Dia adakan asuren terlebih dahulu.

Tuan Yang di-Pertua, jadi kalau dibanding kepada segi ini, seolah-olah perkara itu wajib. Dan memang sudah wajib. Mengapa, Tuan Yang di-Pertua, kalau sudah perkara itu wajib sebagaimana bayar cukai itu tidak diambil alih oleh Kerajaan. Oleh kerana orang kampung tadi tahu perkara itu wajib dibayar dulu dan kalau perkara itu tidak ada tidak boleh bayar cukai jalan, maka dia pun terpaksa ambil. Maka dengan sebab itu sangat banyak perkara penipuan ini berlaku kepada pemilik-pemilik motosikal dan sebagainya, kerana mereka ini asal dapat berhutang atau kalau tidak berhutang pun bayar duit tunai, ramai yang kena tipu dan sebagainya.

Dengan sebab itulah saya merayu walaupun di dalam masa Soal Jawab tadi saya tidak ungkit balik, tetapi saya merayu kepada pihak berkenaan kalau hendak disyaratkan asuren ini wajib sebagaimana cukai jalan hendaklah Kerajaan juga menjalankannya, supaya janganlah ada satu golongan yang mengambil peluang membuat penipuan dan sebagainya. Kalau hendak diberi kepada swasta dan sebagainya biarlah ada kawalan dengan rapi supaya perkara itu tidak akan berlaku. Tuan Yang di-Pertua.....

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Timbalan Menteri Pertahanan (Dato' Mokhtar bin Haji Hashim): Tuan Yang di-Pertua, mengikut Peraturan Mesyuarat 16 (3), saya mohon mencadangkan iaitu Majlis Mesyuarat ditangguhkan sekarang.

Dr. Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Lazimnya usul ini apabila ada Ucapan Penangguhan mesti ada cadangan dan disokong dan akan diambil undinya selepas selesai Ucapan Penangguhan, bukan pada masa ini. Itu mengikut Peraturan Mesyuarat.

UCAPAN PENANGGUHAN

Kematian Loh Kim di Hospital Besar Ipoh

6.32 ptg.

Tuan P. Patto (Menglembu): Tuan Speaker, saya bangun untuk menyentuh satu perkara yang penting dan perkara ini adalah dirujuk kepada Kementerian Kesihatan khususnya Yang Berhormat Menteri Kesihatan.

Kerajaan khususnya Kementerian Kesihatan melaung-laungkan bahawa pentadbiran di bawah Kementerannya adalah lebih cekap dan bertanggungjawab. Dalam pada itu kita sentiasa menerima berbagai aduan tentang sikap dan kecekapan pentadbiran di hospital-hospital.

Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Kesihatan pada suatu peristiwa yang berlaku di Hospital Besar Ipoh pada 9hb Februari, 1979. Pada hari Jumaat 9hb Februari, 1979 seorang pesakit bernama Encik Loh Kim berumur 71 tahun di Wad No. 2 yang telah dimasukkan ke hospital itu.....

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*)

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, koram tidak cukup.

(*Loceng dibunyikan: Ahli-ahli dikira, 17 Ahli hadir*)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan hingga hari Khamis, 22hb Mac, 1979, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.35 petang.